

**ANALISIS MAKNA IMPLISIT DAN EKSPLISIT DALAM
PENTERJEMAHAN BUKU '*RIHLAH IBN BATTUTAH*'
KE BAHASA MELAYU**

SYED NURULAKLA BIN SYED ABDULLAH

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**ANALISIS MAKNA IMPLISIT DAN EKSPLISIT DALAM PENTERJEMAHAN
BUKU '*RIHLAH IBN BATTUTAH*' KE BAHASA MELAYU**

SYED NURULAKLA BIN SYED ABDULLAH

TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2015

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SYED NURULAKLA BIN SYED ABDULLAH**

(No. K.P/Pasport: 700429-10-6383)

No. Pendaftaran/Matrik: **THA040004**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (Hasil Kerja ini”):
**ANALISIS MAKNA IMPLISIT DAN EKSPLISIT DALAM PENTERJEMAHAN
BUKU ‘RIHLAH IBN BATTUTAH’ KE BAHASA MELAYU**

Bidang Penyelidikan: **TERJEMAHAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi :

Tarikh:

Nama :
Jawatan :

ABSTRAK

Kajian ini mengemukakan analisis tentang makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu, yang berjudul Pengembaraan Ibn Battutah. Analisis telah dijalankan terhadap 149 set dialog yang dikumpulkan daripada keseluruhan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' (2002). Dalam penterjemahan, ujaran yang disampaikan dalam bentuk makna implisit dan eksplisit dalam bahasa Arab tidak semestinya sesuai untuk dikekalkan bentuknya dalam bahasa Melayu. Hal ini menimbulkan kesukaran dan menyebabkan wujudnya fenomena keterbalikan, iaitu bentuk makna yang implisit diterjemahkan menjadi bentuk makna yang eksplisit dan sebaliknya.

Analisis ini menyasarkan peninjauan bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' selain meninjau pengaruh budaya dalam penterjemahan ini dan strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menangani kesukaran penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual berlandaskan pendekatan pengeksplisitan (*explicitation*) yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005). Penganalisan data telah dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti bagi tujuan pengkodan berdasarkan taksonomi dan tema-tema yang dipacu oleh data yang diperoleh dan dibina oleh pengkaji sendiri.

Dapatan kajian bukan sahaja menunjukkan bahawa pengeksplisitan dan pengimplisitan didorong oleh faktor budaya secara umumnya malah juga dipengaruhi dengan ketara oleh faktor agama, ciri retorik bahasa Arab (*Balāghah*), leksiko-tatabahasa, pragmatik, pilihan

komunikasi dan nilai kesantunan bahasa sasaran serta strategi komunikasi dialog itu sendiri. Semua faktor ini perlu diberikan penekanan khusus oleh penterjemah dalam menghadapi kesukaran penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit. Kajian ini diharapkan akan mencetuskan minat dan fokus yang lebih mendalam terhadap strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan merentas bahasa lain di dunia.

ABSTRACT

This study presents an analysis of implicit and explicit meaning in the Malay translation of the book '*Rihlah Ibn Battutah*', also known as '*Pengembaraan Ibn Battutah*'. The analysis was conducted on 149 sets of dialogues collected from the entire book of *Rihlah Ibn Battuta*. In translation, the utterances delivered in the form of implicit and explicit meaning in Arabic are not necessarily appropriate to be retained as such in Malay. This has caused difficulties and has given rise to the reversal phenomenon, where the form of the implicit meaning is translated into the explicit form and vice versa.

This analysis aims to explore the forms of implicit and explicit meaning in the book *Rihlah Ibn Battuta* and to explore the influence of culture on this translation as well as the strategies used by the translator to deal with the difficulties of translating both forms of meaning, implicit and explicit. This study is a qualitative study using case study and textual analysis methods based on the approach proposed by Klaudy and Károly (2005), and Pym (2005). The data analysis was conducted using ATLAS.ti software for coding process based on the taxonomy and themes that are driven by data collected and developed by the researcher.

The results not only show that explication and implicitation in translation are driven by cultural factors in general but also that they are significantly influenced by religious factors, Arabic Rhetorical Sciences (*Balāghah*), lexicogrammatical and pragmatic factors, communicative preferences and the politeness of the target language as well as the communication strategies of the dialogue itself. These factors require special emphasis by the translator when addressing the difficulties of translating implicit and explicit meaning.

This study will hopefully spark interest and a deeper focus on explicitation and implicitation in translation across various languages in the world.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, akhirnya saya berjaya menyiapkan penulisan tesis berjudul, “Analisis Makna Implisit dan Eksplisit dalam Penterjemahan Buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke Bahasa Melayu”. Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai cabaran dan rintangan baik yang berbentuk fizikal mahupun spiritual pernah membadai kehidupan saya sepanjang pengajian PhD ini. Namun, saya sangat bersyukur kerana terus diberi oleh Allah SWT kekuatan, kecekalan dan komitmen serta usaha yang tidak mengenal erti penat dan lelah untuk meneruskan kajian dan seterusnya menghasilkan penemuan yang bakal merancakkan dan memerkasakan bidang dan industri terjemahan negara pada masa hadapan. Keberhasilan yang diraih ini besar maknanya buat diri saya yang kerdil ini, dan saya akur dan insaf bahawa kejayaan yang digapai pada hari ini merupakan hasil sokongan, bantuan, dan dorongan oleh banyak pihak yang senantiasa mendoakan kejayaan saya dan terus teguh berdiri menyokong saya baik pada masa susah mahupun senang.

Pada halaman yang amat bermakna ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada penyelia saya iaitu, Dr. Mohd Zaki Abd Rahman. Dr. Mohd Zaki Abd Rahman ialah guru yang sangat istimewa, berpengalaman dan berimpak tinggi khususnya dalam membimbing saya bukan sahaja dalam menghadapi perjalanan akademik yang serba mencabar ini malah mengakhirinya dengan kejayaan tanpa mengira betapa sukar sekalipun ujian dan halangan yang perlu saya atasi. Penyelia yang saya kasihi ini tidak pernah goyah iltizamnya dalam memastikan saya kekal komited terhadap penyelidikan yang dilaksanakan dan beliaulah yang mencetuskan momentum buat saya

untuk meneruskan kembara akademik PhD ini hingga saya berjaya melintasi garisan penamat dengan segenggam kejayaan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pendidikan yang bermurah hati mewujudkan persekitaran yang menggalakkan selain menyediakan segala kemudahan dan bantuan dalam bentuk biasiswa serta cuti belajar kepada saya untuk melaksanakan kajian ini di bawah Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Sekalung terima kasih ditujukan kepada Ketua, Jabatan Bahasa Asing, Dr. Roslina Mamat kerana senantiasanya memahami kedudukan saya dan memberikan kerjasama yang saya perlukan untuk memudahkan kelicinan perjalanan pengajian saya.

Sekalung penghargaan juga saya ucapkan buat Dr Zubaidah Ibrahim, mantan penyelia saya dan Prof. R.T. Bell yang telah turut memberikan sumbangan dan input yang tidak ternilai terhadap kajian yang dijalankan. Idea yang diberikan oleh mereka sememangnya sangat bernas dan memberikan impak yang besar terhadap kajian ini.

Terima kasih yang setulusnya buat bonda saya, Raja Maharum Binti Raja Imran, yang tidak pernah sesaat pun berhenti mendoakan kejayaan dan kebahagiaan saya. Buat almarhum ayahanda saya, iaitu Syed Abdullah Bin Syed Ahmad yang tidak sempat menyaksikan kejayaan saya ini, saya ingin menyatakan bahawa saya telahpun merealisasikan harapan ayahanda. Semoga Allah melimpahi ayahanda kesejahteraan dan kebahagiaan yang abadi di akhirat. Buat bonda, terima kasih atas doa yang senantiasanya dipanjatkan ke hadrat Ilahi agar anakanda berjaya memenuhi cita-cita, harapan dan visi keluarga kita untuk mencapai

kejayaan akademik yang tertinggi ini. Sekalung penghargaan juga buat bonda tiri saya, iaitu Sharifah Aminah Binti Syed Ahmad atas doa dan dorongan beliau yang tidak ternilai.

Saya juga merakamkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada isteri, Nurfairy Soed dan semua anakanda saya yang dikasihi, Syed Muhammad Yasin, Sharifah Aisyah dan Syed Aiman, atas bantuan, jasa dan pengorbanan kalian sepanjang penulisan tesis ini disempurnakan. Semoga perjalanan akademik ayahanda ini menjadi iktibar dan teladan buat anakanda pada masa hadapan. Hanya langit sahaja batasannya buat anakanda sekalian mengejar impian dan mencipta kejayaan. Terima kasih juga buat kekanda saya, Sharifah Nor Wahidah dan Sharifah Nor Saadah kerana senantiasanya tidak lupa mendoakan saya dan memotivasikan saya untuk mencipta kejayaan ini. Sekalung penghargaan istimewa buat adinda saya, Sharifah Fatimah atas kesungguhannya memberikan khidmat yang amat bermakna terhadap kajian PhD saya ini.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada semua sahabat, rakan dan murid atas bantuan, nasihat dan motivasi yang diberikan mereka kepada saya untuk menyempurnakan pengajian PhD ini. Meskipun saya pastinya tidak mampu menyebut nama setiap setiap seorang daripada mereka yang telah banyak memberikan sumbangan dan input yang berguna, saya ingin menzahirkan di sini ucapan terima kasih saya kepada beberapa orang rakan penting, iaitu Prof. Dr. Ibrahim Ismail, Dr. Nik Farhan Mustafa, Dr. Nor Azuwan Yaakob dan Hjh. Zaiton Ab. Rahman atas sumbangan input, idea dan tip berguna yang dikongsikan mereka dengan saya demi memastikan kajian ini mencapai kualiti dan standard yang dihasratkan. Tidak dilupakan juga saudari Faradzilla Roziani Ghazali yang sering menghulurkan bantuan yang diharapkan ketika khidmat dan kemahiran beliau diperlukan untuk kajian ini.

Yang penting untuk dinyatakan di sini juga ialah saudara Hisyamuddin Saad Alias @ Thman, yang membantu saya dengan kemahiran dan kecekapannya dalam penggunaan perisian ATLAS.ti. Kehadiran beliau banyak memberikan sumbangan khususnya dalam penggunaan perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti yang cekap dan berkesan. Tidak dilupakan juga rakan-rakan pengajian PhD saya, iaitu Abdul Razif Zaini di Universiti Malaya, Zaharom Ridhuan dan Norwati Md. Yusof di Universiti Kebangsaan Malaysia, yang saling memberikan kekuatan antara satu sama lain untuk menyelesaikan perjalanan PhD yang panjang ini.

Sesungguhnya hanya Allah SWT jualah yang membalas kebaikan anda sekalian dengan sebaik-baik pembalasan-Nya. Akhir kata, besarlah harapan saya agar kajian tesis PhD saya ini memberikan manfaat kepada khalayak pembaca dan pengkaji bahasa selain membantu dalam memerkasakan dan memartabatkan bidang penterjemahan di Malaysia.

KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PERAKUAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI RAJAH	xix
PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI	xx

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang	1
1.3 Permasalahan kajian	12
1.4 Objektif kajian	16
1.5 Soalan kajian	17
1.6 Batasan kajian	17
1.7 Kaedah dan rangka kerja analisis	19
1.8 Kepentingan kajian	22
1.9 Definisi konsep	23
1.10 Kesimpulan	30

BAB DUA TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN YANG BERKAITAN

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Pendefinisian terjemahan	32
2.3	Budaya dan konteks dalam penterjemahan	38
2.4	Pengeksplisitan dalam kajian terjemahan	45
2.5	Konsep <i>Musāwah</i> , <i>Ījāz</i> dan <i>Itnāb</i> dalam Balāghah Arab	52
2.6	Kajian yang berkaitan	58
2.6.1	Implisit dan eksplisit dari sudut kajian pragmatik	
–	Thomas J. (1995)	59
2.6.2	Kerugian linguistik dalam penterjemahan teks sastra Arab – kajian Al-Masri H. (2008)	61
2.6.3	Analisis makna implisit dalam Novel Harry Potter and The Prisoner of Azkaban karya J.K. Rowling dan terjemahannya – kajian Elam M. (2001)	65
2.6.4	Mengapa terjemahan pelajar cenderung menjadi lebih panjang berbanding dengan penterjemah profesional – kajian Mareva (2009)	67
2.6.5	Teknik pengeksplisitan dalam terjemahan Arab-Inggeris – kajian Waleed Othman (2006)	69
2.6.6	Pengeksplisitan dan stail penterjemah – kajian Saldanha(2008)	72
2.6.7	Kajian berasaskan korpus tentang pengeksplisitan kata hubung dalam teks bahasa Arab, terjemahan dan bukan terjemahan yang ditulis oleh penterjemah/penulis yang sama – kajian Ashraf A. (2010)	74
2.6.8	Prosedur dan strategi dalam penterjemahan elemen budaya karya Rihlah Ibn Battutah ke bahasa Melayu – kajian Idris Mansor (2011)	75

2.6.9 Pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan: kajian terjemahan teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris berasaskan korpus – kajian Becher (2011)	77
2.7 Kesimpulan	80
 BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	85
3.2 Reka bentuk kajian	85
3.2.1 Kajian kes dalam kajian terjemahan	87
3.2.2 Analisis Tekstual	89
3.3 Rangka kerja teoretikal	91
3.4 Proses pengumpulan data	97
3.4.1 Pensampelan data	99
3.5 Prosedur analisis data	100
3.5.1 Penggunaan Perisian ATLAS.ti	100
3.5.2 Proses Pengekodan Data	104
3.5.3 Taksonomi Kajian	106
3.6 Keabsahan kajian	111
3.6.1 Pengesahan Pakar Melalui Kaedah Inter-rater Reliability	111
3.7 Kesimpulan	115

BAB EMPAT ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	118
4.2	Soalan Pertama: Bagaimanakah Bentuk Makna Implisit Diterjemahkan daripada Buku ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> ' ke Bahasa Melayu?	123
4.2.1	Bentuk Makna Implisit Diubah Menjadi Bentuk Makna Eksplisit dalam Penterjemahan ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> '	124
4.2.1.1	Teks Arab Lebih Padat dan Ringkas Menjadi Teks Melayu yang Mengandungi Penambahan Perkataan dan Maklumat	125
4.2.1.2	Penambahan Perkataan untuk Menghindarkan Risiko Salah Faham	128
4.2.1.3	Penambahan Perkataan untuk Merancakkan dan Menghidupkan Perbualan dalam Bahasa Melayu	131
4.2.1.4	Penambahan Perkataan untuk Mengeksplisitkan Makna Yang Tersirat (Implied Meaning)	138
4.2.1.5	Pengeksplisitan untuk Meningkatkan Daya Mesej yang Disampaikan	142
4.2.1.6	Pengeksplisitan untuk Meningkatkan Makna Konotosi Ayat	145
4.2.1.7	Pengeksplisitan Disebabkan oleh Faktor Leksis-Tatabahasa	148
4.2.1.8	Pengeksplisitan Disesuaikan dengan Bahasa Diraja dalam Bahasa Melayu	153
4.2.1.9	Pengeksplisitan Disesuaikan dengan Bentuk Ucapan dalam Bahasa Melayu	156
4.2.2	Teks Arab Berbentuk Metafora Menjadi Teks Melayu Berbentuk Prosa Biasa	158

4.2.2.1	Pengeksplisitan untuk Menjelaskan Makna Denotasi yang Sebenar	158
4.2.2.2	Pengeksplisitan untuk Menjelaskan Makna Metafora	161
4.2.3	Perbincangan dan Rumusan.	163
4.2.4	Bentuk Makna Implisit Dikekalkan Implisit dalam Penterjemahan Buku ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> '.	168
4.2.4.1	Bentuk Makna Denotasi Implisit Dikekalkan Implisit	170
4.2.4.2	Pengimplisitan Didorong oleh Faktor Nilai Kesantunan	173
4.2.4.3	Bentuk Makna Metafora Teks Asal Dikekalkan Implisit Dalam Teks Sasaran	175
4.2.4.4	Rumusan dan Perbincangan	178
4.3	Soalan Kedua: Bagaimanakah Bentuk Makna Eksplisit Diterjemahkan daripada Buku ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> ' ke Bahasa Melayu?	180
4.3.1	Bentuk Makna Eksplisit Diubah Menjadi Bentuk Implisit dalam Penterjemahan ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> '	181
4.3.2	Teks Arab yang Lebih Lengkap dan Informatif Diubah Menjadi Teks Melayu yang Mengandungi Pengurangan Perkataan dan Maklumat yang Berkurangan	182
4.3.2.1	Pengurangan Perkataan dan Maklumat Tidak Menjejaskan Teks Asal	183
4.3.2.2	Pengimplisitan Dilakukan untuk Menjadikan Teks Terjemahan Lebih Ringkas dan Mudah Difahami	185
4.3.3	Teks Arab yang Lebih Terus (Direct) dan Informatif Diubah Menjadi Teks Melayu yang Tidak Terus (Indirect) dan Kurang Setara	188
4.4	Perbincangan dan Rumusan	191

BAB LIMA RUMUSAN	
5.1 Perbincangan	194
5.2 Rumusan	194
5.2.1 Objektif Pertama: Membincangkan Penterjemahan Bentuk Makna Implisit dalam Buku ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> '	197
5.2.2 Objektif Kedua: Membincangkan Penterjemahan Bentuk Makna Eksplisit dalam Buku ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> '	204
5.2.3 Dapatan Sisipan	207
5.3 Implikasi	208
5.3.1 Implikasi Terhadap Pengajaran Penterjemahan	208
5.3.2 Implikasi Terhadap Kajian Terjemahan	209
5.4 Cadangan	210
5.4.1 Cadangan Berkaitan dengan Aspek Metodologi	210
5.4.2 Cadangan Berkaitan dengan Genre Teks	211
5.4.3 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	212
5.5 Kesimpulan	213
BIBLIOGRAFI	214
LAMPIRAN A	227
LAMPIRAN B	228
LAMPIRAN C	241

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Teknik pengeksplisitan dan contohnya dalam kajian Walid Othman (2006)	71
Jadual 3.1: Biodata Pemeriksa Analisis Data Kajian Secara Ringkas	114
Jadual 4.1 kekerapan penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit	122
Jadual 4.2: Tema-tema bagi Bentuk Makna Implisit Diubah Menjadi Eksplisit	124
Jadual 4.3 <i>The general patterns of preferred and dispreferred structures</i> (following Levinson 1983) dipetik daripada Yule (1996, p. 79)	135
Jadual 4.4 Bentuk umum struktur pilihan dan bukan pilihan (berdasarkan Levinson 1983) dipetik daripada Yule (1996, p. 79)	135
Jadual 4.5 <i>How to do a dispreferred</i> dipetik daripada Yule (1996, 81)	136
Jadual 4.6: Tema-tema bagi taksonomi bentuk makna implisit dikekalkan implisit	169
Jadual 4.7: Taksonomi bentuk makna eksplisit diubah menjadi implisit dalam Penterjemahan ' <i>Rihlah Ibn Battutah</i> '	181

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Proses pengeksplicitan maklumat dan teknik pengeksplicitan	20
Rajah3.1 : Strategi Pengeksplicitan oleh Klaudy dan Károly (2005)	92
Rajah3.2: Konsep Penghindaran Risiko dalam Pengeksplicitan oleh Pym (2005)	96
Rajah 3.3: Proses pengekodan data melalui tapisan ketidaksepadanan (‘ <i>incongruity</i> ’)	106
Rajah3.4:Bentukimplisit diubah menjadi eksplisit	108
Rajah3.5:Bentuk Makna Eksplisit Diubah Menjadi Implisit	109
Rajah3.6:Bentuk Makna Implisit Dikekalkan Implisit	110
Rajah 4.1: Bilangan set dialog melibatkan bentuk makna implisit diterjemahkan menjadi eksplisit dalam penterjemahan buku ‘ <i>Rihlah Ibn Battutah</i> ’	120
Rajah 4.2: Bilangan set dialog melibatkan bentuk makna implisit dikekalkan Implisit dalam penterjemahan buku ‘ <i>Rihlah Ibn Battutah</i> ’	121
Rajah 4.3: Bilangan set dialog melibatkan bentuk makna eksplisit diterjemahkan menjadi implisit dalam penterjemahan buku ‘ <i>Rihlah Ibn Battutah</i> ’	121
Rajah4.4: Bentuk makna Implisit Dikekalkan	125
Rajah4.5 : Bentuk Makna Eksplisit Diubah Menjadi Implisit	182

PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI

(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)

A. Konsonan:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ء	,
ي	Y
ة	ah*

* Ditransliterasikan sebagai “at” dalam konteks gabungan dua perkataan.

B. Vokal:

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	اي	ay
ي	I	ي	ī	او	aw
و	u	و	ū		

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

“If the human mind was simple enough to understand, we'd be too simple to understand it.” Pugh (1896-1981)

Bab ini memberikan maklumat awal yang berkaitan dengan kajian, iaitu latar belakang, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, kepentingan, skop dan batasan kajian, maklumat ringkas buku *‘Rihlah Ibn Battutah’* dan terjemahannya, kaedah dan rangka kerja analisis serta definisi konsep.

1.2 Latar belakang

Terjemahan merupakan jambatan yang menghubungkan antara pelbagai bangsa di dunia yang berbeza dari segi bahasa dan budaya. Terjemahan telah diberikan pelbagai definisi namun secara ringkasnya definisi yang diberikan oleh Hatim dan Munday (2004,p.6) yang berikut memadai untuk memberikan gambaran secara menyeluruh tentang bidang yang dicakup oleh definisi terjemahan:

1. Proses pemindahan teks bertulis daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, yang dilaksanakan oleh seorang penterjemah, atau beberapa penterjemah, dalam konteks sosiobudaya yang tertentu.
2. Hasil bertulis, atau teks sasaran, yang terhasil daripada proses tersebut dan berfungsi dalam konteks sosiobudaya bahasa sasaran.
3. Fenomena bersifat kognitif, linguistik, visual, budaya dan ideologi yang merupakan bahagian penting kepada 1 dan 2.

Menerusi definisi yang diberikan oleh Hatim dan Munday (2004) itu, dapat difahami bahawa terdapat tiga bidang utama yang dicakupi oleh definisi terjemahan. Pertama, terjemahan merujuk proses pemindahan teks bertulis daripada bahasa sumber (SL) kepada bahasa sasaran (TL), yang dikendalikan oleh seorang penterjemah, atau beberapa orang penterjemah, dalam konteks sosiobudaya yang tertentu. Kedua, terjemahan merujuk produk bertulis, ataupun teks sasaran (TT), yang terhasil daripada proses dan berfungsi dalam konteks sosiobudaya bahasa sasaran (TL). Ketiga, terjemahan merujuk fenomena kognitif, linguistik, visual, budaya dan ideologi yang merupakan bahagian yang penting bagi elemen definisi yang pertama dan juga yang kedua. Dalam konteks kajian penterjemahan, Munday (2009) menyatakan bahawa elemen yang ketiga dalam definisi di atas yang telah menarik sebahagian besar perhatian dalam kajian penterjemahan pada hari ini. Kajian yang dikemukakan pengkaji ini juga tidak terkecuali, terutamanya tumpuan terhadap aspek budaya.

1.2.1 Bentuk makna implisit dan eksplisit

Kajian ini akan meneliti dan meninjau fenomena makna implisit yang diterjemahkan menjadi makna eksplisit dan sebaliknya sebagaimana yang terdapat dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya. Dalam terjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu yang berjudul '*Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia*', terdapat makna implisit dalam teks sumber yang diterjemahkan menjadi makna eksplisit dalam teks sasaran dan sebaliknya.

Maklumat yang implisit merupakan maklumat yang tidak mempunyai bentuk tetapi merupakan bahagian daripada komunikasi keseluruhan yang dihasratkan atau dikehendaki oleh penulis (Larson, 1984, p. 38). Menurut Larson, sesetengah maklumat dibiarkan implisit disebabkan oleh struktur bahasa sumber, maklumat yang dikongsi bersama dalam situasi komunikasi, ataupun maklumat itu telah dicakup di tempat lain dalam teks atau ujaran (1984, p. 84). Justeru, makna implisit berkemungkinan menampilkan cabaran yang sukar dalam proses penterjemahan memandangkan bentuk makna implisit ini bukan sesuatu yang dapat dilihat dengan ketara.

Fenomena kewujudan permasalahan bentuk makna implisit ini mendorong kemunculan strategi pengeksplicitan dalam penterjemahan. Pengeksplicitan bermaksud maklumat yang dinyatakan secara implisit dalam teks sumber dinyatakan secara jelas dalam teks sasaran. Malah terdapat hipotesis yang tersebar secara meluas dalam disiplin penterjemahan bahawa terjemahan lazimnya bersifat lebih eksplisit daripada teks asalnya. Hipotesis tersebut dikemukakan oleh Blum-Kulka (1986, p. 21), iaitu 'teks terjemahan cenderung menjadi lebih eksplisit berbanding dengan teks tertentu yang merupakan teks asalnya ataupun teks yang pada asalnya dihasilkan dalam bahasa yang berkenaan'.

Walau bagaimanapun, terdapat sarjana lain seperti Klaudy (2009) dan Becher (2011) yang mengkaji pengeksplicitan menurut dimensi lain dengan membandingkannya dengan pengimplisitan. Pengeksplicitan juga telah ditinjau dalam bentuk strategi penyuntingan yang digunakan oleh para penyemak seperti yang dilakukan oleh S'eguino (1988). Malah, sebuah analisis kuantitatif struktur sintaksis dalam korpora yang boleh dibandingkan untuk mengkaji pengeksplicitan telah dilaksanakan oleh Olan (2002).

Meskipun strategi pengeksplisitan, iaitu pemindahan bentuk makna implisit menjadi eksplisit, merupakan fenomena yang lebih ketara, namun strategi pengimplisitan juga wujud dalam disiplin penterjemahan. Pengimplisitan bermaksud menjadikan teks sasaran yang tertentu lebih implisit berbanding dengan padanan teks sumbernya (Becher, 2011).

Dalam menganalisis hasil terjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (2004), pengkaji memfokuskan penganalisan makna implisit dan eksplisit yang terdapat dalam terjemahan buku ini dalam bahasa Melayu.

1.2.2 Ibn Battutah, karya '*Rihlah Ibn Battutah*' dan penterjemahannya ke bahasa-bahasa dunia

Abū `Abdillah Muhammad ibn `Abdillah ibn Ibrahim al-Lawāti al-Tanjī atau namanya yang masyhur, Ibn Battutah r.h. (703-770 AH/1304-1364/69 M.) merupakan tokoh yang terkenal bukan sahaja di dunia Islam tetapi juga di serata pelosok dunia. Ibn Battutah ialah salah seorang penjelajah dunia yang terhebat, dan majalah *National Geographic* (Disember, 1991) telah menobatkan beliau sebagai '*The Prince of Travelers*', iaitu suatu penghormatan bagi seorang tokoh pengembara paling terkemuka dalam sejarah. Artikel utama edisi tersebut ditulis oleh penulis *National Geographic* yang berpengalaman iaitu, Thomas J. Abercrombie (1930-2006).

Karya terulung Ibn Battutah, iaitu '*Rihlah Ibn Battutah*' telah mengagumkan para sarjana di Timur dan juga Barat selain dinobatkan sebagai sebuah karya klasik dalam kesusasteraan Arab. Sebagai sebuah karya klasik, ia diakui oleh dunia sebagai memiliki mutu dan nilai yang tinggi dan kekal. Baloch (1997) dalam bukunya yang berjudul, '*Great Books of*

Islamic Civilisation’ menyenaraikan 81 buah karya agung dalam pelbagai bidang ilmu yang menggambarkan kegemilangan tamadun Islam. ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ tersenarai sebagai karya agung Islam dalam kategori pengembaraan. Dalam konteks ini, Baloch menyebut tentang ketinggian nilai dan mutu karya ‘*al-Rihlah*’:

‘In Ibn Battuta’s epitome of his journies, the genre of al-rihla or adab al-rihla (‘Travel Literature’) reached its climax’. (Baloch, 1997, p. 155)

Setelah menyempurnakan kembara sejauh 120,000 kilometer merentas Afrika, Eropah dan Asia, Ibn Battutah pulang ke Fez, Maghribi pada tahun 1354M. Sultan Maulāna Abū `Inān yang memerintah Maghribi pada ketika itu (1348-58) kemudiannya menitahkan supaya catatan pengembaraan Ibn Battutah yang lengkap direkodkan. Seorang jurutulis telah dititahkan oleh baginda untuk melaksanakan tugas tersebut. Beliau ialah Muhammad ibn Juzayy al-Kalbī(1321-1356/58) yang berasal dari Granada, seorang penyair dan penulis muda di istana Sultan Abū `Inān. Ibn Juzayy telah menulis dan menyusun semula naratif Ibn Battutah serta memberikan sentuhan bahasa yang indah dan puitis terhadap teks ‘*Rihlah Ibn Battutah*’.

Terdapat dua judul utama bagi karya ini. Pertama ialah ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang merupakan judul yang paling masyhur dan tersebar luas. Judul kedua ialah “*Tuhfat al-Nuzzār fi Gharā’ib al-Amsār wa `Ajā’ib al-Asfār*” yang bermaksud ‘Persembahan kepada para Pemerhati tentang Keanehan Kota Raya dan Keajaiban Pengembaraan’ namun judul ini tidak begitu meluas digunakan. Karya ini pada mulanya hanya berlegar di sekitar Afrika utara sejak abad yang ke-14, tetapi mula melebarkan sayapnya ke dunia luar apabila dunia Barat menemuinya dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Jerman, Perancis, Inggeris

dan Itali. Setelah itu, karya '*Rihlah Ibn Battutah*' terus berkembang dengan penterjemahannya merentas bahasa Asia termasuk Parsi, Jepun, Cina dan Melayu (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2008, p 173).

Seperti kebanyakan karya Arab yang panjang, karya '*Rihlah Ibn Battutah*' tersebar kebanyakannya dalam bentuk edisi ringkasan. Terjemahan edisi ringkasan yang pertama dan lengkap diterbitkan oleh Lee S. (1984) dalam the Oriental Translation series pada tahun 1829 dengan judul *The Travels of Ibn Batūta translated from the abridged Arabic Manuscript Copies*. Terjemahan edisi Perancis pula muncul pada tahun 1853-1858 menerusi usaha MM. C. Defremery dan B.R. Sanguinetti untuk Société Asiatique dalam empat jilid. Edisi Perancis ini menampilkan teks Arab dan terjemahan Perancis bersama-sama dengan nota dan pelbagai varian bacaan. Edisi Perancis ini diakui sebagai pencapaian yang signifikan dalam penterjemahan edisi lengkap '*Rihlah Ibn Battutah*' dan menjadi asas kepada penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' ke dalam bahasa Inggeris.

Penterjemahan edisi Inggeris yang dirintis oleh kertas cadangan yang dikemukakan oleh Gibb pada tahun 1922 melalui liku-liku perjalanan yang panjang sebelum ia disempurnakan pada tahun 2000. Sebanyak lima jilid berjaya diterbitkan; jilid pertama diterbitkan pada tahun 1958, jilid kedua pada tahun 1962, jilid ketiga pada tahun 1971, jilid keempat pada tahun 1994, dan jilid kelima dan yang terakhir mengandungi indeks bagi empat jilid sebelumnya diterbitkan pada tahun 2000. Keseluruhan edisi Inggeris mengambil masa 78 tahun (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2008, p. 174).

Edisi Inggeris yang diusahakan oleh Gibb ini mula menemui pembaca menerusi edisi pertamanya hanya pada tahun 1958. Kelewatan ini disumbang oleh faktor kerjaya Gibb yang sibuk dan cemerlang sehingga beliau dilantik menjadi Profesor di London, Oxford dan Harvard. Setelah jilid kedua diterbitkan pada tahun 1962, Gibb meneruskan usahanya menerbitkan jilid yang ketiga. Sewaktu menyiapkan jilid yang ketiga, Gibb pulang dari Harvard ke England dalam keadaan uzur kerana menderitai penyakit strok. Gibb mendapatkan pertolongan sahabatnya, iaitu Beckhingam untuk membantunya membaca pruf dan menyediakan peta perjalanan bagi jilid ketiga. Beckhingam (1994) mencatat ketabahan Gibb dalam kerja penterjemahannya:

“When he returned to England from Harvard he was a very sick man, unable to utter more than a sentence or two without being exhausted. It is evidence of great courage and determination, as well as impressive scholarship, that he completed volume III under such difficulties. I gave him some help with reading the proofs and preparing the maps. About six months before he died he proposed that I should take over the project from him.” (Beckhingam, 1994, p. ix)

Walau bagaimanapun, Beckhingam yang bercita-cita untuk melengkapkan penterjemahan edisi Inggeris dengan jilid kelima yang mengandungi indeks juga meninggal dunia sebelum sempat memenuhi hasratnya. Justeru, Bivar (2000) pula mengambil alih tugas pengindeksan sekali gus menyempurnakan pelaksanaan kertas cadangan yang dikemukakan oleh Gibb pada tahun 1922. Blurb yang membaluti jilid kelima edisi terjemahan Inggeris merekodkan sinopsis kisah penterjemahan edisi Inggeris sepanjang 78 tahun itu:

“Almost everything that is known of the life and personality of Ibn Battuta is derived from his own narrative of his travels.’ So wrote Professor Sir Hamilton in his Foreword in 1957 at the start of this Hakluyt Society project. Gibb was to die from a severe stroke shortly before the third volume was published in 1971; Professor Charles Beckingham nobly stepped into the breach and took in hand the translation of the fourth volume with annotations. But Beckingham too was to die before the completion of the project could be achieved and it was Professor David Bivar who offered to compile the extensive index, covering all four previous volumes, which at last completes the proposal that Gibb made to The Hakluyt Society as far back as 1922.”(The Travels of Ibn Battuta, 2000, p. blurb)

Dunia Barat bukan sahaja kaya dengan pelbagai versi terjemahan ‘Rihlah Ibn Battutah’ dalam bahasa Inggeris, Perancis dan Jerman, malah terdapat buku lain yang menjejak semula perjalanan Ibn Battutah. Mackintosh-Smith (lahir 17 Julai 1961) merupakan seorang rakyat British yang berpangkalan di Yaman, menerima pendidikan Arab di Oxford, seorang penulis, pensyarah dan juga pengembara. Beliau banyak menulis tentang Timur Tengah, pernah memenangi beberapa anugerah dan menjadi penyampai siri utama televisyen BBC. Dalam domain mengenai Ibn Battutah, Mackintosh-Smith telah menjejak semula perjalanan Ibn Battutah dan menulis beberapa tiga buah buku penting termasuk ‘Travels with a Tangerine: A Journey in the Footnotes of Ibn Battutah’ (2001), ‘The Hall of a Thousand Columns’ (2005) dan ‘Landfalls on the Edge Of Islam with Ibn Battutah’ (2010). Usaha Mackintosh-Smith ini tidak syak lagi menyemarakkan lagi perhatian dan minat terhadap wacana dan kajian mengenai Ibn Battutah dan pengembaraannya.

1.2.3 Penterjemahan ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke bahasa Melayu

Karya ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ tidak dapat dinafikan merupakan karya besar dunia yang penting untuk diterjemahkan supaya para pembaca yang tidak dapat membacanya dalam bahasa Arab boleh membacanya dalam bahasa Melayu. Dengan cetusan idea oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) memulakan usaha berani untuk menterjemahkan ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ pada tahun 1993. (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2008, p. 176)

Dari tahun 1993 hingga tahun 2003, manuskrip terjemahan telah melalui proses prapenerbitan yang melibatkan kerja semakan, perbandingan dan penilaian berbanding dengan teks asal, penyediaan nota hujung dan glosari, penyuntingan, pembacaan prof dan lain-lain. Kerja penterjemahan dilaksanakan oleh dua orang penterjemah, iaitu Syed Nurulakla Syed Abdullah (pengkaji sendiri) dan Adi Setia Mohd Dom dari tahun 1993 hingga 2003. (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2008, p. 176)

Pada naskhah buku tersebut, nama penterjemah dicetak sebagai Syed Nurul Akla Syed Abdullah, iaitu nama pena yang digunakan pada waktu itu. Yang sebenarnya, nama itu merujuk orang yang sama yang mempunyai nama yang sebenar, iaitu Syed Nurulakla Syed Abdullah. Tugas penyuntingan buku edisi Melayu ini dilaksanakan oleh dua orang editor, iaitu Datuk Dr Ismail Ibrahim, bekas Ketua Pengarah IKIM dan juga Wan Roslili Abd. Majid, Pegawai Penyelidik IKIM pada waktu itu. Kedua-dua editor mengendalikan projek penerbitan ini mulai tahun 1996 hingga buku ini diterbitkan pada tahun 2003.

Akhirnya pada tahun 2003, IKIM menerbitkan edisi terjemahan Melayu berjudul “Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia”. Edisi Melayu berkulit keras ini mengandungi 967 halaman yang terkandung dalam 23 bab yang dipecahkan kepada beberapa bahagian dan topik yang lebih pendek, nota bab bagi setiap bab, glosari istilah dan indeks nama, perkara dan tempat. Buku ini dilancarkan pada 19 Februari 2004 oleh baginda Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj di Institut Kefahaman Islam Malaysia di Kuala Lumpur (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2008, p. 176-179).

1.2.4 Piawaian proses penerbitan yang ketat

Buku ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’ ini seperti juga buku yang lain melalui piawaian proses penerbitan yang ketat oleh Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Ini merupakan salah satu sebab yang mendorong kelewatan penerbitan buku ini hingga mengambil masa sepuluh tahun. Draf terjemahan disiapkan sepenuhnya pada tahun 1996 oleh kedua-dua penterjemah yang telah dilantik, iaitu Syed Nurulakla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd Dom. Namun proses penerbitan yang selanjutnya mengambil masa dari tahun 1996 hingga 2003.

Memandangkan terdapat dua orang penterjemah yang menterjemahkan bab-bab yang berlainan, terdapat perbezaan yang ketara dari segi istilah, ejaan, interpretasi makna yang diberikan, gaya bahasa dan nada terjemahan. Justeru, satu perkara yang amat mendesak adalah untuk menyelaraskan semua aspek ini agar terjemahan yang diterbitkan nanti membawa hanya satu nada, satu rentak dan satu gaya bahasa dari awal hingga akhir teks secara bersepadu. Tugas semakan, penyuntingan dan penyediaan nota hujung dan glosari

yang menuntut ketelitian, ketepatan dan kehalusan bahasa di samping kajian dan rujukan yang ekstensif dalam pelbagai bidang dan topik dilaksanakan oleh editor, iaitu Datuk Dr. Ismail Ibrahim dan Wan Roslili Abd. Majid. Semakan dan penyuntingan sahaja telah dilakukan melebihi 100 kali untuk memastikan pemeriksaan yang jitu terhadap teks terjemahan. (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2009, p. 177).

Manakala proses pembacaan prof, penyediaan halaman awalan dan juga kulit buku telah dilaksanakan mulai tahun 1998 hingga 2003. Setelah proses semakan dan penyuntingan dilakukan, akhirnya proses pembacaan prof dilaksanakan. Sebanyak 12 peringkat pembacaan prof akhir dilakukan termasuk di atas Naskhah Sedia Kamera (*Camere-Ready Copy*) dan filem. Sekiranya terdapat pindaan pada filem, filem yang baharu dicetak semula. Selepas disemak dan disahkan oleh editor serta mendapat kelulusan pengurusan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), barulah filem dihantar kepada pencetak, iaitu Percetakan Yayasan Islam di Kuala Terengganu, Terengganu (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2009, p. 178).

Berdasarkan pengenalan yang diberikan pada bahagian latar belakang ini, pengkaji ingin menegaskan di sini bahawa analisis yang dijalankan dalam kajian ini bukan untuk menilai hasil terjemahan sebaliknya membincangkan bentuk makna implisit dan eksplisit dalam dua bahasa yang berbeza, iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu, yang terlibat dalam proses penterjemahan ini. Walaupun pengkaji terlibat dalam proses penterjemahan tetapi hakikatnya terdapat seorang lagi penterjemah, iaitu Adi Setia Mohd Dom dan dua orang lagi editor, iaitu Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Wan Roslili Abd. Majid, yang terlibat dalam proses penerbitan buku 'Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terlung, menyingkap wajah dunia' ini. Malah, piawaian proses penerbitan buku ini yang ketat oleh

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menunjukkan bahawa terjemahan yang diterbitkan sudahpun menerima banyak usaha gigih dan hasil input, pemikiran dan kreativiti editor dan pembaca prof di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sendiri yang menangani proses penyuntingan dan pembacaan prof akhir manuskrip buku ini antara tahun 1996 hingga 2003.

1.3 Permasalahan kajian

Terjemahan sebagai sebuah proses yang melibatkan pemindahan mesej daripada bahasa sumber (SL) kepada bahasa sasaran (TL) akan melibatkan beberapa jenis masalah berbeza termasuk linguistik, pragmatik dan budaya (Abdel Hafiz, 2003). Abdul-Raof (2001) menegaskan bahawa bahasa adalah berbeza dengan ketara antara satu sama lain dari sudut sintaksis, semantik dan juga pragmatik, dan masalah utama yang menguasai terjemahan ialah masalah makna.

Penterjemahan merupakan penyampaian makna yang sama dalam bahasa sasaran, akan tetapi tidak semua makna dan maklumat dalam bahasa sumber dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dengan jelas. Teks Arab klasik seperti '*Rihlah Ibn Battutah*' banyak mengandungi ujaran yang disampaikan dalam bentuk yang implisit dan juga eksplisit bersesuaian dengan konteks sosiobudaya dan khalayak pembaca Arab itu sendiri. Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam bahasa dan budaya Arab itu tidak semestinya bersesuaian jika dikekalkan dalam bentuknya yang sama dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu.

Hal yang demikian menampilkan cabaran yang besar kepada penterjemah untuk mengatasi masalah tersebut dengan cara yang berkesan dan pada masa yang sama tidak menjejaskan maksud dan mesej yang ingin disampaikan oleh teks sumber. Kewujudan fenomena keterbalikan ini, iaitu bentuk maklumat yang implisit diterjemahkan menjadi bentuk maklumat yang eksplisit dan sebaliknya menuntut penterjemah menerapkan strategi yang berkesan dalam menangani cabaran makna implisit dan eksplisit tersebut.

Kajian yang dilakukan dalam domain analisis makna implisit serta pendekatan pengeksplisitan dalam penterjemahan adalah meluas dan mendapat perhatian banyak sarjana termasuk sarjana tempatan, Asia Tenggara, Timur Tengah dan juga Barat. Sarjana tempatan, Idris Mansor, kini pensyarah kanan di Universiti Sains Malaysia, mengupas prosedur dan strategi dalam penterjemahan elemen budaya karya *'Rihlah Ibn Battutah'* ke bahasa Melayu. Meskipun Idris Mansor (2011) memberikan tumpuan utama pada permasalahan peminjaman (*borrowing*) dalam penterjemahan, beliau turut membincangkan strategi pengeksplisitan dalam konteks strategi dan prosedur penterjemahan budaya. Pada peringkat serantau, Elam M. (2001) di Indonesia mengkaji makna implisit dalam penterjemahan novel *'Harry Potter and the Prisoner of Azkaban'* karya J.K.Rowling ke bahasa Indonesia.

Dalam domain penterjemahan Arab-Inggeris, Waleed Othman (2006) memfokuskan teknik pengeksplisitan dalam terjemahan Arab-Inggeris. Ashraf A. (2010) pula mengkaji pengeksplisitan kata hubung dalam teks bahasa Arab, terjemahan dan bahan terjemahan yang ditulis oleh penulis yang sama menerusi tesis doktor falsafahnya yang berjudul *"A Corpus-Based Study of Conjunctive Explicitation in Arabic Translated and Non-Translated Texts Written by the Same Translators/Authors"*. Al-Masri (2008) pula meninjau kerugian

linguistik yang dialami dalam penterjemahan teks sastera Arab ke dalam bahasa Inggeris dengan menyentuh aspek implisit dan eksplisit dalam penterjemahan.

Di Eropah, Saldanha (2008) meninjau hubung kait antara peranan penterjemah dengan strategi pengeksplicitan manakala Mareva (2009) meneroka persoalan mengapa terjemahan pelajar lebih panjang berbanding dengan hasil terjemahan penterjemah profesional. Becher (2011) pula menerusi tesis doktor falsafah berjudul *'Explicitation and Implication in Translation: A Corpus-based Study of English-German and German-English Translations of Business Texts'* menghuraikan pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan melalui peninjauannya terhadap teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris berasaskan korpus.

Semua kajian yang dinyatakan itu masih kurang menampilkan fenomena pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam domain penterjemahan Arab-Melayu. Dalam konteks terjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'* ke bahasa Melayu yang berjudul *'Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia'*, makna implisit dalam teks sumber, khususnya dalam teks dialog, yang diterjemahkan menjadi makna eksplisit dalam teks sasaran, belum ditinjau dan dibincangkan lagi. Makna yang implisit merupakan maklumat yang tidak mempunyai bentuk tetapi merupakan bahagian yang penting daripada komunikasi keseluruhan yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis (Larson, 1984, p. 38). Antara faktor yang menyebabkan sesetengah maklumat sengaja dibiarkan implisit termasuklah struktur bahasa sumber, maklumat yang dikongsi bersama dalam situasi komunikasi, ataupun maklumat itu telah dicakup di tempat lain dalam teks atau ujaran (Larson, 1984, p. 84). Justeru, makna implisit dalam sesebuah teks tertentu berupaya

menampilkan cabaran yang sukar dalam proses penterjemahan disebabkan bentuk makna implisit ini bukan sesuatu yang dapat dilihat dengan ketara.

Kenyataan ini diperkukuh oleh Elam M. (2002) yang menegaskan bahawa dalam proses memahami makna implisit, penterjemah perlu berusaha dengan gigih untuk mendapatkan tafsiran yang tepat melalui proses pentafsiran dan pembayangan. Penterjemah perlu mengetahui hal tertentu yang menjadi acuan, situasi dan konteks. Pengetahuan mengenai konteks akan banyak membantu penterjemah mendapatkan tafsiran makna yang tepat. Malah Elam M. (2002) memetik pandangan Aminudin (1985) yang menyatakan wujudnya ungkapan '*reading the lines*', iaitu membaca untuk memahami makna yang tersurat (eksplisit) dan ungkapan '*reading between the lines*', iaitu membaca untuk memahami makna yang tersirat (implisit). Proses pembacaan seperti ini membolehkan pembezaan dilakukan antara makna yang eksplisit dengan makna yang implisit.

Secara keseluruhannya, meskipun sudah banyak kajian baik pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa yang memfokuskan domain pengeksplisitan dan pengimplisitan, namun masih terdapat jurang yang ketara dalam kajian mengenai pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam domain penterjemahan Arab-Melayu. Oleh yang demikian, kajian ini menyasarkan penghuraian dan perbincangan penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*' melalui data berbentuk 149 set dialog dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

Teks dialog ini merupakan sesuatu yang belum pernah ditinjau dan dijadikan fokus data dalam kajian-kajian yang dilaksanakan sebelum ini dalam domain ini, baik dalam kajian yang berkaitan dengan bahasa Arab mahupun yang bukan berkaitan dengan bahasa Arab.

Malah, faktor-faktor yang mendorong kepada pengeksplisitan dan juga pengimplisitan dalam penterjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu masih belum dikenal pasti dan diperincikan oleh para sarjana.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kewujudan fenomena keterbalikan, iaitu bentuk makna implisit diterjemahkan menjadi eksplisit dan bentuk makna eksplisit diterjemahkan menjadi implisit serta wujudnya jurang yang ketara dalam domain kajian pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam terjemahan Arab-Melayu, satu analisis bersifat pemerian dan penilaian tentang penterjemahan makna implisit dan eksplisit menuntut penelitian yang tuntas. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji bentuk makna implisit dan eksplisit serta faktor yang membawa kepada pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu.

1.4 Objektif kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, dua soalan kajian telah diwujudkan untuk dibincangkan untuk mendapatkan jawapan terhadap permasalahan yang dinyatakan di atas. Justeru, kajian yang dilaksanakan ini menetapkan sasaran untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Membincangkan penterjemahan bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu.
- ii. Membincangkan penterjemahan bentuk makna eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu.

1.5 Soalan kajian

Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji, kajian ini dijalankan bertujuan menjawab soalan yang berikut:

- i. Bagaimanakah bentuk makna implisit diterjemahkan daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu?
- ii. Bagaimanakah bentuk makna eksplisit diterjemahkan daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu?

Soalan kajian kualitatif ini sememangnya sengaja digarap dalam bentuk yang ringkas, umum dan bersifat inklusif. Ini bertujuan memberikan peluang yang lebih kepada pengkaji untuk menghuraikan lebih banyak idea dan mendapatkan lebih banyak pemahaman dan penemuan yang bermanfaat daripada analisis yang dilaksanakan.

1.6 Batasan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan teks '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya dalam bahasa Melayu sahaja dan tidak melibatkan sebarang teks yang lain. Oleh itu, terjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' dalam bahasa lain termasuk bahasa Inggeris dan Perancis tidak termasuk dalam skop kajian yang dilaksanakan ini.

Data yang dikumpulkan pula hanya terbatas pada set dialog (*sets of exchanges*) yang terdapat dalam '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Naratif lain yang bukan merupakan perbualan tidak termasuk dalam data kajian ini. Untuk

mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif dan menyeluruh, set dialog yang dijadikan data kajian dikumpulkan daripada keseluruhan teks '*Rihlah Ibn Battutah*' dan teks terjemahannya, dan tidak sekadar diambil daripada beberapa bab yang tertentu sahaja. Pengkaji memfokuskan perbincangan terhadap bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit sahaja menurut perspektif disiplin terjemahan.

Pengkaji juga membataskan kajian terhadap data tekstual sahaja, iaitu teks asal dan terjemahannya sahaja. Oleh yang demikian, data kajian ini memfokuskan pemerian data tekstual sahaja dan tidak mencakup penelitian terhadap item lain termasuk penterjemah yang melaksanakan terjemahan tersebut.

Buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dipilih sebagai data kajian kerana buku ini merupakan karya yang tergolong dalam genre '*Adab al-Rihlah*' (sastera kembara) yang sangat bernilai bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Arab, malah penggemar buku travelog di seluruh dunia. Penelitian penulis mendapati bahawa tiada kajian yang konkrit setakat ini dilakukan terhadap versi terjemahan bahasa Inggeris '*Rihlah Ibn Battutah*' yang dihasilkan oleh Gibb (1958, 1962, 1971) dan Beckhingam (1994) terutamanya dari sudut disiplin dan kajian terjemahan. Justeru, tidak banyak pengajaran dan iktibar yang dapat disimpulkan dan diambil daripada tinjauan persuratan terhadap makalah ilmiah, kajian, tesis atau penerbitan yang mengupas dan membincangkan naskhah terjemahan bahasa Inggeris tersebut.

Ketiadaan kajian sedemikian di Barat mengingatkan kita agar tidak mengulangi kesilapan, kelemahan dan kekurangan yang sama. Memandangkan '*Rihlah Ibn Battutah*' telahpun dihasilkan dalam bahasa Melayu, pengkaji melihat terjemahan versi Melayu ini perlu

dimanfaatkan dan dikaji untuk mendapatkan kefahaman, input dan maklumat yang berguna khususnya berkaitan dengan bidang penterjemahan Arab-Melayu di Malaysia.

1.7 Kaedah dan rangka kerja analisis


Rangka kerja analisis yang menjadi landasan kajian ini ialah konsep pengeksplisitan (*explicitation*) yang telah dikembangkan oleh Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005). Pengkaji memilih pendekatan yang diterapkan oleh Klaudy dan Károly (2005) berdasarkan rumusan pengeksplisitan konkrit yang dikemukakannya manakala pendekatan Pym (2005) diterima guna kerana hipotesis penghindaran risiko yang dikemukakannya sebagai penjelasan umum terhadap fenomena pengeksplisitan dalam penterjemahan.

Penting disebut di sini bahawa pengeksplitan merupakan sebahagian daripada prosedur terjemahan yang pada asalnya dikemukakan oleh Vinay dan Dalbernet (1958). Menurut Vinay dan Dalbernet, mesej terdiri daripada keseluruhan makna sesuatu ujaran dan amat bergantung pada realiti tambahan dan paralinguistik, iaitu situasi dan keadaan yang menghasilkan dan menerima mesej. Situasi mencadangkan dan mendorong mesej dihasilkan. Oleh itu, reaksi psikologi penulis, penterjemah dan pembaca terjemahan perlu dipertimbangkan. Dalam perbincangan berkaitan dengan mesej, penterjemah berhadapan dengan isu yang besar dan asas, iaitu hubungan antara pemikiran dengan bahasa.

Vinay dan Dalbernet (1958) menyenaraikan pengeksplisitan (*explicitation*) sebagai tambahan kepada prosedur terjemahan langsung dan terjemahan tak langsung. Berbeza dengan pengimplisitan (*implicitation*), pengeksplisitan (*explicitation*) bermaksud bahawa

maklumat yang hanya disebut secara implisit (tersirat) dalam teks sumber dizahirkan dengan jelas dalam teks sasaran.

Proses menjadikan maklumat eksplisit dalam teks sasaran boleh berlaku pada sekurang-kurangnya tiga peringkat bahasa, iaitu tatabahasa, semantik dan pragmatik atau wacana. Teknik yang ada merangkumi penggunaan perkataan atau frasa eksplisit, penggunaan alat kohesif, penghilangan kekaburan tatabahasa dan sebagainya. Pengeksplisitan boleh menjadi wajib, pilihan atau pragmatik, atau tercetus oleh proses penterjemahan itu sendiri. Satu contoh pengeksplisitan wajib ialah terjemahan frasa nama neutral gender dalam bahasa Inggeris iaitu “*the doctor who (m/f)*” kepada bahasa khusus gender seperti bahasa Jerman yang mempunyai dua pilihan bergantung pada konteks, iaitu *der Arzt* (lelaki) atau *die Ärztin* (perempuan).



Rajah 1.1: Proses pengeksplisitan maklumat dan teknik pengeksplisitan

Bergerak atas pendekatan pengeksplisitan yang diperkenalkan oleh Vinay dan Dalbernet itu, Klaudy dan Károly (2005) membina rumusan yang lebih jitu. Menurut Klaudy dan Károly (2005), pengeksplisitan berlaku, misalnya, apabila satu unit bahasa sumber (SL)

yang mempunyai makna yang lebih umum digantikan dengan satu unit bahasa sasaran (TL) yang maknanya lebih khusus. Antara ciri pengeksplisitan termasuklah makna perkataan SL yang kompleks dibahagi-bahagikan kepada beberapa perkataan dalam TL, elemen baharu yang bermakna hadir dalam teks TL, satu ayat dalam SL dibahagikan kepada dua ayat atau beberapa ayat dalam TL, atau, apabila frasa SL diperluas atau "ditingkatkan" menjadi klausa dalam TL dan sebagainya.

Pengimplisitan pula berlaku, contohnya, apabila satu unit SL yang mempunyai makna yang lebih khusus digantikan oleh satu unit TL yang maknanya lebih umum. Penterjemah memadatkan makna beberapa perkataan, oleh itu unit SL yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih digantikan oleh unit TL yang terdiri daripada satu patah perkataan. Ciri-ciri yang dapat dilihat termasuklah elemen leksikal yang bermakna dalam teks SL digugurkan, dua ayat atau lebih dalam SL digabungkan menjadi satu ayat dalam TL, atau klausa SL diringkaskan menjadi frasa dalam TL dan sebagainya.

Untuk kajian ini, fokus utama yang diberikan perhatian ialah melihat makna implisit dan makna eksplisit dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*' dan padanannya dalam teks Pengembaraan Ibn Battutah. Untuk mengenal pasti pengeksplisitan dan pengimplisitan makna yang berlaku dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*', pengkaji melaksanakannya menerusi analisis perbandingan antara data teks sumber dengan teks sasaran dengan melihat ciri-ciri perbezaan dan ketidaksepadanan (*incongruity*) yang dapat dikesan antara teks asal dengan teks terjemahan tersebut.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan reka bentuk kajian kes dan data tekstual. Untuk menambah baik proses pengekodan dan pengkategorian data, pengkaji memanfaatkan penggunaan perisian ATLAS.ti, iaitu sebuah perisian Analisis Data Kualitatif (*Qualitative Data Analysis*, QDA) yang mula diperkenalkan oleh Thomas Muhr di Berlin dan dikeluarkan secara komersial pada tahun 1993 (Flick, 2009). Penggunaan perisian ATLAS.ti yang inovatif ini disasarkan untuk membantu pengkaji mengekodkan dan menyusun data yang diperoleh dengan lebih kemas untuk mendapatkan interpretasi dan hubung kait yang lebih mendalam dan bermakna terhadap data dengan menggali tema, persamaan, dan juga perbezaan.

1.8 Kepentingan kajian

Analisis makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu amat relevan untuk dikaji dalam konteks bidang terjemahan Arab-Melayu yang semakin berkembang di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil kajian ini adalah penting berdasarkan beberapa perspektif yang berikut:

- i. Kajian ini memperlihatkan bagaimana teks Arab '*Rihlah Ibn Battutah*' yang kaya dengan aspek budaya diterjemahkan dan diberikan interpretasi dalam bahasa dan budaya Melayu. Penekanan sewajarnya perlu turut diberikan terhadap aspek bahasa dan budaya dan bukannya melihat '*Rihlah Ibn Battutah*' sebagai teks travelog sastera atau '*adab al-Rihlat*' semata-mata.
- ii. Kajian ini dijangka memberikan input-input baharu tentang cara menangani teks bahasa Arab klasik seperti '*Rihlah Ibn Battutah*', khususnya dalam konteks penterjemahan Arab - Melayu. Hasil dapatan juga tentunya boleh dimanfaatkan oleh bidang penterjemahan dalam konteks bahasa-bahasa lain.

- iii. Kajian ini dijangka menjana impak yang meluas terhadap domain latihan dan bimbingan penterjemah, khususnya dalam pengukuhan kemahiran penterjemahan, pendalaman pengetahuan penterjemah tentang cabaran dan masalah makna yang sering menjejaskan kelicinan kerja penterjemahan selain penyediaan input-input baharu yang berupaya memperkenalkan strategi dan teknik penterjemahan yang berkesan sekali gus memerkasakan keupayaan penterjemah untuk mencapai tahap kecekapan dan profesionalisme yang lebih tinggi dan andal.
- iv. Kajian ini mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan pengamal dan sarjana penterjemahan tentang peri pentingnya menerapkan strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam modul latihan dan bimbingan penterjemahan selain memperkenalkan kepada pelajar faktor yang mendasari masalah penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit serta cara dan teknik yang berkesan untuk menanganinya.

1.9 Definisi konsep

Dalam subtopik ini, beberapa istilah yang menjadi fokus utama kajian dipilih untuk dihuraikan untuk memastikannya selari dengan perspektif kajian ini. Definisi konsep yang dipilih merangkumi istilah-istilah yang berikut:

1.9.1 Makna implisit

Makna implisit ialah maklumat yang tidak dinyatakan sehingga menyebabkan pembaca tidak dapat membuat inferens atau kesimpulan.

Larson (1984) menyatakan bahawa makna implisit ialah makna yang tidak ditunjukkan tetapi merupakan bahagian daripada perbualan atau maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Elam M. (2002) pula menyatakan bahawa dalam proses memahami makna implisit, penterjemah perlu berusaha dengan gigih untuk mendapatkan tafsiran yang tepat melalui proses pentafsiran dan pembayangan. Penterjemah perlu mengetahui hal tertentu yang menjadi acuan situasi dan konteks. Pengetahuan mengenai konteks akan banyak membantu penterjemah mendapatkan tafsiran makna yang tepat.

Elam M. (2002) memetik pandangan Aminudin (1985) yang menyatakan wujudnya ungkapan '*reading the lines*', iaitu membaca untuk memahami makna yang tersurat dan ungkapan '*reading between the lines*', iaitu membaca untuk memahami makna yang implisit. Proses pembacaan seperti ini membolehkan pembezaan dilakukan antara makna yang eksplisit dengan makna yang implisit. Beberapa faktor yang perlu diperhatikan oleh penterjemah untuk mencapai tafsiran yang tepat turut dinyatakan oleh Elam M. (2002) termasuklah ciri atau unsur kebahasaan, sistem sosiobudaya yang melatari ujaran, pengguna sama ada sebagai penutur atau pendengar serta ciri maklumat dan ragam ujaran yang disampaikan.

1.9.2 Makna eksplisit

Makna eksplisit ialah maklumat yang dinyatakan sehingga menyebabkan pembaca berupaya untuk membuat inferens atau kesimpulan sekiranya maklumat tersebut tidak dinyatakan (Becher, 2011, p. 18). Menurut Becher lagi (2011, p.18), “Keeksplisitan bermaksud menyatakan sesuatu yang mungkin telahpun difahami oleh interlokutor.”

1.9.3 Pengimplisitan

Pengimplisitan diperhatikan apabila teks sasaran yang tertentu adalah kurang eksplisit (lebih implisit) daripada padanan teks sumbernya. Lazimnya pengimplisitan dibincangkan bersama-sama dengan pengeksplisitan dalam kajian penterjemahan. Dalam *Routledge Encyclopedia of Translation Studies* (Baker dan Saldanha, 2009), perbincangan mengenai pengimplisitan dilakukan di bawah entri *explicitation* (pengeksplisitan). Walau bagaimanapun, menurut Klaudy dan Károly (2005), kosa ilmu mengenai pengeksplisitan sememangnya mengatasi kosa ilmu mengenai pengimplisitan. Malah, Nida yang memperkenalkan pengimplisitan dalam bentuk ‘*subtractions*’ dalam bukunya pada tahun 1964 di bawah teknik penyesuaian, namun apabila buku beliau diterbitkan pada tahun 1969, perbincangan tentang ‘*subtractions*’ diabaikan sama sekali seperti yang dijelaskan oleh Klaudy dan Károly (2005) seperti yang berikut:

“It is not an overstatement to suggest that the international body of literature on explicitation far outweighs the literature on implicitation. Implicitation is treated as a stepbrother of explicitation: it is generally mentioned merely incidentally. The marginal character of implicitation can be traced back to the beginnings of Translation Studies. Nida, in his 1964 book, introduces the section on “Subtractions” – one of the three “techniques of adjustment” – with the following words: “Though, in translating, subtractions are neither so numerous nor varried as additions, they are nevertheless highly important in the process of adjustment” (Nida 1964:231). In his 1969 book, there is no separate chapter

devoted to the techniques of adjustment, because they have become parts of the transfer stage, and the category of substractions is left out completely.”(Klaudy Kinga & Krisztina Karoly, 2005, pp. 13-14)

1.9.4 Pengeksplisitan

Pengeksplisitan diperhatikan apabila teks sasaran tertentu adalah lebih eksplisit daripada padanan teks sumbernya. Pengeksplisitan mula diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet pada tahun 1958 menerusi salah satu prosedur terjemahan tambahan yang disenaraikan mereka berdua sebagai tambahan kepada prosedur terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Pengeksplisitan bermaksud maklumat yang dinyatakan secara implisit dalam teks sumber diungkapkan secara jelas dalam teks sasaran (Becher, 2011). Pengeksplisitan juga boleh didefinisikan sebagai satu set strategi yang digunakan untuk menukar maklumat implisit dalam teks sumber yang difahami dengan mudah oleh pembaca teks sumber menjadi maklumat yang eksplisit dalam teks sasaran (Kalinichenko, 2012). Kaedah menjadikan maklumat eksplisit dalam teks sasaran boleh dilakukan pada tiga tahap bahasa, iaitu tatabahasa, semantik dan pragmatik atau wacana. Teknik pengeksplisitan mencakup penggunaan kata-kata atau frasa berbentuk eksplisit, penggunaan alat kohesif, penjelasan kekaburan tatabahasa dan sebagainya. Klaudy (2008) mengklasifikasikan pengeksplisitan kepada empat bentuk yang berikut:

- i. Pengeksplisitan wajib yang disebabkan oleh perbezaan tatabahasa antara teks sumber dengan teks sasaran. Pengeksplisitan jenis ini berlaku apabila penterjemah dipaksa oleh perbezaan ini untuk menzahirkan sesuatu yang asalnya implisit dalam teks sumber secara eksplisit dalam teks sasaran.

- ii. Pengeksplisitan pilihan ialah hasil daripada perbezaan dalam strategi pembinaan teks serta pilihan stilistik antara bahasa. Ini bermaksud bahawa ayat yang tepat dari segi tatabahasa boleh dibina tanpa mengaplikasikan pengeksplisitan dalam bahasa sasaran, meskipun teks yang dihasilkan secara keseluruhan akan kelihatan kekok dan tidak semula jadi.
- iii. Pengeksplisitan pragmatik disebabkan oleh perbezaan dalam pengetahuan berbentuk budaya yang dikongsi oleh ahli bahasa sumber dan bahasa sasaran. Pengeksplisitan jenis ini berlaku apabila penterjemah perlu menambah bahan linguistik untuk menjelaskan sesuatu konsep yang spesifik kepada budaya bahasa sumber.
- iv. Pengeksplisitan yang didorong oleh terjemahan (*translation-inherent explicitation*) boleh disebabkan oleh sifat proses penterjemahan itu sendiri.

1.9.5 Konteks

Persekitaran ekstratekstual yang memberikan pengaruh yang dapat menentukan bahasa yang digunakan. Terdapat tiga domain konteks yang boleh diperhatikan dengan jelas (Hatim, 1997):

- a) Komunikatif : merangkumi aspek-aspek mesej seperti laras;
- b) Pragmatik : merangkumi niat (*intentionality*) untuk melihat maksud-maksud ujaran dalam konteks yang sebenar;
- c) Semiotik : diambil kira dalam aspek antara teks (*intertextuality*), iaitu hubungan antara tanda dan lambang dengan benda atau idea yang dimaksudkan.

Tiga jenis konteks ini, menurut Gewaily (2007), boleh diterjemahkan menjadi aktiviti alternatif masing-masing, iaitu:

- a) Aktiviti linguistik
- b) Aktiviti sosiobudaya
- c) Aktiviti semiotik

1.9.6 Budaya

Budaya merujuk situasi sosial, atau semua ciri istimewa yang terdapat pada sesuatu tahap kemajuan yang dicapai oleh sesebuah tamadun manusia, ataupun sebuah kehidupan. Menurut definisi ini, bahasa merupakan sebahagian daripada budaya. Berdasarkan pandangan sarjana antropologi, White dan Huxley (Getis *et al.*, 1994), subsistem budaya boleh dibahagikan kepada tiga:

- i. *Artifacts* - yang membentuk objek material dan teknik kehidupan
- ii. *Sociofacts* - yang mengandungi institusi sosial formal dan tidak formal yang menguasai organisasi sosial sebuah kumpulan budaya.
- iii. *Mentifacts* – yang mengandungi pemikiran dan kepercayaan sebuah budaya yang dinyatakan dalam bentuk ucapan dan sistem kepercayaan.

1.9.7 Penyaring budaya

Penyaring budaya (*cultural filter*) merupakan istilah dan konsep yang diperkenalkan oleh House (1977, 1997). Sebagai sebahagian daripada terjemahan terselindung (*covert translation*), suatu penyaring budaya diaplikasikan terhadap teks sumber atau

beberapa item daripadanya untuk mengenal pasti dan mengurangkan perbezaan kognitif dan sosiobudaya serta jangkaan antara budaya sumber dengan budaya sasaran (House, 2006).

1.9.8 Pertambahan (*gain*)/kehilangan (*loss*)

Apabila ciri-ciri teks sumber tidak dapat dipindahkan ke dalam teks sasaran pada kedudukan yang sama sebagaimana dalam teks sumber (kehilangan), ciri-ciri tersebut perlu dipindahkan ke tempat lain dalam teks sasaran, dan ini menyebabkan tambahan pengimbangan (pertambahan). Dalam sesetengah kes, pertambahan berlaku tanpa sebarang kehilangan, apabila maklumat tambahan dimasukkan ke dalam teks sasaran dalam bentuk pengeksplisitan (Munday, 2009).

1.9.9 *Inter-rater reliability* (Kebolehpercayaan antara pemeriksa)

Kajian kualitatif lazim dianggap sebagai kurang saintifik dan dapatannya diterima dalam cara yang tidak dapat ditimbang dan dinilai (Marques dan McCall, 2005). Oleh itu, menggunakan *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa) dalam kajian kualitatif menghendaki para pemeriksa (*interraters*) untuk terlibat dalam memberikan perhatian yang penuh terhadap pembacaan bahan, yang kemudiannya perlu diinterpretasikan. Marques dan McCall (2005) menegaskan bahawa *inter-rater reliability* boleh dijadikan alat pengukuhan (*solidification tool*) yang dapat menyumbang kepada kualiti kajian kualitatif dan mempertingkatkan tahap keseriusan kajian untuk diberikan pertimbangan yang lebih baik pada masa hadapan. Menrusi

pelibatan para pemeriksa bebas, yang pada asalnya tidak mempunyai hubungan dengan kajiandalam penganalisan data akan mempermantap pengkaji kualitatif sebagai 'instrumen' kajian dan mengurangkan sikap berat sebelah (*bias*) dengan ketara dalam hasil kajian.

1.10 Kesimpulan

Secara umum, bab ini telah menjelaskan perkara berkaitan dengan latar belakang, permasalahan, kepentingan, objektif, soalan, batasan, dan definisi kajian. Pengenalan ringkas yang telah diberikan dalam bab ini tentang kajian ini, iaitu 'Analisis Makna Implisit dan Eksplisit dalam Penterjemahan Buku *'Rihlah Ibn Battutah'* ke Bahasa Melayu' dapat disimpulkan seperti yang berikut

Permasalahan kajian melihat bahawa tidak semua makna dan maklumat dalam bahasa sumber dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dengan jelas. Teks *'Rihlah Ibn Battutah'* mengandungi ujaran yang disampaikan dalam bentuk yang implisit dan juga eksplisit bersesuaian dengan konteks sosiobudaya dan khalayak pembaca Arab itu sendiri dan bentuk tersebut berkemungkinan tidak bersesuaian jika dikekalkan dalam bentuk yang sama dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu.

Kewujudan fenomena keterbalikan ini, iaitu bentuk maklumat yang implisit diterjemahkan menjadi bentuk maklumat yang eksplisit dan sebaliknya merupakan suatu cabaran yang menuntut penterjemah menerapkan strategi yang berkesan. Terdapat jurang yang ketara dalam domain kajian pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam terjemahan Arab-Melayu di Malaysia.

Dua soalan utama kajian yang dikemukakan dalam kajian ini merangkumi yang berikut. Pertama, bagaimanakah bentuk makna implisit diterjemahkan daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu? Kedua, bagaimanakah bentuk makna eksplisit diterjemahkan daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu?

Pengkaji hanya memfokuskan teks '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya sahaja dalam kajian ini. Oleh yang demikian, terjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' dalam bahasa Inggeris terkeluar daripada skop kajian. Pengkaji juga membataskan data hanya pada himpunan dialog yang terdapat dalam '*Rihlah Ibn Battutah*', oleh itu naratif lain bukan dialog tidak termasuk dalam skop kajian. Kajian ini juga memfokuskan data tekstual, oleh itu item lain seperti data mengenai penterjemah yang melaksanakan terjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' tidak termasuk dalam data kajian.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual. Model yang menjadi landasan kajian ialah konsep pengeksplisitan (*explicitation*) yang telah dikembangkan oleh Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005).

Beberapa konsep penting yang berkaitan dengan kajian telah diberikan pendefinisian pada akhir bab ini. Terminologi yang didefinisikan termasuklah makna implisit, makna eksplisit, pengimplisitan, pengeksplisitan, konteks, budaya, penyaring budaya, pertambahan dan kehilangan serta *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa).

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN YANG BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan sorotan kajian yang berkaitan dengan bidang dan skop kajian, yaitu merangkumi pendefinisian terjemahan, persoalan budaya dan konteks dalam penterjemahan, pendekatan pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan serta sorotan terhadap kajian terdahulu berkaitan dengan konsep pengeksplisitan dan pengimplisitan serta makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan.

2.2 Pendefinisian terjemahan

Terdapat pelbagai definisi terjemahan yang telah diberikan oleh sarjana terjemahan. Bell (1991) dalam bukunya *“Translation and Translating: Theory and Practice”* mendefinisikan terjemahan sebagai ungkapan dalam satu bahasa lain (bahasa sasaran) terhadap apa yang diungkapkan dalam satu lagi bahasa (bahasa sumber) dengan memelihara persamaan semantik dan stilistik:

“Translation is the expression in another language (or target language) of what has been expressed in another, source language, preserving semantic and stylistic equivalences.” (Bell 1991, p.15)

Venuti (1995) pula melihat terjemahan sebagai interpretasi dan penterjemah merupakan pengantara antara dua buah teks dan bukan sebagai pencari persamaan. Venuti mendefinisikan terjemahan sebagai:

“Translation is a process by which the chain of signifiers that constitutes the source-language text is replaced by a chain of signifiers in the target language which the translator provides on the strength of an interpretation.” (Venuti, 1995, p.17)

Dalam bukunya berjudul *“The Translator’s Invisibility: A History of Translation”* (1995), Venuti merumuskan bahawa makna merupakan kesan daripada pelbagai hubungan, dan perbezaan antara penunjuk berlaku pada sepanjang rangkaian teks. Faktor ini menjadikan makna sentiasa berbeza, ditangguhkan dan tidak pernah muncul sebagai sebuah entiti yang asal. Sebagai teks yang bersifat *derivatif* (lahir daripada sesuatu yang lain), kedua-dua teks (SL dan TL) mengandungi unsur-unsur linguistik dan budaya yang berbeza yang bukan dicipta oleh sama ada penulis asal atau penterjemah.

Kedadaan ini menyebabkan kerja pemberian makna dan teks terjemahan menjadi tidak stabil. Malah, wujud kemungkinan makna yang diberikan oleh penterjemah bertentangan dengan maksud penulis teks asal. Hasilnya, sebuah teks asal kemungkinan mempunyai makna yang berbeza, yang hanya tepat buat sementara waktu dalam sesebuah terjemahan berasaskan pelbagai tanggapan budaya dan pilihan interpretasi, dalam situasi sosial yang tertentu, dan tempoh sejarah yang berbeza. (Venuti, 1995)

Sementara itu, terjemahan juga dilihat oleh sarjana sebagai sesuatu yang merangkumi aspek proses dan produk. Shuttleworth dan Cowie (1997) menampilkan definisi terjemahan yang membabitkan dua unsur utama, iaitu proses dan produk:

“An incredibly broad notion which can be understood in many different ways. For example, one may talk of translation as a process or a product, and identify such sub-types as literary translation, technical translation, subtitling and machine translation; moreover, while more typically it just refers to the transfer or written texts, the term sometimes also includes interpreting.” (Shuttleworth and Cowie, 1997, p. 181)

Sarjana terjemahan, Holmes dalam artikelnya berjudul “*The Name and Nature of Translation Studies*” (2004) mengemukakan tiga aspek utama kajian terjemahan yang merangkumi aspek yang lebih komprehensif, iaitu pelbagai fenomena yang membincangkan proses, produk dan fungsi atau konteks terjemahan. Proses ialah apa yang berlaku dalam kerja penterjemahan teks sumber, produk ialah analisis terhadap teks sasaran, manakala fungsi pula merujuk cara teks sasaran beroperasi dalam konteks yang tertentu.

Walau bagaimanapun, dari sudut teori terjemahan, Holmes berpendapat bahawa kemungkinan untuk menentukan dan menetapkan sebuah teori yang universal atau umum yang sah untuk semua teks dan situasi masih merupakan persoalan yang boleh diperdebatkan. Yang dicapai dalam bidang teori terjemahan sehingga kini ialah *partial translation theories* (teori terjemahan sebahagian) yang khusus dan tepat dalam skop tertentu, dan hanya menangani satu atau beberapa aspek teori terjemahan yang pelbagai secara keseluruhan.

Teori persamaan (*equivalence*) merupakan teori yang paling lama mendominasi disiplin terjemahan. Tiada sesiapa pun yang dapat menafikan kepentingan teori persamaan ini dalam kajian terjemahan, malah ia akan terus menguasai program latihan penterjemahan dan terjemahan secara umum (Abdul-Raof, 2001). Walau bagaimanapun, teori persamaan telah menerima kritikan demi kritikan daripada ramai sarjana. Bell (1991) menyatakan bahawa persamaan menyeluruh yang ideal adalah mustahil. Sama ada pada peringkat mikro mahupun makro, seseorang tidak akan memperoleh persamaan simetri (*symmetrical*) yang sepenuhnya antara bahasa disebabkan oleh pelbagai lapisan makna dan budaya yang mendasari perkembangan bahasa tersebut adalah berbeza.

Baker (1992, p. 6) pula memberikan amaran bahawa meskipun persamaan lazimnya dapat diperoleh pada suatu tahap, akan tetapi ia tetap dipengaruhi oleh pelbagai faktor linguistik dan budaya dan dengan demikian ia lazimnya bersifat relatif. Larson (1984, p. 153) pula merujuk kepada kenyataan bahawa oleh sebab bahasa penerima dituturkan oleh penutur budaya yang berbeza daripada budaya penutur bahasa sumber, situasi ini akan menyukarkan usaha mencari persamaan leksikal. Seringkali perkataan dalam bahasa sumber diterjemahkan dengan satu set perkataan yang hampir keseluruhannya berbeza. Ini bermaksud bahawa penterjemah tidak boleh mengharapkan wujudnya persamaan literal (Larson, 1984, p. 154).

Malah, pertikaian berkisar teori persamaan telah beralih daripada tahap mikro, iaitu tahap perkataan untuk mencakupi tahap makro, iaitu tahap teks. Hatim (1997, p. 4) menyatakan bahawa persamaan dalam terjemahan hanya dapat diwujudkan secukupnya dari segi kriteria yang berkaitan dengan jenis keahlian teks (*text type membership*) dan juga dari aspek cara kriteria ini memberitahu jenis pelan komposisi (struktur) dan cara sebuah teks dijadikan kohesif (tekstur) secara dalaman.

Hatim dan Mason (1990, p. 8) dalam menolak pendekatan persamaan formal dan dinamik yang dikemukakan oleh Nida (1964) memberikan amaran kepada para penterjemah tentang masalah yang membabitkan persamaan, dan menekankan bahawa persamaan yang menyeluruh bukan merupakan matlamat yang boleh dicapai. Persamaan formal atau dinamik versi bahasa sasaran bagi sesebuah teks bahasa sumber sebenarnya adalah tidak wujud. Kedua-dua sarjana ini sebaliknya memilih untuk mengambil makna relatif bagi istilah persamaan, iaitu *'approximation'* atau penghampiran yang terdekat dengan makna teks sumber. Konsep 'penghampiran' kini telah menjadi kriteria yang dominan dalam kajian terjemahan. Kenyataan ini ditegaskan oleh Abdul-Raof (2001) seperti yang berikut:

“The notion of ‘approximation’ has now become the dominant criterion in translation studies; it is approximation rather than equivalence which the translator should be seeking to achieve because “there are no such thing as identical equivalents” (Belloc 1931a&b, cf. Nida 1964, p. 157). Scholars have become more aware of the fact that because “skewing can never be absolutely eliminated” (Smalley 1991, p. 3). This has also led Newmark (1991, p. 101) to confirm that since the concept of an ideal or perfect translation is illusory, the concept of translation equivalence can only be an approximation” (Abdul-Raof Hussein, 2001:6)

Hatim dan Munday (2004) memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap definisi terjemahan dengan menggabungkan proses pemindahan teks bertulis, hasil bertulis dan fenomena bersifat kognitif, linguistik, visual, budaya dan ideologi dalam pendefinisian yang dikemukakan. Dalam mengulas definisi Hatim dan Munday (2004) ini, Munday (2009) menyatakan bahawa elemen yang ketiga dalam definisi ini, iaitu fenomena bersifat kognitif, linguistik, visual, budaya dan ideologi yang dikaitkan dengan proses dan produk terjemahan telah mencetuskan impak dan menarik sebahagian besar perhatian dalam kajian penterjemahan pada hari ini.

Disiplin terjemahan seterusnya menyaksikan keberanian dan keterbukaan sarjana untuk menerima pendefinisian baharu dengan melihat terjemahan dari sudut penulisan dan kreativiti. Era 1990-an menyaksikan tercetusnya ‘*cultural turn*’ atau pusingan budaya yang diterajui oleh Bassnett Mc-Guire dan Lefevere (1990). Kelahiran dua buah buku, iaitu “*The Translator as Writer*” (Bassnet, S. & Bush, P, 2006) dan “*Translation and Creativity*” (Perteghella, M. & Loffredo, E, 2006) mengumpulkan makalah sarjana yang menyokong dan mendukung pendekatan ini memperkukuh kesediaan disiplin terjemahan untuk keluar daripada bayang-bayang makna dan isu persamaan dalam pendefinisian, sebaliknya melihat terjemahan sebagai penulisan semula atau penulisan kreatif yang dihasilkan oleh input kreatif penterjemah dalam proses penulisan sesebuah terjemahan.

Buku ‘*The Translator as Writer*’ (Bassnett Mc-Guire & Bush, The translator as writer, 2006) berusaha merapatkan jurang antara golongan yang mengkaji terjemahan dengan mereka yang menghasilkan terjemahan menerusi esei-esei yang ditulis oleh penterjemah terkenal yang membincangkan karya masing-masing sebagai amalan kesusasteraan kreatif yang tersendiri. Buku ini menekankan aspek kreativiti, dengan penghujahan bahawa penterjemah pada hakikatnya merupakan penulis, atau penulis semula yang menghasilkan karya yang dapat dibaca dan dinikmati oleh khalayak baharu. Buku ini menetapkan sasaran untuk mengangkat kepentingan peranan penterjemah dan dengan berbuat demikian menarik semula perhatian kepada lakuan penterjemahan, berbanding dengan memberikan spekulasi yang abstrak tentang apa yang terlibat dalam terjemahan.

Menerusi buku “*Translation and Creativity*” (Perteghella, M. & Loffredo, E, 2006) pula, penterjemah sebagai ‘pembaca-pencipta’ (*‘reader-creator*’) dan ‘penulis’ (*‘self-writer*’) merupakan konsep yang sering diuar-uarkan menerusi pendekatan baharu ini. Pendekatan

ini berhasrat untuk menangani dan membincangkan hubungan antara terjemahan dengan penulisan kreatif dari perspektif linguistik, budaya dan kritis. Buku ini berhasrat untuk memupuk perbincangan, mengundang sarjana dan pelajar untuk memikirkan semula terjemahan dari segi amalan penulisan kreatif, dan untuk meninjau metodologi penterjemahan alternatif yang memfokuskan aspek kognitif terjemahan sebagai penulisan dan kajian berorientasikan penterjemah. Buku ini juga mengemukakan dan mengkaji kepentingan bengkel penulisan kreatif sebagai sebahagian daripada latihan penterjemah (Perteghella, M. & Loffredo, E, 2006, pp. 2-3).

2.3 Budaya dan konteks dalam penterjemahan

Kajian ini memfokuskan penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu dan juga cara penterjemah menangani kesukaran penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit ini yang mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya. Sehubungan dengan itu, persoalan budaya dalam penterjemahan perlu diberikan tinjauan dan pemerhatian dalam kajian ini.

Dalam penterjemahan, memelihara dan menyampaikan latar belakang budaya dan elemen-elemen yang mengiringinya melalui perkataan merupakan aspek yang amat sukar (Rabassa, 1989). Sempadan setiap situasi sesebuah budaya perlu dinilai dan diteliti oleh penterjemah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaannya. Menurut Biguenet dan Schule (1989), penterjemah perlu mengenali hubungan dalam sebuah teks. Hubungan tersebut mencakupi hubungan antara perkataan, hubungan perkataan dengan latar belakang filologi dan etimologinya, hubungan perkataan dengan suasana budaya dan tradisi sejarah dan juga hubungan antara perkataan dengan konteks dalam sebuah teks. Terjemahan merupakan satu

proses menggiatkan pemikiran situasional dengan memikirkan beberapa kemungkinan tentang interaksi dan makna dalam sebuah teks, untuk memilih daripada kemungkinan ini satu penyelesaian yang hampir kepada persekitaran sesuatu situasi. Dalam proses penterjemahan, pemikiran berputik daripada situasi yang terdapat dalam sebuah teks dan bukannya dibawa dari luar ke dalam teks (*outside-in*).

Pandangan Biguenet, Schule (1989) dan Rabassa (1989) seolah-olah mencadangkan bahawa penterjemahan merupakan tugas yang rumit dan kompleks. Namun, bahasa mempunyai kod yang mengandungi elemen-elemen yang boleh menggabungkan isyarat kesan semantik dan sistem komunikasi. Dengan menggunakan dan memanfaatkan bentuk-bentuk kod tersebut, penterjemah dapat membina satu entiti (dalam dunia perasaan dan minda) dan mencipta isyarat-isyarat yang memiliki nilai komunikasi yang sama seperti yang terdapat dalam bahasa sumber (Bell, 1991, p. 6-7).

Hakikatnya, fokus terhadap aspek budaya merupakan gelombang yang besar dalam disiplin terjemahan. Dalam kajian terjemahan, terminologi “*cultural turn*” digunakan untuk merujuk fenomena yang telah membantu teori terjemahan mengembangkan sempadannya melewati batasan linguistik khususnya sejak era 1990-an hingga kini. Hubungan antara kajian terjemahan dengan kajian budaya telah menjadi bertambah kukuh dan terjemahan tidak lagi dilihat semata-mata sebagai suatu transaksi antara dua bahasa, malah sebagai proses perundingan yang lebih kompleks antara dua budaya. Pada tahun 1990, Bassnett McGuire dan Lefevere menghuraikan fenomena ini sebagai ‘*cultural turn in Translation Studies*’ dengan penghujahan bahawa ‘bukan perkataan, bukan juga teks, tetapi budaya yang merupakan unit operasional bagi terjemahan’ (Bassnett Mc-Guire & Lefevere, 1990)

Roswita Silalahi (2009) dalam tesis doktor falsafahnya, “Dampak Teknik, Metode, dan Ideologi Penerjemahan pada Kualitas Terjemahan Teks *Medical-Surgical Nursing* dalam Bahasa Indonesia’ menghuraikan dengan jelas hubungan antara budaya dengan terjemahan. Menurut Roswita Silalahi (2009), bahasa merupakan bahagian daripada budaya yang mempunyai hubungan yang erat dengan pemikiran.

Setiap masyarakat dan budaya memiliki cara berfikir tertentu yang diungkapkan dalam bahasanya. Hubungan bahasa dengan budaya didasari oleh prinsip bahawa bahasa harus dipelajari dalam konteks budaya dan budaya pula dapat dipelajari melalui bahasa. Budaya yang berbeza akan menghasilkan kata-kata yang berbeza kerana setiap budaya mempunyai konsep yang berbeza. Oleh yang demikian, penterjemahan tidak sewajarnya hanya terbatas pada pemindahan bahasa tetapi juga perlu melibatkan pemindahan antara budaya. Bahasa hanya mempunyai makna dalam latar budaya yang menjadi wadahnya. Kewujudan perbezaan dalam budaya yang melatari bahasa lazimnya menimbulkan masalah dalam mendapatkan padanan terjemahan yang tepat (Roswita Silalahi, 2009, p. 55).

Kajian oleh Syed Nurulakla Syed Abdullah (2001) telah mengupas faktor leksis dan budaya dalam terjemahan karya ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke bahasa Melayu menerusi disertasi sarjana yang dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Kajian tersebut menganalisis faktor leksis dan budaya serta kaitannya dalam proses penterjemahan. Menerusi penelitian terhadap Bab 1 dan Bab 2, buku ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’ yang merupakan versi terjemahan bagi karya asal ‘*Rihlah Ibn Battutah*’, Syed Nurulakla Syed Abdullah meneliti cara perbezaan budaya antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu menimbulkan pelbagai masalah dalam penterjemahan, terutamanya dalam soal pemilihan leksis yang sepadan.

Analisis yang dilakukan ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana faktor leksis dan budaya menyebabkan kesukaran dalam menginterpretasikan makna item leksikal yang bermasalah.

Dengan memanfaatkan taksonomi Levere (1992) dan Florin (1993) yang digunakan untuk makna denotasi, taksonomi Baker (1992) untuk makna konotasi dan taksonomi El Sieny *et al* (1996) untuk makna idiomatik, Syed Nurulakla Syed Abdullah menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dalam penganalisan datanya. Kajian beliau menghasilkan beberapa penemuan termasuklah bahawa dalam penterjemahan teks Arab ke bahasa Melayu, masalah yang paling utama ialah makna denotasi yang diikuti kemudiannya oleh makna konotasi dan idiomatik. Walau bagaimanapun, makna idiomatik kurang menampilkan masalah dalam kajian ini berbanding dengan jangkaan awal disebabkan kurangnya struktur idiomatik dalam bahasa Arab berbanding dengan bahasa Melayu berdasarkan dua bab terjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*' yang dikaji itu.

Kajian Syed Nurulakla Syed Abdullah (2001) ini membuktikan betapa pentingnya faktor leksikal dan budaya dalam penterjemahan sastera pengembaraan. Dalam rumusan kajian beliau, turut ditegaskan bahawa pengabaian terhadap faktor budaya ini akan menghakis nilai komunikatif karya terjemahan tersebut berbanding dengan karya asalnya. Justeru, pendekatan penterjemahan yang memberikan fokus terhadap budaya perlu diterapkan oleh penterjemah untuk membantu mereka dalam menyelesaikan masalah terjemahan.

Sementara itu, Bassnett Mc-Guire dan Lefevere (1990) menyatakan bahawa makna dalam terjemahan perlu dilihat menurut konteksnya. Terjemahan bukan sesuatu yang bersifat *innocent* (bersih) tanpa dipengaruhi oleh apa-apa. Dalam terjemahan, sentiasa sahaja

terdapat suatu konteks yang menempatkan terjemahan, suatu sejarah yang meneruskannya sebuah teks itu muncul dan suatu kedudukan baharu teks itu ditukarkan tempatnya. Bassnett Mc-Guire dan Lefevere (1990) senantiasa menegaskan bahawa terjemahan tidak pernah lahir dalam 'bekas kedap udara' yang membolehkan ia dan teks asalnya diperiksa tanpa dipengaruhi oleh kuasa, masa atau budaya. Malah, terjemahan dibuat untuk memberi jawapan kepada kehendak sesebuah budaya dan pelbagai kumpulan yang terdapat dalam budaya tersebut. Menurut Bassnett Mc-Guire dan Lefevere (1990) lagi, objek terjemahan yang dikaji juga telah didefinisi semula kini. Apa yang dikaji ialah teks yang mempunyai hubungan dengan pelbagai tanda budaya bahasa sumber dan sasaran. Oleh hal yang demikian, kajian terjemahan telah berupaya untuk menggunakan pendekatan linguistik dan juga keluar melampauinya.

Persoalan mengenai konteks ini turut ditinjau oleh Abdel-Hafiz (2003). Beliau mengkaji bagaimana konteks dapat membantu penterjemah memahami budaya dalam penterjemahan. Beliau menghalusi permasalahan terjemahan yang timbul ekoran pengabaian terhadap konteks oleh dua orang penterjemah, iaitu Le Gassick dan M Badawi yang menterjemahkan karya Naguib Mahfouz. Abdel-Hafiz (2003) menyatakan bahawa pendekatan tipologi konteks terhadap terjemahan melihat konteks sebagai elemen penting yang menentukan struktur teks. Malah, konteks juga terbukti penting dalam menentukan makna teks. Abdel-Hafiz (2003) memetik pendapat House (1977) yang menyatakan bahawa setiap teks mempunyai situasi tertentu yang perlu dikenal pasti dan diberikan perhatian oleh penterjemah.

Beliau juga merujuk Vinay dan Darbelnet (1995, p. 255) yang dipetik dalam Leonardi (2000) yang berhujah bahawa “*the need for creating equivalences arises from the situation and it is in the situation of the SL text that translators have to look for a solution*”. Jelas Abdel-Hafiz, penterjemah, dalam tugasnya sebagai pembaca perlu bergantung pada konteks untuk menentukan makna sesebuah teks yang tertentu dan kegagalan berbuat demikian bakal menjadi punca kepada masalah terjemahan.

Dalam membahaskan permasalahan konteks ini, Abdel-Hafiz (2003) mengemukakan beberapa contoh seperti yang berikut:

1. Ungkapan الوقوف على القدمين (*standing on two feet*) dalam ujaran yang berikut boleh membawa makna yang berbeza bergantung pada konteks ungkapan ini digunakan. Sekiranya ungkapan ini diucapkan kepada seorang pesakit yang patah kakinya, ia boleh dibaca dengan maksud yang literal. Ungkapan ini, walau bagaimanapun, sebagaimana yang ditunjukkan oleh konteks yang dicetuskan dalam novel tersebut tidak merujuk pada aktiviti fizikal, iaitu berdiri di atas dua kaki. Ungkapan ini sebenarnya merujuk kenyataan bahawa Said mengajar bekas pelatihnya, Ilish tentang cara untuk bergantung pada dirinya sendiri. Berikut ialah ujaran tersebut dan terjemahannya:

ألم أعلمك الوقوف على القدمين

“It was me, wasn’t it, who taught you how to stand on your own two feet”, (*The Thief and the Dogs*, p.14).

2. Ungkapan *حتى تهدأ العاصفة* diterjemahkan oleh Le Gassick dan M Badawi tanpa mengambil kira konteksnya. Menurut Abdel-Hafiz (2003), ungkapan idiomatik tersebut lazimnya digunakan bukan sahaja untuk merujuk pada ribut yang datang melanda, akan tetapi ia juga membayangkan suasana sepi dan tenang selepas pertelingkahan dan perbalahan berlaku. Dalam konteks ini, jawapan dalam perbualan membawa maksud bahawa mereka sedang menunggu sehingga suasana menjadi tenang. Akan tetapi, penterjemah tidak memberikan pertimbangan ini apabila ujaran tersebut diterjemahkan sebagai suatu ribut yang sebenar sedang diperkatakan dalam teks bahasa sumber. Ungkapan tersebut adalah seperti yang berikut:

ماذا ننتظر؟

حتى تهدأ الزوينة..ص97

“What are we waiting for , then?”

“For the storm to blow over.” (*The Thief and the Dogs*, p.111)

3. Ekstrak bahasa sumber yang berikut menunjukkan bahawa Said sedang mengamati gambarnya, anak perempuannya, isterinya dan Nabawiyya dalam sebuah suratkhobar. Walau bagaimanapun, menurut Abdel-Hafiz (2003), penterjemah telah membuat kesilapan dengan menterjemahkan bahawa seolah-olah Said sedang mengimbau gambar-gambar tersebut daripada imajinasinya sendiri. Kesilapan memahami konteks dalam petikan ini menyebabkan penterjemah tergelincir dalam kancah kesilapan interpretasi dan makna.

Petikan teksnya adalah seperti yang berikut:

وثبتت عيناه على صورة سناء في دهشة وتأثر وجرى بصره على الصور جميعا، صورته الوحشية وصورة نوية بدت كامرأة ساقطة، ثم عاد

إلى سناء المبتسمة. (اللص والكلاب ص 85)

His mind's eye was focused on the photograph of Sana with a sense of wonder, and he was deeply moved. Then, in his imagination, he conjured up their pictures – his own wild-looking self, Nabawayya, looking like a whore – coming back to the picture of Sana. She was smiling. (The Thief and The Dogs, p. 98)

Setelah persoalan budaya dan konteks yang merupakan isu yang sangat penting dan asas dalam bidang penterjemahan dihuraikan, kini tibalah masanya perbincangan ditumpukan pada konsep pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam kajian terjemahan yang menjadi fokus utama kajian ini.

2.4 Pengeksplicitan dalam kajian terjemahan

Teori yang menjadi landasan kajian ini ialah konsep pengeksplicitan (*explicitation*). Konsep pengeksplicitan ini muncul buat kali pertama apabila Vinay dan Dalbernet (1958) memperkenalkannya sebagai sebahagian daripada prosedur terjemahan. Vinay dan Dalbernet menyenaraikan pengeksplicitan sebagai tambahan kepada prosedur terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Menurut Vinay dan Dalbernet (1958), pengeksplicitan bermaksud memperkenalkan secara jelas dalam teks sasaran maklumat yang hanya ditemui secara implisit (tersirat) dalam teks sumber tetapi dapat diperoleh menerusi konteks atau situasi. Pengimplisitan pula bermaksud proses yang membenarkan situasi atau konteks bahasa sasaran menjelaskan perincian tertentu yang eksplisit dalam bahasa sumber.

Hasil daripada proses pengeksplisitan dan pengimplisitan sering dibincangkan dalam konteks pertambahan (*gain*) dan kehilangan (*loss*). Menurut Vinay dan Dalbernet (1958), antara kebimbangan utama penterjemah adalah untuk memastikan terjemahan yang dihasilkan memelihara kandungan asal tanpa kehilangan inti patinya. Sebarang kehilangan, tanpa mengira sama ada makna atau nada hendaklah didapatkan kembali melalui prosedurimbangan.

Vinay dan Dalbernet (1958) seterusnya membincangkan sama ada pertambahan boleh dibuat berbanding dengan teks asal. Meskipun jawabannya kelihatan seperti 'tidak boleh', Vinay dan Dalbernet (1958) menegaskan bahawa penterjemah yang bagus bukan sahaja menterjemahkan perkataan tetapi pemikiran di sebalik perkataan dan untuk mencapai matlamat itu, penterjemah perlu sentiasa merujuk kepada konteks dan situasi.

Bagi Vinay dan Dalbernet (1958), apabila situasi itu dianalisis dan disusun semula dengan betul, salah satu daripada dua bahasa tersebut, dan tidak semestinya bahasa sumber pada setiap kali, mungkin menggambarkan situasi itu dengan lebih tepat. Dua bahasa yang berbeza tidak akan melaporkan situasi yang sama dengan cara yang sama. Vinay dan Dalbernet (1958) memberikan contoh yang paling jelas dan mudah, iaitu frasa ringkas "*his patient*" memberitahu kita mengenai jantung doktor tetapi bukan jantung pesakit. Namun, dalam bahasa Perancis, hal yang sebaliknya pula berlaku.

Pertambahan, menurut Vinay dan Dalbernet (1958) berlaku apabila terjemahan menzahirkan elemen situasi yang tidak dinyatakan dalam bahasa sumber. Pertambahan dalam konteks situasi tidak dapat dibayangkan. Ayat yang mengandungi pertambahan lebih mampu berdiri sendiri. Pertambahan membantu menzahirkan apa yang difahami atau

mengimbas kembali apa yang telah dinyatakan sebelum ini. Disebabkan pemahaman ayat yang sedemikian kurang bergantung pada konteks atau situasi, pembaca tidak perlu merujuk kepada salah satunya. Pengeksplisitan sedemikian boleh terhasil daripada punca struktur atau semantik. Adakalanya tahap keabstrakan sesuatu perkataan itu lebih tinggi daripada padanannya dalam bahasa sasaran.

Jelas Vinay dan Dalbernet (1958) lagi, adakalanya struktur bahasa memerlukan penggunaan frasa yang seakan-akan merakamkan keadaan sebenar dengan lebih jelas. Contohnya, oleh sebab bahasa Perancis tidak mempunyai frasa kerja, notis yang tergantung di pintu yang mengatakan "*Entrez sans frapper!*" (Masuklah, tak perlu ketuk!) adalah lebih tepat berbanding dengan padanan bahasa Inggeris iaitu "*Walk in!*". Meskipun maknanya amat jelas kepada penutur bahasa Inggeris, tafsiran tepat frasa itu lebih banyak bergantung pada situasi berbanding dengan notis bahasa Perancis yang sepadan.

Ini menunjukkan bahawa prinsip penjelasan melalui konteks berkaitan dengan tafsiran sejagat bagi elemen mesej tanpa penanda morfologi seakan-akan muncul daripada proses pemikiran kita semata-mata yang dapat menggabungkan pelbagai jenis maklumat daripada teks, konteks dan situasi.

Lapan tahun kemudian selepas Vinay dan Dalbernet (1958), iaitu pada tahun 1964, Nida mengembangkan idea mengenai pengeksplisitan ini dengan menggunakan beberapa istilah lain termasuk penambahan (*additions*), pengurangan (*subtractions*) dan penyelangan (*alternations*). Nida (1964) turut menyenaraikan beberapa teknik pengeksplisitan termasuk mengembangkan ungkapan elipsis (*filling out elliptical expressions*), mengenal pasti

elemen semantik penting yang terdapat secara implisit dalam teks sumber, memasukkan kata hubung dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Blum-Kulka (1986) dianggap oleh kebanyakan sarjana sebagai kajian sistematik yang pertama mengenai pengeksplicitan. Dengan menggunakan analisis wacana dan secara khususnya anjakan kohesi dan koheren dalam penterjemahan, Blum-Kulka (1986) merumuskan hipotesis pengeksplicitan yang mengandaikan bahawa proses penterjemahan akan menghasilkan teks sasaran yang mempunyai tahap kelewahan (*redundancy*) yang lebih berbanding dengan teks sumber. Menurut Blum-Kulka (1986), terjemahan cenderung menjadi lebih eksplisit berbanding dengan teks sumber, tanpa mengambil kira peningkatan perbezaan yang dapat dikesan antara dua sistem linguistik dan tekstual yang terlibat. Dalam konteks ini, Blum-Kulka (1986) melihat pengeksplicitan sebagai sesuatu yang sememangnya terdapat dalam proses terjemahan.

Walau bagaimanapun, Séguinot (1988) tidak menyetujui pandangan Blum-Kulka (1986) bahawa pengeksplicitan bermaksud kelewahan. Beliau berpendapat bahawa jumlah perkataan yang lebih banyak dalam terjemahan bahasa Perancis dapat dijelaskan oleh perbezaan dari segi gaya bahasa antara bahasa Inggeris dengan bahasa Perancis yang sememangnya telah banyak ditulis dan didokumenkan. Menurut Séguinot (1988), istilah 'pengeksplicitan' perlu dikhususkan untuk pertambahan yang tidak dapat dijelaskan oleh perbezaan struktur, gaya bahasa atau retorik antara dua bahasa. Tegas Séguinot (1988), pertambahan bukanlah satu-satunya alat pengeksplicitan.

Pada pendapat Séguinot (1988), pengeksplisitan berlaku bukan sahaja apabila ‘sesuatu diungkapkan dalam terjemahan yang pada asalnya tidak terdapat dalam teks asal’, malah dalam kes apabila ‘sesuatu yang dimaksudkan secara tersirat atau difahami menerusi praandaian (*presupposition*) dalam teks sumber diungkapkan secara jelas dalam terjemahan, atau sesuatu elemen dalam teks sumber diberikan lebih kepentingan dalam terjemahan menerusi fokus, penekanan atau pilihan leksikal’. Séguinot seterusnya mengkaji terjemahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Perancis dan daripada bahasa Perancis ke bahasa Inggeris dan dalam kedua-dua kes, beliau mendapati kewujudan fenomena pengeksplisitan yang lebih banyak dalam penterjemahan.

Klaudy dan Károly (2005) pula merumuskan bahawa pengeksplisitan berlaku, misalnya, apabila satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna yang lebih umum digantikan dengan satu unit bahasa sasaran yang maknanya lebih khusus. Sementara pengimplisitan pula berlaku, contohnya, apabila satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna yang lebih khusus digantikan oleh satu unit bahasa sasaran yang maknanya lebih umum.

Meskipun sepanjang konsep ini diperkenalkan, pengeksplisitan lebih ketara menyerlah berbanding dengan pengimplisitan, Klaudy (1998) menjelaskan bahawa pada era 1990-an, kajian pengeksplisitan memperoleh rangsangan baharu daripada kajian empirikal interpretasi bahasa berturut dan serentak yang menyatakan bahawa tekanan masa mungkin menjadikan strategi pengimplisitan (pemadatan, pengkondensasian) lebih penting dalam interpretasi bahasa berbanding dengan strategi pengeksplisitan. Demikian juga dalam penterjemahan drama yang mencadangkan teknik pengimplisitan atau pengeksplisitan mengubah elemen tertentu daripada linguistik kepada tahap situasi dan sebaliknya.

Pym (2005) mengutarakan beberapa pandangan yang lebih berani dan kritis dalam menjelaskan pengeksplisitan. Menurut Pym, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa penterjemah merupakan manusia yang luar biasa kerana mereka merupakan pembaca dan juga penulis secara serentak. Situasi ini menjadikan mereka lebih peka terhadap kesukaran dalam pembinaan makna (kerana mereka berusaha untuk menjadikan teks sumber dapat difahami), meletakkan mereka pada suatu kedudukan yang membolehkan mereka menyelesaikan masalah tersebut secara eksplisit selain melaksanakan perkara ini ketika proses pembinaan masih segar dalam fikiran mereka. Pendapat ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Whittaker (2004) yang memperlihatkan kes pengeksplisitan meningkat dalam petikan yang lebih banyak mengandungi kompleksiti. Lebih susah teks sumber, lebih kuat penterjemah bekerja, dan mereka akan lebih cenderung menyampaikan terjemahan mereka secara eksplisit.

Dalam kesimpulannya, Pym (2005) merumuskan bahawa pengeksplisitan diperlukan atas sebab-sebab yang terdiri daripada kehematan, prinsip kerjasama Grice, kerelevanan terhadap situasi penerimaan baharu dan etika perkhidmatan selain kawalan kerosakan atau pemulihan. Bagi semuanya itu, Pym menyatakan bahawa penterjemah mempunyai sebab untuk menjadi individu yang berusaha menghindarkan risiko, ataupun mereka perlu mengurangkan risiko atau mereka tidak mahu mengambil risiko atas nama mereka sendiri. Justeru menurut Pym, hipotesis penghindaran risiko dilihat bakal memberikan penjelasan umum terhadap pengeksplisitan.

Hal yang demikian mendorong Pym (2005) menyusun modelnya yang berikut. ‘Memandangkan terjemahan melibatkan komunikasi dengan konteks yang rujukannya tidak dikongsi oleh kebanyakan orang, ia melibatkan risiko yang lebih besar daripada teks bukan terjemahan, yang tidak mengandungi ciri ini. Apabila wujud risiko yang lebih besar, terdapat juga peluang yang lebih besar untuk mengurangkan risiko, meskipun secara jelasnya ia bukan merupakan suatu kewajiban’. Berdasarkan kenyataan ini, model yang disyorkan oleh Pym (2005) ini boleh membawa pengeksplicitan kepada terminologi pengurusan risiko. Menurut Pym (2005), masih banyak yang perlu ditinjau mengenai perspektif ini. Pym (2005) berhasrat untuk melihat penghindaran risiko sebagai sebab yang rasional bagi pelbagai jenis situasi yang melibatkan penterjemah, dalam budaya yang tertentu dan dari segi norma-norma yang tertentu.

Kesimpulannya, sejak konsep pengeksplicitan diperkenalkan oleh Vinay dan Dalbarnet pada tahun 1958, konsep ini telah berkembang dengan pesat dan melalui proses penambahbaikan dan pengembangan yang disumbangkan secara aktif oleh sarjana dan pengkaji terjemahan. Konsep yang bermula sebagai prosedur tambahan terjemahan yang mengupas pengeksplicitan makna implisit dalam terjemahan disebabkan oleh pelbagai dorongan bahasa dan budaya akhirnya berkembang hingga mencetuskan pelbagai spektrum perbincangan termasuk hipotesis, strategi dan teknik. Malah konsep ini berjaya mendorong sarjana seperti Pym (2005) untuk melihat pengeksplicitan sebagai wahana pengurusan risiko yang menjadi domain utama bidang pengurusan (*management*) dalam konteks penterjemahan.

2.5 Konsep *Musāwah*, *Ījāz* dan *Itnāb* dalam *Balāghah* Arab

Definisi *Balāghah* dalam bahasa Arab ialah “penampilan makna menarik melalui ungkapan tepat di samping memberikan kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan konteks” (Ishak Mohd. Rejab et al., 1996, p. 58). Sarjana *Balāghah* Arab sepakat membahagikan ruang lingkup perbincangan ilmu *Balāghah* kepada tiga bidang, iaitu ilmu *ma`āni*, ilmu *bayān* dan ilmu *badī`*. Di sini pengkaji menyentuh perbincangan tentang konsep *musāwāh* (المساواة), *ījāz* (الإيجاز) dan *itnāb* (الإطناب) dalam ilmu *ma`ānī* yang dilihat mempunyai perkaitan dengan perbincangan tentang pengeksplisitan dan pengimplisitan.

Ilmu *ma`ānī* dari segi istilah bermaksud ilmu yang mengkaji keadaan lafaz bahasa Arab yang sesuai dengan tuntutan situasi dan keadaan. Ilmu *ma`ānī* menuntun penutur untuk menyesuaikan kata-kata dengan kehendak konteks atau keadaan semasa berbicara. Menurut Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah (2013, p. 4), “dalam ilmu *ma`ānī*, perbincangan lebih menjurus kepada mengenali jenis ayat dan maksud yang tersirat padanya. Pertimbangan dalam menilai sesuatu ayat akan diberikan kepada tiga perkara utama, iaitu penutur, pendengar dan suasana”.

Dalam kajian ilmu *ma`ānī*, penggunaan lafaz dan makna berdasarkan konteks penggunaan terbahagi kepada tiga, iaitu *musāwāh*, *ījāz* dan *itnāb*. *Musāwāh* ialah ungkapan setara, *ījāz* ialah ungkapan ringkas dan *itnāb* ialah ungkapan panjang. Ketiga-tiga kategori ini membincangkan ungkapan yang sesuai dengan keadaan, khususnya dalam penggunaan lafaz dan makna yang dikehendaki. Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah (2013) mendefinisikan tiga istilah ini seperti yang berikut:

- a. Ungkapan setara atau sepadan ialah ungkapan yang mengandungi kadar maksud yang sama banyak dengan bilangan perkataan.
- b. Ungkapan ringkas ialah ungkapan yang mengandungi kadar maksud yang lebih banyak berbanding dengan bilangan perkataan.
- c. Ungkapan panjang ialah ungkapan yang mengandungi bilangan perkataan yang lebih banyak berbanding dengan kadar maksud, di samping membawa tujuan tertentu.

(Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah, 2013, p. 21)

Contoh ungkapan setara ialah firman Allah dalam al-Quran, Surah al-Fāthir, ayat 43:

وَلَا يَحِيقُ الْمَكْرُ السَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِ

“Rencana yang jahat itu tidak akan menimpa selain orang yang merencanakannya sendiri.”

Apabila contoh ayat al-Quran ini diperhatikan, kita mendapati bahawa kata-katanya disusun bersesuaian dengan makna yang dikehendaki. Sekiranya kita tambah satu perkataan sahaja, pertambahan itu pasti kelihatan, dan sekiranya kita kurangkan satu perkataan sahaja, pasti maknanya akan berkurangan. Dalam ayat ini, maksud yang hendak disampaikan adalah sepadan dengan bilangan perkataan yang digunakan, dan ia sudah jelas bagi pendengar memahami maksudnya. Kesimpulannya, ungkapan setara merupakan tahap asal bagi sesuatu ungkapan yang lengkap serta membawa maksud yang mencukupi untuk difahami oleh pendengar (Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah, 2013, p. 21).

Ungkapan ringkas (*ījāz*) pula digunakan bergantung pada faktor-faktor tertentu, seperti memendekkan cerita, memudahkan hafalan, mempercepat kefahaman, mengambil kira kesuntukan masa, menyembunyikan sesuatu maklumat daripada pengetahuan selain pendengar, ketika menghadapi rasa bosan atau jemu, mengumpul maksud yang banyak dengan kata-kata yang sedikit, dan lain-lain. Contohnya ialah firman Allah dalam al-Quran, Surah al-Baqarat, ayat 179:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ

“Dalam (hukuman) *Qisās* itu ada (jaminan) hidup bagi kamu”

Dalam ayat yang ringkas ini terdapat makna yang meluas. Menurut ulama tafsir, apabila seseorang manusia mengetahui sekiranya dia membunuh orang, dia akan dibunuh balik, maka dia akan takut melakukan tindakan membunuh. Dengan yang demikian selamatlah semua orang daripada dibunuh. Oleh yang demikian, hukum *qisās* ini akan menjamin semua orang dapat hidup dengan aman (Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah, 2013, p. 23). Contoh lain bagi ungkapan ringkas ini ialah hadith Nabi SAW. Rasulullah SAW bersabda:

الضَّعِيفُ أَمِيرُ الرَّكْبِ

“Orang yang lemah itu amir rombongan musafir.”

Hadith ini menjelaskan adab dan sopan santun dalam perjalanan dan peri pentingnya memberikan perhatian kepada orang yang lemah dalam perjalanan. Meskipun ringkas, hadith ini membawa maksud dan pengertian yang luas dan mendalam berkaitan dengan tata tertib yang perlu diperhatikan oleh rombongan yang bermusafir (Ali al-Jārim & Musthafa Usmān, 2005, p. 341)

Dalam Surah al-An`am, ayat 82, Allah SWT berfirman:

أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ

“Mereka itulah orang yang mendapat keamanan.”

Dalam ayat ini terdapat uslub *ījāz* kerana lafaz ‘*al-amn*’ mencakup segala perkara yang menyenangkan, termasuk kebebasan daripada rasa takut terhadap kemiskinan, kematian, penganiayaan, kehilangan nikmat dan hal-hal lain yang menakutkan (Ali al-Jārim & Musthafa Usmān, 2005, p. 342-343).

Malah, dalam ayat yang berikut juga terdapat uslub *ījāz*.

أَكَلْتُ فَاكْهَةً وَ مَاء

“Saya makan buah-buahan dan air.”

Dalam ayat ini terdapat *ījāz* kerana asal ayat ialah

أَكَلْتُ فَاكْهَةً وَ شَرِبْتُ مَاء

“Saya makan buah-buahan dan minum air.”

Ungkapan panjang (*itnāb*) pula digunakan bergantung pada faktor tertentu, seperti memperkukuh kefahaman pendengar, mempertegas mesej yang hendak disampaikan, mengelakkan timbulnya kekeliruan, membakar semangat dan lain-lain. Biasanya penutur memanjangkan ungkapannya pada situasi tertentu, seperti ketika memberi nasihat atau tunjuk ajar, mengucapkan tahniah, meluahkan kemesraan, pujian atau celaan, menyampaikan pidato umum, mendamaikan pihak yang bertelagah, pemerintah

mengeluarkan sebaran kepada rakyat, dan lain-lain lagi (Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah, 2013, p. 23-24).

Contoh ungkapan panjang ialah:

وَمَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَا مُوسَى قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّأُ عَلَيْهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَى غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَآرِبُ أُخْرَى

“Apa (bendanya) yang di tangan kananmu itu, hai Musa? Nabi Musa menjawab; ini ialah tongkatku; aku bertekan atasnya semasa berjalan, dan aku memukulnya dengan daun-daun kayu supaya gugur kepada kambing-kambingku, dan ada lagi keperluanku yang lain pada tongkat itu” (maksud Surah Taha: ayat 17 & 18). Menerusi ayat ini, Nabi Musa a.s. bukan sekadar menjawab bahawa yang di tangannya ialah sebatang tongkat, malah baginda menambah kata-kata dengan memaklumkan kegunaan tongkat itu untuk beberapa perkara (Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah, 2013, p. 24).

Ali al-Jārim dan Musthafa Usmān (2005, p. 351) pula memberikan contoh ungkapan panjang yang berikut, iaitu firman Allah dalam Surah al-Qadr, ayat 4:

تَنْزِيلَ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ فِيهَا

“Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril.”

Dalam ayat ini, kita mendapati bahawa makna Jibril sudah tercakup dalam lafaz sebelumnya, iaitu malaikat-malaikat. Cara ungkapan panjang jenis ini ialah menyebut yang khusus selepas yang umum. Dalam ayat ini, Allah secara khusus menyebut *al-Rūh*, iaitu Jibril, pada hal Jibril sudahpun terangkum dalam keumuman malaikat. Hal ini dimaksudkan sebagai penghormatan dan penghargaan kepada Jibril, seolah-olah Jibril daripada jenis yang lain.

Satu lagi contoh ungkapan panjang (*itnāb*) ialah firman Allah SWT dalam Surah Nūh, ayat 28:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِي مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

“Wahai Tuhanku, ampunilah aku, ibu bapakku, orang yang masuk ke rumahku dengan beriman, dan semua orang yang beriman, lelaki dan perempuan.”

Dalam ayat ini, cara ungkapan panjang yang diperhatikan ialah menyebut yang umum selepas yang khusus. Dalam ayat ini, Allah menyebut orang yang beriman, lelaki dan perempuan yang pada hakikatnya mencakup orang yang disebut sebelumnya.

Ketiga-tiga rumus ungkapan setara, ungkapan panjang dan ungkapan pendek ini diaplikasikan dengan maksud dan tujuan yang tertentu. Hakikat ini mendorong Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah (2013, p. 21) merumuskan bahawa “seseorang penutur yang mempunyai cita rasa *Balāghah* akan memilih salah satu kategori tersebut apabila menuturkan sesuatu ungkapan, agar ia memberi kesan kepada pendengar” dan “jika penutur mengeluarkan sesuatu ungkapan yang bertepatan dengan situasi, sama ada ungkapannya setara, ringkas atau panjang, ia dikira mempunyai nilai *Balāghah* kerana telah mengambil kira situasi berkenaan.”

Kewujudan perbincangan mengenai ungkapan setara, ungkapan ringkas dan ungkapan panjang dalam ilmu *Balāghah* Arab membuktikan konsep pengeksplisitan dan pengimplisitan sudah sememangnya wujud dalam ilmu *Balāghah* Arab itu sendiri, meskipun bukan dalam domain penterjemahan seperti yang dikaji secara meluas pada hari

ini. Dalam keadaan yang tertentu, penutur dituntut untuk berbicara dengan panjang lebar (*itnāb*), meskipun isi pembicaraan itu hanya sedikit. Adakalanya penutur berbicara secara ringkas meskipun maksud yang hendak disampaikan itu banyak (*ījāz*). Adakalanya penutur dituntut untuk tidak berbicara panjang dan tidak juga ringkas, sederhana sahaja, sehingga kata dan makna menjadi sama (*musāwāh*). Perbincangan seperti ini sememangnya amat relevan dengan kajian analisis bentuk makna implisit dan eksplisit yang dibincangkan dalam kajian ini.

2.6 Kajian yang berkaitan

Kajian terdahulu yang dikupas secara terperinci dalam bahagian ini merupakan kajian yang mempunyai kaitan dan hubungan dengan tajuk dan persoalan yang dibincangkan dalam tesis ini. Pengkaji mengakui terdapat korpus tesis kajian terjemahan Arab-Melayu yang dilaksanakan di institut pengajian tinggi awam tempatan, namun disebabkan kurangnya kerelevanan kandungan tesis itu dengan tajuk dan perbincangan berkaitan dengan pengeksplisitan dan pengimplisitan, tesis itu tidak akan dibincangkan secara terperinci di sini. Walau bagaimanapun, tesis-tesis tersebut telah mewarnai landskap kajian terjemahan Arab-Melayu di Malaysia dan sewajarnya diberikan penghargaan.

Antara pengkaji tersebut termasuklah Muhammad Fauzi Jumingan yang mengemukakan tesis doktor falsafah berjudul “Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans” pada tahun 2003 kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Maheram Ahmad pula mengemukakan tesis doktor falsafah berjudul “Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera” kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya pada tahun 2008. Pada tahun 2009,

Muhammad Arsyad Abdul Majid menulis tesis doktor falsafah yang turut dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dengan judul “Terjemahan Arab-Melayu dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan dalam Surah Al-Baqarat”. Muhammad Hafiz Bakar (2012) juga turut merencanakan kajian terjemahan Arab-Melayu dengan tesisnya berjudul “Terjemahan Kolokasi Kata Kerja Berproposisi Arab-Melayu dalam Kitab Mustika Hadis Rasulullah SAW” yang dikemukakan kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Meskipun kajian-kajian ini adalah signifikan dalam perkembangan kajian terjemahan Arab-Melayu secara umumnya, namun pengkaji tidak mengupasnya lebih lanjut dalam bahagian ini kerana tidak mempunyai kaitan khusus dengan pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan. Fokus pengkaji ialah bentuk makna implisit dan eksplisit serta proses pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan. Kajian-kajian yang ditinjau yang berikut jelas signifikan dengan perbincangan kajian ini, justeru sorotan khusus dikemukakan di sini untuk meninjau dapatan dan penemuan bermakna yang telah diperolehi oleh kajian ini.

2.6.1 Implisit dan eksplisit dari sudut kajian pragmatik – Thomas J. (1995)

Implisit bermaksud sesuatu yang tidak disampaikan secara terang-terangan. Dalam ujaran, banyak yang bersifat demikian. Ujaran atau kata-kata tidak menyamai maksud literalnya semasa diungkapkan dalam satu peristiwa bahasa antara penutur dengan pendengar secara timbal balik. Menurut Thomas J. (1995), ujaran yang diucapkan oleh seseorang penutur itu tidak semestinya mengandungi maksud seperti apa yang diucapkan (*literal or abstract meaning*) tetapi ada kalanya menjangkau makna berdasarkan konteks (*utterances meaning*).

Dalam terjemahan, terdapat ujaran yang dinyatakan secara implisit dalam teks sumber tetapi dinyatakan secara eksplisit dalam teks sasaran dan juga sebaliknya, berdasarkan konteks sosiobudaya dan khalayak pembaca masing-masing. Thomas J. (1995, p. 119) menyatakan:

"...indirectness occurs when there is a mismatch between the expressed meaning and the implied meaning. Indirectness is a universal phenomenon: as far as we know it occurs in all natural languages, a fact which in itself requires some explaining."(Thomas J., 1995, p. 119)

Menurut Thomas J. lagi (1995, p. 124), terdapat beberapa faktor yang mengawal *indirectness* (ketidakterusan) dalam semua bahasa dan budaya. Antara faktor tersebut termasuk yang berikut:

- i) Kuasa relatif penutur terhadap pendengar
- ii) Jarak sosial antara penutur dengan pendengar
- iii) Tahap di mana X diukur sebagai *imposition* (pengenaan/pemaksaan) dalam budaya Y
- iv) Hak dan kewajiban relatif antara penutur dan pendengar.

Indirectness digunakan oleh penutur untuk memperoleh beberapa kelebihan sosial dan komunikasi daripada penggunaannya. Menurut Thomas J., terdapat empat kelebihan yang merangkumi:

- i) Keinginan untuk menjadikan bahasa seseorang lebih menarik atau kurang menarik

- ii) Untuk meningkatkan daya (*force*) mesej seseorang
- iii) Matlamat yang saling bersaing (*competing goals*)
- iv) Kesantunan atau menghormati 'air muka' (*regard for 'face'*)

2.6.2 Kerugian linguistik dalam penterjemahan teks sastera Arab – kajian Al-Masri

H. (2008)

Al-Masri H. (2008) menerusi artikelnya berjudul “*Linguistic Losses in the Translation of Arabic Literary Texts*” dalam buku *Perspectives on Arabic Linguistics XXI Papers from the Twenty-First Annual Symposium on Arabic Linguistics*, Provo, Utah, March 2007 (2008, pp.173-202) melakukan kajian tentang kerugian linguistik yang berlaku dalam penterjemahan beberapa karya sastera Arab. Al-Masri H. (2008) menghuraikan kerugian linguistik dalam kajiannya seperti yang berikut:

“For the purposes of this paper, linguistic losses are broadly defined as the loss of verbal signs that pose difficulties in translation and affect the semantic and/or pragmatic (extralinguistic) values of the source text. These losses could be serious (blocking the understanding of the communicative message intended in the source text); tolerable (affecting the style and the aesthetic values of the source text); or complete (affecting both the communicative message and the overall aesthetic values of the source text). Such losses are due to many factors such as mistranslation of information, misunderstanding of the relationship between words, literal translation of what is semantically/pragmaticaaly more loaded in one language than the other, and over familiarity with the source text.” (Al-Masri H., 2008, p. 178)

Al-Masri H. (2008) mengkaji dua koleksi cerpen Arab dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris. Koleksi yang pertama berjudul *Three Egyptian Short Stories (Thalāth Qisās Misriyyah)* karya Youssef Idris (1991) berjumlah 25 halaman dan koleksi yang kedua

berjudul *Five Innovative Egyptian Short Stories (Khams Qisās Misriyyah)* karya Saad El-Khadem (1994) berjumlah 23 halaman.

Dalam konteks pragmatik, Al-Masri H. (2008) melihat bahawa kerugian konotasi pragmatik boleh mengakibatkan kesan yang serius terhadap bahasa sumber. Dalam contoh yang ditampilkan, Al-Masri H. (2008) mengemukakan contoh berkaitan dengan kehilangan dorongan semantik dan pragmatik dalam perkataan (*losses in the semantic/pragmatic force of words*) dan contoh yang kedua berkaitan dengan kehilangan ketersiratan pragmatik (*loss of pragmatic implicitness*). Kedua-dua contoh tersebut yang ditampilkan oleh Al-Masri adalah seperti yang berikut:

(1) فحلف طلاق بالثلاثة ليكسر قصادها ذراعي

“so he made a triple oath to divorce me unless he broke my arm” (Farahat’s Republic)

(2) والحجرة الأخرى تعج بالمراقبات وصاحبات الحرقة

“and the other room was full of prostitutes and women on probation” (Farahat’s Republic)

(Al-Masri H., 2008, p. 188)

Menurut Al-Masri H. (2008), contoh pertama merupakan satu contoh terjemahan item sumber yang dilakukan secara literal. Terjemahan tersebut sukar difahami kerana ia tidak menerangkan kepada pembaca sasaran signifikan perkataan Arab ‘*triple oath*’ yang secara semantik lebih berat dan secara pragmatik lebih bertenaga daripada apa yang dicadangkan

oleh terjemahan Inggeris. Al-Masri H. (2008) menegaskan bahawa terjemahan literal sedemikian boleh menjejaskan dengan serius makna yang terdapat di sebalik frasa.

Al-Masri H. (2008) menjelaskan mengapa terjemahan sedemikian menyebabkan kehilangan yang serius dan menekankan bahawa kita perlu memahami persekitaran bukan verbal ungkapan bahasa sumber tersebut. Secara pragmatik, konotasi di sebalik '*triple oath*' mendedahkan satu siri lakuan yang kompleks yang berasal daripada undang-undang Islam dalam pentadbiran perkahwinan. Latar belakang konotasi "*triple oath*" adalah apabila seseorang lelaki melakukan *triple oath* (melafazkan talak tiga) untuk menceraikan isterinya, ia akan menghadapi penalti kehilangan isterinya.

Lelaki itu tidak boleh sewenang-wenangnya mengahwininya semula melainkan isterinya itu berkahwin semula, memulakan hidup baharu dan kemudian mendapat perceraian yang kedua (yang merupakan satu kes yang ekstrem). Hanya selepas itu barulah si suami boleh mengahwini isteri yang diceraikan itu, jika dan hanya sekiranya bekas isterinya mahu. Justeru perlu difahami bahawa "*triple oath*" merupakan proses yang kompleks yang menekankan dua nilai, iaitu hubungan perkahwinan adalah bernilai dan perlu dihormati dan perceraian tidak boleh dibuat secara sebarangan. Secara paradoksnya, kekompleksan "*oath*" talak dalam bahasa Arab adalah mudah kerana *talaq* merupakan lakuan atau kenyataan performatif tunggal yang disebut sebanyak tiga kali dan itulah sebabnya *talaq* merupakan ancaman yang berkesan.

Dalam contoh teks sumber tersebut, si suami memahami bahawa konotasi di sebalik sumpahnya lalu menjadikannya syarat. Ini bermakna, sekiranya isterinya tidak mengikut apa yang diperkatakannya, si suami akan sama ada menceraikannya atau mematahkan

lengannya. Pembaca sumber yang biasa dengan konotasi seumpama itu dalam bahasa dan budaya natifnya berupaya untuk mengikuti tindakan dan kata-kata watak dalam cara yang lebih logik.

Sebaliknya menurut Al-Masri H. (2008) dalam terjemahan Inggeris itu, terjemahan itu hanya memindahkan ungkapan sumber sebagai semata-mata perkataan sumpah si lelaki sekali gus menyebabkan kehilangan dorongan *pragmatic force* ungkapan sumber. Al-Masri H. (2008) menghuraikan analisisnya:

Comparing this to the translation, we realize that it renders the source expression as a mere wording of the man's vow. In this sense, what is translated is only the verbal part of the sign into another verbal sign. This gives a false impression of the significance of the sign, i.e., the man merely verbalized a strong oath. In addition, the translator mistranslates the word qusaadha as "unless", thus totally ignoring the optionality of either divorcing the wife or breaking her arm. It follows that translation is awkward because it ignores these implications, hence causing a double loss: a loss of the semantic load of meaning and a loss of the pragmatic force of the source expression. It is argued this incomprehensiveness in translation is due to the translator's over-familiarity with the source language, where he unconsciously presupposes target readers' familiarity with what they read." (Al-Masri H, 2008, p. 189)

Contoh yang kedua merupakan satu contoh perkataan taboo dalam bahasa sumber. Bahasa Arab, seperti kebanyakan bahasa lain melihat seks sebagai suatu subjek yang taboo, justeru contoh tersebut membuat rujukan yang implisit terhadap *prostitutes* (pelacur). Keimplisitan dalam rujukan menunjukkan sifat konservatif budaya Arab dan membayangkan sikap hormat pengarang terhadap nilai budaya sedemikian. Sebarang subjek boleh dianggap taboo atau *repulsive* (menjijikkan) kekal berada dalam batasan yang benar secara politiknya. Terjemahan tersebut telah menyebabkan kehilangan terhadap daya

pragmatik (*pragmatic force*) keimplisitan ini dengan menjelaskan frasa sumber “*women of the craft*” sebagai “pelacur”.

Meskipun terjemahan telah berjaya menyampaikan kandungan mesej sumber, akan tetapi ia telah secara serius menepis kesan-kesan pragmatik yang adalah lebih penting di sini. Dalam konteks ini, kerugian ini secara karakteristiknya merupakan kerugian dari sudut aspek sosial ataupun “*social cohesion*”. Al-Masri H. (2008) menambah bahawa kerugian keimplisitan pragmatik ini boleh dilihat sebagai kehilangan nilai konotatif penunjuk teks sumber.

Taboo mengandungi aspek makna yang menyentuh reaksi emosi kita terhadap perkataan. Malah, kekuatan emosi perkataan, khususnya dalam teks kesusasteraan adalah sama pentingnya terhadap kandungan teks dan tidak boleh disisihkan.

2.6.3 Analisis makna implisit dalam Novel Harry Potter and The Prisoner of Azkaban karya J.K. Rowling dan terjemahannya – kajian Elam M. (2001)

Elam M. (2001) mengemukakan kajian berjudul ‘*Analisis Makna Implisit Pada Novel Harry Potter and the Prisoner of Azkaban Karya J.K. Rowling dan Terjemahannya*’ untuk ijazah Sarjana Jurusan Sastra Inggeris di Fakultas Sastra, Universitas Padjadjaran, Indonesia.

Kajian Elam M. (2001) bertujuan mengetahui makna implisit rujukan, makna implisit organisasional dan makna implisit situasional yang terdapat dalam novel *Harry Potter and the Prisoner of Azkaban* dan terjemahannya. Di samping itu, kajian beliau juga bertujuan meneroka bagaimana ketiga-tiga makna tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dan mengenal pasti kesesuaian yang diperlukan oleh penterjemah dalam menyampaikan makna-makna implisit tersebut ke dalam bahasa Indonesia sebagai bahasa sasarannya.

Elam M. (2001) menggunakan kaedah kepustakaan dengan membaca kajian terdahulu yang berkaitan dengan makna implisit dan kajian yang menyokong penganalisisan data. Beliau menggunakan metodologi berbentuk deskriptif dan komparatif. Data yang dikumpul diklasifikasikan dan seterusnya dibahaskan secara objektif. Analisis yang dilaksanakan beliau menunjukkan bahawa cara penterjemahan makna implisit pada data tidak akan menimbulkan kekeliruan pada makna, tetapi jelas untuk difahami sesuai dengan susunan pada bahasa sasaran serta tidak menyimpang daripada teori yang digunakan.

Elam M. (2001) memperoleh beberapa penemuan menerusi kajiannya ini. Antara lain, makna implisit harus diterjemahkan secara ekspilisit apabila sistem dalam bahasa sasaran membenarkannya. Beliau juga mendapati bahawa makna implisit mesti diterjemahkan secara eksplisit jika ia menyebabkan kesamaran atau kekeliruan makna dalam hasil terjemahannya. Elam M. (2001) pada akhirnya merumuskan bahawa penterjemahan merupakan suatu aktiviti penting dalam bahasa. Dalam menterjemahkan sesuatu teks, penterjemah dituntut supaya menjaga serta memelihara nilai dan keindahan teks. Penterjemah perlu memahami dan membuat penelitian yang mendalam untuk menguasai makna implisit dalam teks sumber supaya dapat menyampaikannya dengan baik dalam bahasa sasaran. Dengan itu, penterjemah yang baik akan mengetahui situasi makna implisit

mesti dikekalkan dalam bentuk implisit dan situasi makna implisit harus dieksplisitkan dalam penterjemahannya.

2.6.4 Mengapa terjemahan pelajar cenderung menjadi lebih panjang berbanding dengan penterjemah profesional – kajian Mareva (2009)

Sebuah lagi kajian yang menarik berkaitan dengan pengeksplisitan dalam penterjemahan ialah kajian berjudul, “*Why Students’ Translations Tend To Be Longer Than Professional Translations?*” oleh Mareva (2009) dari Universiti New Bulgarian.

Mareva (2009) menyasarkan kajiannya untuk meninjau hubungan antara ukuran panjang terjemahan dengan penggunaan strategi pengeksplisitan atau pengimplisitan oleh pelajar dan membincangkan kesalingbergantungan antara kecekapan dan kepakaran terjemahan dengan penggunaan strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan selain menyatakan beberapa implikasi bagi pedagogi terjemahan.

Kajian Mareva (2009) menyatakan bahawa bagi kecekapan profesional, kepakaran dan kecemerlangan, pengeksplisitan dan pengimplisitan merupakan batu uji terhadap kehalusan kerja penterjemah. Mareva (2009) mengemukakan hipotesis terdapatnya hubungan yang tetap (sistematik) antara penggunaan strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan dengan tahap kecekapan linguistik dan pengurusan strategi pencapaian pelajar. Nisbah pengeksplisitan dan pengimplisitan boleh menjadi fungsi yang mengukur jumlah pengalaman menterjemah yang dimiliki penterjemah dan pengeksplisitan merupakan model penterjemahan yang diyakini oleh pelajar khususnya dari aspek kualiti terjemahan.

Dalam kajian ini, Mareva (2009) menerapkan hipotesis pengeksplisitan Blum-Kulka (1986), yaitu terjemahan lazimnya lebih eksplisit daripada teks sumber, terutamanya oleh penterjemah yang bukan profesional. Penterjemah yang kurang berpengalaman akan menghasilkan teks yang berbentuk penjelasan atau kelewahan (*redundancy*). Semakin kurang pengalaman seseorang penterjemah, semakin jelas proses terjemahan kelihatan.

Menerusi kajian ini, Mareva (2009) menganalisis pengeksplisitan dan pengimplisitan pilihan atau sukarela (*optional and voluntary*) dari segi panjangnya teks terjemahan. Oleh yang demikian, kajian beliau menumpukan proses penambahan dan pengurangan leksem. Pengeksplisitan merupakan penambahan leksem, hubungan satu lawan banyak (*one-to-many relationship*) manakala pengimplisitan pula ialah pengurangan leksem, iaitu hubungan banyak lawan satu (*many-to-one relationship*). Dalam kajiannya ini, Mareva (2009) menggunakan kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif.

Kajian Mareva (2009) menghasilkan beberapa penemuan. Data yang dianalisis beliau membuktikan bahawa pengeksplisitan dan pengimplisitan merupakan fenomena yang mempunyai kekerapan yang tinggi dalam penterjemahan. Dalam hampir 1,400 perkataan grafik, terdapat 36 anjakan ditemui yang terdiri daripada 24 pengeksplisitan dan 12 pengimplisitan. Mareva (2009) turut mendapati bahawa meskipun pengeksplisitan dan pengimplisitan bergantung pada sejumlah variabel termasuk jenis bahasa, ciri struktur dan pragmatik teks sumber dan teks sasaran, stail pengarang serta stail penterjemah dan sebagainya, salah satu variabel yang terpenting ialah jumlah pengalaman menterjemah yang dimiliki oleh penterjemah. Penterjemah baharu lebih cenderung menggunakan strategi pengeksplisitan berbanding dengan penterjemah yang mahir. Malah, penterjemah baharu

tidak berminat untuk menggunakan teknik pengimplisitan. Justeru, Mareva (2009) mengetengahkan melalui kajiannya perbezaan yang ketara dari segi kecekapan strategik antara penterjemah baharu dengan penterjemah mahir.

Mareva (2009) turut membuat pemerhatian terhadap perbezaan yang penting antara model terjemahan penterjemah mahir dengan penterjemah kurang mahir. Model terjemahan yang digunakan oleh pelajar menetapkan matlamat berbentuk penjelasan dan membuat anggapan bahawa pembaca adalah pasif. Pelajar yang dikaji cenderung menyampaikan setiap makna (dan juga bayangan makna) pada struktur permukaan. Bagi mereka, lebih eksplisit terjemahan yang diberikan, lebih baik. Pengimplisitan dilihat sebagai memperlihatkan 'kelemahan' dan kurangnya kefahaman. Pembaca tidak dituntut untuk terlibat secara aktif untuk membuat rujukan. Dari segi implikasi pedagogi, Mareva (2009) merumuskan bahawa usaha yang berterusan diperlukan untuk mengkaji dan membangunkan kedua-dua strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan, dengan fokus yang lebih mendalam diberikan terhadap pengimplisitan.

2.6.5 Teknik pengeksplisitan dalam terjemahan Arab-Inggeris – kajian Waleed

Othman (2006)

Kajian Walid Othman (2006) ini merupakan kajian dalam domain terjemahan Arab-Inggeris. Walid Othman (2006) menjalankan kajian terhadap teknik pengeksplisitan yang digunakan oleh penterjemah novel berjudul *Afrak al-Qubbah* dan *Qasr el-Shawq* yang ditulis oleh pemenang anugerah Nobel Laureate, Naguib Mahfouz (1981; 1984).

Objektif utama kajian Walid Othman (2006) ialah menghimpunkan dalam kajiannya ini beberapa teknik pengeksplisitan yang dicadangkan oleh beberapa sarjana yang menjalankan kajian dalam bidang *Corpus-Based Translation Studies and Translation Universals* (TU) yang terletak dalam bidang Kajian Terjemahan Deskriptif (*Descriptive Translation Studies*, DTS) yang lebih luas. Kajian beliau juga bertujuan memberikan contoh teknik yang boleh menjadikan teks sasaran lebih eksplisit daripada teks sumber. Walid Othman (2006) tidak menggunakan korpus yang besar, sebaliknya hanya memanfaatkan sampel berjumlah 34 halaman daripada novel *Afrah al-Qubbah* dan 70 halaman daripada novel *Qasr el-Shawq* yang ditulis oleh Naguib Mahfouz serta terjemahan halaman yang dinyatakan ini dalam bahasa Inggeris.

Kaedah analisis yang digunakan oleh Walid Othman (2006) pada asasnya menerapkan teknik penjajaran manual berdasarkan perbandingan antara teks sumber dengan teks sasaran dengan objektif untuk menyatakan dan mengkategorikan contoh-contoh pengeksplisitan. Analisis manual secara terperinci yang dijalankan terhadap korpus kajian ini menghasilkan pernyataan berlakunya teknik pengeksplisitan yang mencakup penjelasan bahan berbentuk budaya (*explanation of cultural material*), tambahan dan masukan (*additions and insertions*), penggantian (*substitutions*), penjelasan implikatur (*spelling out of implicatures*) dan penyelesaian kekaburan (*resolving ambiguities*).

Kategori Teknik	Teks Bahasa Arab (Sumber)	Teks Bahasa Inggeris (Sasaran)
Penjelasan bahan berbentuk budaya	أي كابة تغشاني وأنا أخترق باب الشعرية	What melancholy engulfs me as I plunge into... Bab al-Shariya! (footnote: A quarter in the northwest section of the old Fatimid quarter of Cairo)
Tambahan dan masukan (kata hubung)	أريد أن أتنفس بكلمة أتبادلها مع أحد. سحابة الدخان المنعقدة في الحجره تزيد من غررتي. أغوص في الرعب.	I'd like to start talking with someone to break the tension, but the thick cloud of smoke in the room deepens my sense of alienation; and I am sodden with some kind of fear.
Penggantian	إنه مجرم لا مؤلف	Abbas Yunus is a criminal, not an author
Penjelasan implikatur	اعتدت ألا أبالي	I pay no attention to his brusqueness
Penyelesaian kekaburan	ملأت بطني بالشويرمة والكونياك...تحالف الكونياك مع خمر النجاح...حتى نخب المؤلف شربته... رأيت حليلة في التايير الذي استأجرته من أم هاني.	I fill my stomach with sharwerma and cognac; and the cognac reacts with the wine of success to the point where , seeing Halima in a suit she rented from Umm Hany.

Jadual 2.1: Teknik pengeksplicitan dan contohnya dalam kajian Walid Othman (2006)

Menerusi penelitian terhadap korpus kajian ini, Walid Othman (2006) berjaya membuktikan beberapa teknik yang digunakan oleh penterjemah secara sedar atau di bawah sedar untuk menghasilkan teks sasaran yang mempamerkan pengeksplicitan yang lebih ketara daripada teks sumbernya. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar teknik yang dinyatakannya itu diteliti lebih lanjut dalam korpus yang lebih besar menerusi kaedah

elektronik dan manual, kerana sebahagian daripada teknik hanya boleh dipetik secara manual sementara sebahagian yang lain melalui penggunaan perisian.

Walid Othman (2006) mencadangkan agar penemuan yang diperolehnya dijadikan platform untuk membantu pengajaran penterjemahan di bilik kuliah dan juga memperkukuh sarjana terjemahan. Walid Othman (2006) juga menggesa agar program perisian yang tertentu untuk melaksanakan kajian sebegini direka khusus kerana pada masa kajian beliau dilaksanakan, tidak terdapat peranti yang sedemikian sejauh yang diketahui oleh beliau. Dengan kewujudan perisian, Walid Othman (2006) yakin bahawa kajian seperti ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

2.6.6 Pengeksplisitan dan stail penterjemah – kajian Saldanha (2008)

Saldanha (2008) menangani beberapa aspek terjemahan yang sebahagian besarnya diabaikan dalam kajian terjemahan. Saldanha melaporkan sebuah kajian korpus mengenai hasil perbandingan profil dua orang penterjemah kesusasteraan terkemuka, iaitu Jull Costa dan Bush, menggunakan dua korpus terjemahan Sepanyol-Inggeris dan Portugis-Inggeris (Saldanha, 2005) oleh kedua-dua penterjemah tersebut.

Dalam kajian tersebut, Saldanha (2008) memperoleh penemuan wujudnya kecenderungan yang lebih ketara ke arah pengeksplisitan dalam terjemahan oleh Jull Costa berbanding dengan terjemahan yang dilakukan oleh Bush (Saldanha, 2008). Untuk merungkai persoalan ini, Saldanha (2008) meneliti hasil tulisan Jull Costa dan Bush mengenai terjemahan dan mengadakan temu bual dengan kedua-dua penterjemah tersebut.

Selepas temu bual dijalankan, Saldanha (2008) akhirnya merumuskan bahawa pandangan mereka berdua yang berbeza terhadap peranan masing-masing sebagai pengantara budaya (*intercultural mediators*) berhubung dengan khalayak masing-masing (Saldanha, 2008:31) merupakan sebab yang mencetuskan profil pengeksplicitan penterjemah yang berbeza.

Menurut Saldanha (2008), Jull Costa inginkan terjemahannya diterima dari perspektif yang dikehendaki oleh budaya sasaran. Oleh itu, terjemahannya dipacu oleh keinginan untuk membolehkan pembaca memperoleh pengalaman membaca yang menghiburkan dan tidak terganggu oleh kekangan maklumat seperti perkataan bahasa sumber yang menyebabkan pembaca tidak dapat memproses maklumat dalam persekitaran kognitif mereka sendiri. Bush pula sebaliknya didorong oleh keinginan untuk memperkenalkan pengarang asing baharu kepada pasaran kesusasteraan Britain. Lantaran itu, Bush tidak gentar dalam mencabar pembaca untuk beralih keluar daripada bentuk kebiasaan untuk membaca karya terjemahan baharu tersebut. (Saldanha, 2008).

Yang dinyatakan oleh Saldanha (2008) ini menunjukkan bahawa pengeksplicitan yang lebih kerap dalam terjemahan Jull Costa berbanding dengan terjemahan Bush merupakan hasil daripada kecenderungan seseorang penterjemah untuk memudahkan teks sasarannya dan mengembalikannya ke paras yang wajar (*normalisation and simplification*). Bush pula bersedia untuk menerima campur tangan bahasa sumber yang lebih besar dalam terjemahannya. Menerusi kajian Saldanha (2008) ini dengan berdasarkan kes terjemahan Jull Costa dan Bush, dapat dirumuskan bahawa pengeksplicitan merupakan fenomena yang berbeza dalam kalangan penterjemah dan mungkin merupakan kesan sampingan daripada usaha penterjemah untuk memudahkan teks terjemahan dan mengembalikannya ke paras yang wajar.

2.6.7 Kajian berasaskan korpus tentang pengeksplicitan kata hubung dalam teks bahasa Arab, terjemahan dan bukan terjemahan yang ditulis oleh penterjemah/penulis yang sama – kajian Ashraf A. (2010)

Kajian berjudul '*A Corpus-Based Study of Conjunctive Explicitation in Arabic Translated and Non-Translated Texts Written by the Same Translators/Authors*' ini merupakan kajian doktor falsafah yang dikemukakan oleh Ashraf A. (2010) di University of Manchester.

Kajian Ashraf A. (2010) ini menyasarkan dua objektif utama. Objektif pertama adalah untuk mengkaji perbezaan dalam bentuk penseketikaan (*instantiation*) bagi klausa kompleks (*complexing clause*) dan hubungan konjunktif dalam teks sumber bahasa Inggeris, terjemahannya dalam bahasa Arab dan teks bukan terjemahan dalam bahasa Arab yang ditulis oleh penterjemah yang sama. Objektif yang kedua pula adalah untuk mengkaji sama ada, dan hingga tahap mana, perbezaan ini disebabkan oleh pengeksplicitan sebagai ciri khusus terjemahan.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sebarang perbezaan yang tekal antara tiga jenis teks dari segi kata hubung dan klausa kompleks serta menentukan sejauh mana sebarang bentuk perbezaan yang diperhatikan berkait atau disebabkan oleh pengeksplicitan. Justeru, kajian ini merupakan sebuah kajian satu arah yang menggunakan gabungan metodologi selari dan perbandingan. Dorangan utama di sebalik reka bentuk korpus ini adalah untuk membolehkan kawalan terhadap faktor yang berkemungkinan dipercayai memberikan sumbangan terhadap sebarang bentuk perbezaan yang diperhatikan antara ketiga-tiga komponen korpus.

Untuk mencapai matlamat kajian yang dihasratkan itu, suatu pendekatan gabungan selari dan perbandingan berasaskan korpus digunakan dan sebuah korpus khas, yang terdiri daripada teks sumber, terjemahan dan bukan terjemahan disusun secara sistematik berdasarkan kriteria eksplisit, terutamanya dengan teks bukan terjemahan Arab ditulis oleh penterjemah yang sama dan dapat dibandingkan dengan teks terjemahan dari segi saiz dan laras secara keseluruhan. Menurut Ashraf A.(2010), kajian beliau ini menutup lowongan yang terdapat dalam kajian berasaskan korpus mengenai ciri khusus terjemahan yang selama ini hanya terhad pada bahasa rumpun Eropah. Mengesahkan penemuan kajian terdahulu mengenai pengeksplisitan, kajian Ashraf A. (2010) ini mendedahkan kecenderungan ciri-ciri pengeksplisitan untuk berkelompok dalam pelbagai persekitaran metafungsional, dengan kesan menyeluruh termasuk mengurangkan kekaburan atau kekompleksan, mengelakkan kesamaran dan mempertingkatkan kebolehfahaman menerusi kohesif kata hubung yang dipertingkatkan, peneguhan, pemudahan yang diperluas atau melenyapkan konstruksi yang kompleks.

2.6.8 Prosedur dan strategi dalam penterjemahan elemen budaya karya *Rihlah Ibn Battutah* ke bahasa Melayu – kajian Idris Mansor (2011)

Kajian ini merupakan sebuah kajian doktor falsafah berjudul “*Procedures and Strategies in the Translation into Malay of Cultural Elements of Rihlat Ibn Battutah*” yang ditulis oleh Idris Mansor (2011) di *School of Modern Languages & Cultures*, University of Leeds. Kajian Idris Mansor (2011) ini merupakan suatu pencapaian yang penting khususnya kerana kajian ini buat kali pertamanya membawa *Rihlah Ibn Battutah* dan terjemahannya,

‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’ ke arena pengajian tinggi peringkat doktor falsafah. Malah, Idris Mansor menghasilkan kajiannya ini di luar negara, iaitu di United Kingdom.

Matlamat utama kajian Idris Mansor (2011) ini adalah untuk mengenal pasti prosedur dan strategi yang berkesan dalam menterjemahkan elemen budaya Arab ke dalam bahasa Melayu. Untuk mencapai matlamat ini, beliau telah menggunakan empat kaedah penterjemahan, iaitu peminjaman, pengeksplicitan, penterjemahan literal dan generalisasi. Beliau juga membahagikan elemen budaya kepada agama, makanan dan minuman dan juga pemakaian.

Dapatan kajian Idris Mansor (2011) menunjukkan bahawa kaedah pengeksplicitan telah berjaya meningkatkan sifat jelas teks terjemahan atau dengan erti kata lain, pengeksplicitan telah berjaya memberikan pencerahan kepada pembaca untuk memahami dengan lebih baik elemen budaya Arab dalam terjemahan. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa para penterjemah teks *Rihlah Ibn Battutah* telah menggunakan empat bentuk pengeksplicitan iaitu: i) penambahan dan spesifikasi, ii) penggunaan glosari kata yang eksplisit, iii) penggunaan nota hujung (*end-notes*) di setiap bab dan iv) penggunaan glosari kata pada akhir setiap bab. Selain itu, kajian ini juga telah menemui satu lagi dapatan penting tentang pengeksplicitan, iaitu terdapat dua trend yang biasa digunakan oleh penterjemah. Dua trend tersebut ialah, pertama, penggunaan kaedah pengeksplicitan bersama-sama dengan kata pinjaman yang baharu, dan kedua, penggunaan terma generik dalam memberikan definisi kepada item budaya yang dikaji. Kaedah pengeksplicitan sebegini telah menjadikan teks terjemahan *Rihlah Ibn Battutah* sebagai sebuah teks terjemahan yang jelas dan jitu kepada pembaca.

Kesimpulannya, kajian Idris Mansor (2011) ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pengeksplicitan telah berjaya meletakkan teks terjemahan *Rihlah Ibn Battutah* ke suatu dimensi baharu yang unik dan tersendiri dalam bahasa Melayu.

2.6.9 Pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan: kajian terjemahan teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris berasaskan korpus – kajian Becher (2011)

Ini merupakan sebuah lagi kajian penting berkaitan dengan tajuk perbincangan kita. Becher (2011) menulis tesis doktor falsafah berjudul *“Explicitation and Implication in Translation: A Corpus-based Study of English-German and German-English Translations of Business Texts”* yang dikemukakan kepada Universiti Hamburg.

Kajian Becher (2011) meninjau pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan. Anjakan pengeksplicitan dan pengimplisitan dikenal pasti secara manual melalui sebuah korpus yang mengandungi teks perniagaan bahasa Inggeris dan Jerman serta terjemahannya dalam kedua-dua arah. Kajian Becher (2011) bertolak daripada pemerhatian bahawa pengeksplicitan dalam sesuatu hala terjemahan lazimnya tidak diimbang balas oleh pengimplisitan dalam hala yang satu lagi berdasarkan Hipotesis Tidak Simetri Klaudy. Tujuan kajian yang dijalankan Becher (2011) adalah untuk mengkhususkan keadaan di bawah sifat tidak simetri pengeksplicitan yang boleh dilihat dalam sesebuah penterjemahan.

Becher (2011) mendefinisikan pengeksplicitan sebagai sesuatu yang dapat dilihat apabila teks sasaran adalah lebih eksplisit daripada teks asal. Definisi ini diberikan oleh Becher

(2011) berdasarkan produk terjemahan, tanpa mengambil kira proses yang berlaku. Justeru, definisi yang diberikan oleh beliau adalah bersifat agnostik. Tidak seperti kebanyakan kajian lain, kajian Becher (2011) mempunyai tanggapan bahawa anjakan pengeksplicitan dan pengimplisitan ditentukan secara uniknya oleh faktor leksiko-tatabahasa atau pragmatik.

Tanggapan beliau ini telah disokong oleh dapatan kajian. Melalui analisis kualitatif yang telah dijalankan, Becher (2011) telah mengenal pasti beberapa faktor yang mendorong penterjemah untuk melakukan pengeksplicitan. Menurut Becher (2011), penterjemah melakukan pengeksplicitan:

- i. Sekiranya mereka merasakan bahawa sesuatu hubungan *coreference* (dua perkataan yang mempunyai rujukan yang sama) diberikan secara implisit dalam teks sumber tidak mudah difahami (yang akan menyebabkan kesukaran pemprosesan).
- ii. Sekiranya mereka merasakan bahawa *antecedent* (keadaan sebelum itu) sesuatu ungkapan bersifat *coreference* tidak mudah untuk dikenal pasti (yang akan menyebabkan kesukaran pemprosesan).
- iii. Sekiranya bahasa sasaran menawarkan item leksikal yang bersesuaian dengan konteks yang ada tetapi tidak terdapat dalam bahasa sumber.
- iv. Sekiranya bahasa sasaran menawarkan slot sintaksis yang tidak terdapat dalam bahasa sumber tetapi sesuai untuk diisi (contohnya oleh sebuah kata hubung).
- v. Untuk memenuhi pilihan komunikasi lazim oleh pembaca bahasa sasaran.
- vi. Mengikut strategi umum, iaitu memaksimumkan keeksplisitan untuk mengurangkan risiko kesalahfahaman.

Becher (2011) juga mengenal pasti berapa faktor lain yang menjelaskan mengapa penterjemah memilih untuk melakukan pengimplisitan. Penterjemah didapati cenderung untuk melakukan pengimplisitan:

- i. Sekiranya mereka merasakan bahawa hubungan *coference* yang diberikan secara eksplisit dalam teks sumber akan mudah difahami sekiranya ia dinyatakan secara kurang eksplisit atau tidak dinyatakan sama sekali.
- ii. Sekiranya sesuatu item yang tertentu dalam bahasa sumber tidak mempunyai padanan yang terus dalam bahasa sasaran.
- iii. Sekiranya bahasa sasaran kekurangan slot sintaksis yang ditawarkan oleh bahasa sumber.
- iv. Untuk mematuhi pilihan komunikasi lazim oleh pembaca bahasa sasaran
- v. Untuk mengelakkan kejanggalan stilistik.
- vi. Untuk mencapai struktur maklumat yang kemas, iaitu pengagihan maklumat sedia ada dan baharu yang menjamin pemprosesan optimum dalam bahasa sasaran.

Dapatan kajian Becher (2011) juga telah menunjukkan bahawa penterjemah selalunya "gagal" untuk melakukan pengimplisitan kerana salah satu daripada tiga sebab yang berikut. Sebab yang pertama ialah mereka sebenarnya ingin menghindarkan risiko. Sebab yang kedua ialah mereka tidak mempunyai alasan yang bagus untuk melakukannya dan sebab terakhir ialah membuang perkataan sebenarnya lebih sukar daripada menambah perkataan dalam sesuatu bahasa. Tiga sebab ini menjelaskan sebab pengeksplisitan dalam terjemahan satu arah cenderung untuk tidak dapat diimbang balas oleh pengimplisitan dalam arah terjemahan yang bertentangan (Hipotesis Asimetri Klaudy).

2.7 Kesimpulan

Bab ini telah mengemukakan latar belakang dan tinjauan persuratan yang berkaitan dengan bidang yang dikaji, iaitu pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan. Perbincangan dalam bab ini memfokuskan perkara yang berikut:

- i. Aspek pertama yang dibincangkan ialah pendefinisian terjemahan itu sendiri. Definisi terjemahan sentiasa berubah dan berkembang maju seiring dengan perkembangannya yang semakin pesat dalam era mutakhir ini. Bermula dengan pendefinisian yang berasaskan makna dan persamaan, yang lebih berbentuk linguistik, sarjana meneruskan pembaharuan pendefinisian dengan melihat terjemahan sebagai pengantara antara dua buah teks, dan bukannya mencari persamaan. Terjemahan juga didefinisikan dari perspektif proses, produk dan konteks penterjemahan serta konsep penghampiran. Perkembangan terkini dalam bidang terjemahan menyaksikan terjemahan dilihat sebagai penulisan atau penulisan semula dan juga sebagai penulisan kreatif.
- ii. Aspek kedua yang dibincangkan ialah perkembangan konsep pengeksplicitan dalam penterjemahan. Secara asasnya, konsep ini mula diperkenalkan oleh Vinay dan Dalbernet (1958). Konsep ini menerima rangsangan apabila Nida (1964) mengembangkan idea pengeksplicitan ini menerusi istilah-istilah yang mencakupi penambahan (*additions*), pengurangan (*subtractions*) dan penyelangan (*alternations*).
- iii. Hipotesis pengeksplicitan Blum-Kulka (1986) yang mengandaikan bahawa proses penterjemahan akan menghasilkan teks sasaran yang mempunyai tahap kelewahan (*redundancy*) yang lebih berbanding dengan teks sumber kajian dianggap sebagai kajian sistematik yang pertama mengenai pengeksplicitan. Namun, pandangan Blum-Kulka

yang melihat pengeksplisitan dengan maksud kelewahan tidak disetujui oleh sarjana lain seperti Séguinot (1988) yang menyatakan bahawa istilah ‘pengeksplicitan’ perlu dikhususkan untuk pertambahan yang tidak dapat dijelaskan oleh perbezaan struktur, gaya bahasa atau retorik antara dua bahasa. Klaudy (1998) menjelaskan bahawa bidang interpretasi dan drama telah mencetuskan rangsangan terhadap pengimplisitan kerana faktor tekanan masa dan juga faktor persekitaran memerlukan pengimplisitan lebih diaplikasikan dalam kedua-dua bidang ini.

iv. Konsep yang bermula sebagai prosedur tambahan terjemahan yang mengupas pengeksplisitan makna implisit dalam terjemahan disebabkan oleh pelbagai dorongan bahasa dan budaya telah berkembang hingga mencetuskan pelbagai hipotesis, strategi dan teknik. Sarjana terjemahan seperti Pym (2005) mula melihat pengeksplisitan sebagai wahana pengurusan risiko dalam konteks penterjemahan sebagaimana dalam bidang pengurusan.

v. Aspek ketiga perbincangan dalam bab ini memfokuskan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu yang telah dilaksanakan dalam domain ini. Tinjauan membuktikan bahawa kajian ini adalah meluas dan mendapat perhatian banyak sarjana. Bidang ini menyaksikan sarjana Arab tidak ketinggalan menampilkan kajian yang mantap. Antara lain, Waleed Othman (2006) memfokuskan teknik pengeksplisitan dalam terjemahan Arab-Inggeris. Sementara Ashraf A. (2010) pula mengkaji pengeksplisitan kata hubung dalam teks bahasa Arab, terjemahan dan bahan terjemahan yang ditulis oleh penulis yang sama menerusi tesis doktor falsafahnya. Al-Masri (2008) pula meninjau kerugian linguistik dalam penterjemahan teks sastera Arab ke dalam bahasa Inggeris.

vi. Dalam konteks penterjemahan yang tidak melibatkan bahasa Arab, bidang ini menyaksikan kemunculan beberapa kajian. Pada peringkat serantau, iaitu di Indonesia, Elam M. (2001) mengkaji makna implisit dalam Novel *Harry Potter and the Prisoner of Azkaban* karya J.K.Rowling sementara pada peringkat global, Saldanha (2008) meninjau hubungan kait antara peranan penterjemah dengan strategi pengeksplisitan dan Mareva (2009) pula meninjau mengapa terjemahan pelajar lebih panjang berbanding dengan penterjemah profesional. Becher (2011) menghuraikan pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan dengan meninjau teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris berasaskan korpus. Kajian beliau tampak unik kerana beliau melihat pengeksplisitan dan pengimplisitan daripada kedua-dua arah penterjemahan, iaitu Inggeris-Jerman dan Jerman Inggeris.

vii. Tinjauan persuratan ini juga menemui kajian yang dilaksanakan oleh Idris Mansor (2011) yang mengupas prosedur dan strategi dalam penterjemahan elemen budaya karya '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu. Fokus utama Idris Mansor (2011) dalam tesisnya ialah permasalahan peminjaman (*borrowing*) dalam penterjemahan, namun beliau turut membincangkan pengeksplisitan dalam konteks strategi dan prosedur penterjemahan budaya.

viii. Kajian yang ditampilkan oleh pengkaji adalah berbeza daripada kajian-kajian yang telah disorot dalam bab ini khususnya dari aspek fokus dan objektif kajian. Kajian ini menyasarkan perbincangan bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*'. Data yang dianalisis pula ialah set dialog dan tipologi teks seperti ini merupakan sesuatu yang belum pernah diteroka dalam kajian-kajian yang dilaksanakan sebelum ini dalam domain ini, baik dalam kajian yang berkaitan dengan

bahasa Arab mahupun yang bukan berkaitan dengan bahasa Arab. Kajian ini juga tidak sekadar memfokuskan bentuk makna implisit yang diubah menjadi eksplisit dalam teks terjemahan serta bentuk makna implisit yang dikekalkan implisit dalam teks terjemahan, malah juga bentuk makna eksplisit yang diubah menjadi implisit dalam penterjemahan satu arah.

Kajian Becher (2011) yang mengupas pengimplisitan dan pengeksplicitan dalam teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris diakui mantap kerana mengkaji pengeksplicitan dari dua arah, namun ciri teks perniagaan yang dikajinya adalah berbeza dengan ciri teks '*Rihlah Ibn Battutah*' yang tergolong dalam genre sastera kembara.

Malah unsur agama, tamadun dan pemikiran Islam, budaya serta bahasa yang berbeza menampilkan permasalahan, cabaran, persoalan, persekitaran dan isu yang berbeza berbanding dengan teks perniagaan.

Meskipun tesis Idris Mansor (2011) sedikit banyak menyentuh pengeksplicitan sebagai strategi penterjemahan, namun fokus tesis beliau bukanlah tertumpu pada pengeksplicitan dan pengimplisitan secara holistik seperti yang dikemukakan oleh kajian ini. Sebaliknya fokus beliau lebih tertumpu pada strategi dan prosedur terjemahan elemen budaya dan data beliau bukan merupakan set dialog dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Berlatarkan persekitaran ini, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini berada pada kedudukan yang berpotensi untuk terus mengembangkan dan memperkukuh kajian pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan selain mengisi kekosongan dan kelowongan yang terdapat pada kajian-kajian yang terdahulu. Malah, usaha yang dilakukan ini bakal menjadikan kajian ini unik dan tersendiri khususnya dalam konteks kajian pengeksplicitan

dan pengimplisitan dalam domain penterjemahan Arab-Melayu dengan penggunaan perisian ATLAS.ti dalam analisis datanya.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini menetapkan sasaran untuk mengenal pasti makna implisit dan eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan cara faktor budaya mempengaruhi penterjemahan karya ini dalam bahasa Melayu. Dalam bab ini, penulis menghuraikan metodologi yang digunakan dalam kajian ini terutamanya pendekatan dan proses yang dilaksanakan untuk memperoleh data yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Perkara yang dihuraikan dalam bab ini termasuklah reka bentuk kajian, kerangka kerja teoretikal kajian dan model pengeksplisitan Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005), pengumpulan data, pensampelan data, taksonomi kajian, perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti, penganalisan data dan keabsahan kajian menggunakan kaedah *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa).

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan elemen yang penting dalam memastikan keabsahan data dan analisis yang diperoleh. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual. Bahan kajian utama ialah data berbentuk tekstual yang dikumpulkan daripada teks '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya, Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia.

Menurut Flick dalam Gibbs (2007), kajian kualitatif pada hari ini bukan lagi sekadar bermakna 'kajian yang bukan merupakan kajian kuantitatif'. Sebaliknya, kajian kualitatif telah membina identitinya yang tersendiri. Meskipun wujud pelbagai pendekatan berkaitan dengan kajian kualitatif, namun terdapat beberapa ciri lazim kajian kualitatif yang dapat dikenal pasti. Kajian kualitatif bertujuan bukan sahaja mendekati dunia 'di luar sana' (bukan dalam persekitaran kajian khusus seperti makmal) malah untuk memahami, menghuraikan dan menjelaskan fenomena sosial 'dari dalam' menerusi beberapa cara yang berbeza, iaitu:

- i. Dengan menganalisis pengalaman individu atau kumpulan. Pengalaman boleh dikaitkan dengan sejarah hidup biografi atau amalan (harian atau profesional). Pengalaman ini boleh ditangani dengan menganalisis pengetahuan, peristiwa dan kisah harian.
- ii. Dengan menganalisis interaksi atau komunikasi yang sedang berlangsung. Ini boleh dilakukan berdasarkan pemerhatian atau rakaman terhadap amalan berinteraksi dan berkomunikasi serta menganalisis bahan ini.
- iii. Dengan menganalisis dokumen (teks, imej, filem dan muzik) atau kesan pengalaman atau interaksi yang sama.

(Gibbs, 2007, p. x)

Pada hakikatnya, semua pendekatan ini merupakan kaedah untuk mendapatkan pengertian dan makna, yang boleh dibina semula dan dianalisis dengan menggunakan pelbagai kaedah kualitatif yang membolehkan pengkaji membangunkan model, tipologi, teori dan kaedah (yang boleh digeneralisasikan) untuk menghuraikan dan menjelaskan isu-isu sosial (Gibbs, 2007, p. xi).

3.2.1 Kajian kes dalam kajian terjemahan

Dalam kajian kualitatif ini, pengkaji menerapkan reka bentuk kajian kes dalam kajian mengenai terjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’. Reka bentuk kajian kes dalam konteks bidang terjemahan dijelaskan secara terperinci oleh Susam-Sarajeva menerusi makalahnya berjudul “*The Case Study Research Method in Translation Studies*” yang tersiar dalam jurnal *The Interpreter and Translator Trainer* terbitan St. Jerome Publishing, Manchester (2009). Kajian kes telah diterapkan secara meluas dalam kajian terjemahan terutamanya pada peringkat ijazah tinggi dan reka bentuk kajian kes ini telah mendapat sokongan yang meluas oleh sarjana terjemahan. Hal yang demikian ditegaskan oleh Susam-Sarajeva dalam makalah tersebut:

“Case studies are, I would argue, the most common research method taken up by students pursuing a postgraduate degree in translation studies, especially at the doctoral level. Partly as a consequence of the strong influence of descriptive translation studies – which encourages researchers to delve into real-life translation situations and products while avoiding normative judgements on them – many of our students do almost nothing other than ‘case studies’, in which they seek to illustrate in depth certain translational phenomena.”(Susam-Sarajeva, 2009, p. 37)

Menurut Susam-Sarajeva (2009), ‘kes’ dalam kajian terjemahan boleh ditafsirkan sebagai suatu unit aktiviti, produk, orang, dan sebagainya yang berkaitan dengan penterjemahan atau kejurubahasaan dalam kehidupan sebenar, yang hanya boleh dikaji atau difahami dalam konteks yang merangkumi unit tersebut. Kes boleh diambil daripada apa-apa sahaja, mencakup teks terjemahan atau pengarang, penterjemah atau jurubahasa, dan sebagainya hingga seluruh institusi penterjemahan atau sistem sumber dan penerima.

Jelas Susam- Sarajeva (2009, p. 40) Soalan ‘bagaimana’ dan ‘mengapa’ adalah penting dalam keutamaan penyelidikan kajian kes dalam kajian terjemahan. Sebagai contoh, bagaimanakah filem tertentu diterjemahkan dan mengapa? Bagaimanakah genre tertentu diterima melalui terjemahan dan mengapa? Bagaimanakah jurubahasa komuniti menangani tekanan yang berkaitan dengan kerja? Mengapakah sesetengah terjemahan teks undang-undang tidak dapat difahami? Dalam semua contoh tersebut, pengkaji tidak mempunyai kawalan terhadap peristiwa terjemahan atau kejurubahasaan yang sedang diteliti ataupun terhadap akibatnya, seperti penerimaan, dan perlu membina jawapan terhadap soalan kajian melalui analisis data yang tidak teratur secara terperinci.

Dalam konteks kajian ini, soalan yang dikemukakan ialah bagaimanakah bentuk makna implisit diterjemahkan daripada buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke bahasa Melayu dan bagaimanakah bentuk makna eksplisit diterjemahkan daripada buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke bahasa Melayu? Jawapan terhadap persoalan ini menuntut penganalisan data dialog dalam ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang memerlukan penelitian yang terperinci.

Penting untuk difahami bahawa penyelidikan kajian kes yang sering diaplikasikan dalam bidang sains sosial termasuk kajian pengkaji ini mempunyai ciri tertentu seperti yang berikut:

- i. Kajian kes adalah intensif. Kajian kes meneliti sejumlah kecil unit analisis dengan agak mendalam, yang menawarkan data yang banyak untuk mendapatkan pemahaman mengenai ciri-ciri setiap unit;
- ii. Kajian kes adalah fleksibel dan tidak berpenghujung. Walaupun penyelidik mempunyai beberapa hipotesis awal mengenai kes yang sedang dikaji, mereka tidak boleh terus menyokong soalan dan reka bentuk penyelidikan awal mereka dengan

- apa-apa cara sekalipun, kerana hal ini seperti mengenakan 'baju pasung' atau kekangan terhadap data yang 'sukar dikawal';
- iii. Kajian kes mengkaji kes-kes yang terjadi dengan sendirinya, dan memberikan analisis kualitatif bagi data yang 'tidak teratur', dengan kata lain kajian kes tidak melibatkan pengawalan variabel untuk mengukur kesannya atau data yang telahpun diatur terlebih dahulu secara tidak asli;
 - iv. Kajian kes meletakkan fokus khusus pada konteks yang merangkumi kes tersebut dan yang mungkin amat relevan;
 - v. Kajian kes memfokuskan keseluruhan unit analisis per se, menumpukan perhatian agar tiada satupun butiran yang berkaitan tercicir, apatah lagi butiran yang mungkin menyangkal hipotesis awal, dan juga memastikan seseorang itu masih dapat mengenal pasti perkara penting dan hala tuju sesuatu kajian meskipun diselubungi terlalu banyak perincian;
 - vi. Kajian kes menghasilkan laporan naratif dan deskriptif yang sering kali tertumpu pada tafsiran.

(Susam- Sarajeva, 2009, p. 39)

3.2.2 Analisis tekstual

Dalam kajian ini, pengkaji menerapkan kaedah analisis tekstual dengan menganalisis data yang dikumpulkan daripada teks '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya, 'Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia'. Pengkaji menggunakan analisis tekstual kerana kaedah tersebut sememangnya diakui mantap dan diiktiraf oleh sarjana kajian kualitatif. Silverman (2010) menyatakan bahawa analisis tekstual mempunyai beberapa kelebihan dan manfaat seperti yang berikut:

- i. Teks yang kaya - Analisis yang terperinci tentang teks bertulis memperlihatkan kepekaan dan kemahiran penyampaian.
- ii. Kaitan dan kesan - Teks mempengaruhi pandangan kita terhadap dunia dan penduduknya serta cara kita bertindak.
- iii. Wujud secara semula jadi - Teks mendokumenkan perkara yang sebenarnya dilakukan oleh peserta, tanpa bergantung pada persoalan yang akan diutarakan oleh penyelidik.
- iv. Ketersediaan – Teks lazimnya mudah diakses dan tidak terlalu bergantung pada akses atau kekangan etika. Malah teks juga boleh dikumpulkan dengan cepat dan faktor ini boleh mendorong pengkaji untuk memulakan analisis data dengan lebih cepat.

(Silverman, 2010, p. 157)

Sepertimana pendekatan kualitatif yang lain, analisis tekstual bergantung pada analisis data yang sangat terperinci. Untuk menjadikan analisis sedemikian berkesan, penting bagi pengkaji untuk mempunyai sejumlah data yang terhad untuk dianalisis. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengumpul semua data dialog atau perbualan yang terdapat dalam *Rihlah Ibn Battutah*. Walau bagaimanapun, pada akhirnya, pengkaji menghadkan data kepada beberapa teks atau sebahagian teks sahaja yang benar-benar mencerminkan fenomena pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan. Perincian berkaitan dengan bilangan teks yang benar-benar menampilkan fenomena ini dinyatakan dalam Bab 4


3.3 Rangka kerja teoretikal

Kajian ini bertolak dari landasan konsep pengeksplisitan yang telah dikembangkan oleh Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005). Pengkaji memilih pendekatan yang diterapkan oleh Klaudy dan Károly (2005) disebabkan oleh faktor yang berikut:

- i. Dalam model ini, Klaudy dan Károly (2005) bukan sahaja memfokuskan pengeksplisitan, malah juga pengimplisitan dalam penterjemahan. Tidak banyak sarjana lain yang memfokuskan kedua-dua strategi pengeksplisitan dan penterjemahan dalam pendekatan atau model yang dikemukakan mereka. Banyak sarjana yang hanya menumpukan aspek pengeksplisitan dan sebaliknya mengabaikan aspek pengimplisitan.
- ii. Pendekatan Klaudy dan Károly (2005) menjelaskan dengan terperinci beberapa operasi pemindahan pengeksplisitan dan pengimplisitan, iaitu elemen teknikal yang tidak banyak dihuraikan seperti demikian oleh pendekatan dan model yang lain. Penjelasan mengenai operasi pemindahan pengeksplisitan dan pengimplisitan ini amat membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian ini.
- iii. Klaudy dan Károly merupakan dua orang sarjana yang sangat menyerlah dalam domain kajian pengeksplisitan dan pengimplisitan. Mereka berdua sangat konsisten mengkaji, meninjau dan meneroka domain kajian pengeksplisitan dan pengimplisitan ini dan ini terbukti menerusi hasil penerbitan penyelidikan mereka dalam bentuk artikel jurnal dan buku yang berterusan. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji ini dipetik daripada artikel jurnal oleh Klaudy dan Károly (2005) berjudul '*Implication in translation: empirical evidence for operational*

asymmetry in translation yang diterbitkan dalam jurnal *Across Languages and Cultures* 6 (1), pp. 13-28 (2005).

Model Klaudy dan Károly (2005) dijelaskan oleh Rajah 3.1 yang berikut:



Rajah 3.1 : Strategi Pengeksplisitan oleh Klaudy dan Károly (2005)

Dalam Rajah 3.1, Klaudy dan Károly (2005) merumuskan bahawa pengeksplisitan berlaku apabila:

- i. Satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna yang lebih umum digantikan dengan satu unit bahasa sasaran yang maknanya lebih khusus;
- ii. Makna perkataan bahasa sumber yang kompleks dibahagi-bahagikan kepada beberapa perkataan dalam bahasa sasaran;
- iii. Elemen baharu yang bermakna hadir dalam teks bahasa sasaran;
- iv. Satu ayat dalam bahasa sumber dibahagikan kepada dua atau beberapa ayat dalam bahasa sasaran; atau,

v. Satu frasa bahasa sumber diperluas atau "ditingkatkan" menjadi klausa dalam bahasa sasaran, dan sebagainya.

Pengimplisitan pula berlaku apabila:

- i. Satu unit bahasa sumber yang mempunyai makna yang lebih khusus digantikan oleh satu unit bahasa sasaran yang maknanya lebih umum. Penterjemah memadatkan makna beberapa perkataan. Oleh itu, unit bahasa sumber yang terdiri daripada dua patah perkataan atau lebih digantikan oleh unit bahasa sasaran yang terdiri daripada satu patah perkataan;
- ii. Elemen leksikal yang bermakna dalam teks bahasa sumber digugurkan; dua atau lebih ayat dalam bahasa sumber digabungkan menjadi satu ayat dalam bahasa sasaran;
- iii. Klausa bahasa sumber diringkaskan menjadi frasa dalam bahasa sasaran, dan sebagainya.

(Klaudy Kinga & Krisztina Karoly, 2005, p. 15)

Klaudy dan Károly (2005, p. 15) juga memberikan beberapa contoh operasi pemindahan standard melibatkan pengeksplisitan termasuk tentuan leksikal (*lexical specification*), pembahagian leksikal, penambahan leksikal, tentuan tatabahasa (*grammatical specification*), peningkatan tatabahasa (*grammatical elevation (rising)*) dan penambahan tatabahasa. Manakala operasi pemindahan standard melibatkan pengimplisitan termasuklah generalisasi leksikal, pemendekan leksikal (*lexical contraction*), pengurangan leksikal (*lexical omission*), generalisasi tatabahasa, penurunan taraf dan pemendekan tatabahasa (*grammatical lowering (downgrading) and contraction*) dan pengurangan tatabahasa. Klaudy dan Károly (2005, p. 15) menegaskan bahawa pengeksplisitan dan pengimplisitan merupakan hasil strategi penterjemahan yang diterapkan oleh penterjemah.

“ It would be tempting to assume that while transfer operations are automatic process, explicitation and implicitation are always the results of translation strategies. (By transfer strategies we mean transfer operations carried out by translator consciously in order to transform the source language text into the target language text.”(Klaudy Kinga & Krisztina Karoly, 2005, p. 15)

Kajian ini juga menerima guna model penghindaran risiko sebagai penjelasan umum terhadap pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Pym (2005). Model Pym (2005) ini diterima guna dalam kajian ini atas faktor yang berikut:


- i. Model Pym sudahpun diterima oleh sarjana terjemahan dan terdapat sarjana yang menerima guna model ini dalam kajian mereka. Antara sarjana tersebut termasuklah Faber dan Hjort-Pedersen (2009) yang mengkaji manifestasi proses inferens dalam penterjemahan undang-undang. Ini dapat dilihat dalam artikel mereka berjudul *‘Manifestations of Inference Process in Legal Translation’* yang boleh diakses dalam buku *‘Behind The Mind: Methods, Models and Results in Translation Process’* yang diterbitkan oleh Samfundslitteratur pada tahun 2009. Malah yang terkini, Profesor Madya Dr. Kayo Matsushita (2014), dalam kajiannya berjudul *‘Risk Management as a Theoretical Framework for Analyzing News Translation Strategies’* menerapkan model pengurusan risiko dalam penterjemahan oleh Pym (2005) dalam kajiannya.
- ii. Hipotesis Pym (2005) merupakan hipotesis yang mantap dan dirujuk oleh banyak sarjana termasuk Becher (2011). Pym (2005) menyatakan bahawa lebih sukar teks sumber, maka lebih gigihlah penterjemah bekerja, dan lebih besar kemungkinan penterjemah menjadikan terjemahan mereka eksplisit. Ini tidak terkecuali pada buku *‘Rihlah Ibn Battutah’* yang juga sukar diterjemahkan memandangkan ia merupakan

sebuah karya Arab klasik dalam genre travelog yang menampilkan pelbagai cabaran dari aspek linguistik, budaya dan latar yang berbeza.

- iii. Model Pym (2005) ini juga disorot oleh Klaudy dalam *Routledge Encyclopedia of Translation Studies* (Baker & Saldanha, 2009) dan ini membuktikan bahawa model Pym ini merupakan model yang bersifat global dan pandangan Pym bahawa pengeksplicitan didorong oleh faktor penghindaran risiko oleh penterjemah merupakan satu inovasi baharu dalam domain kajian pengeksplicitan dan pengimplisitan ini.

Pym (2005) menyatakan bahawa pengeksplicitan diperlukan atas sebab-sebab yang berikut:

- i.Kehematan (*prudence*)
- ii.Prinsip kerjasama Grice
- iii.Kerelevanan terhadap situasi penerimaan baharu
- iv.Etika perkhidmatan
- v.Kawalan terhadap kerosakan atau pemulihan.



Rajah 3.2: Konsep Penghindaran Risiko dalam Pengeksplisitan oleh Pym (2005)

Pym (2005) merumuskan, “Memandangkan terjemahan melibatkan komunikasi dengan konteks yang rujukannya tidak dikongsi oleh kebanyakan orang, terjemahan melibatkan risiko yang lebih besar daripada teks bukan terjemahan, yang tidak mengandungi ciri ini. Apabila wujud risiko yang lebih besar, terdapat juga peluang yang lebih besar untuk mengurangkan risiko, meskipun secara jelasnya pengurangan risiko bukan merupakan suatu kewajiban.” Model yang disyorkan oleh Pym ini berpotensi menghubungkan pengeksplisitan dengan terminologi pengurusan risiko.

Berdasarkan Rajah 3.2, penghindaran risiko boleh menjadi sebab yang rasional bagi pelbagai jenis situasi yang melibatkan penterjemah, dalam budaya yang tertentu dan dari sudut norma yang tertentu. Bagi semua faktor di atas, Pym (2005) menyatakan bahawa penterjemah mempunyai sebab untuk menjadi individu yang berusaha menghindarkan risiko, ataupun mereka perlu mengurangkan risiko, atau mereka tidak mahu mengambil risiko atas nama mereka sendiri.

3.4 Proses pengumpulan data

Proses pengumpulan data kajian ini melibatkan pengumpulan data tekstual daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya, 'Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia'. Data kajian ialah set dialog atau perbualan (*sets of exchanges*) yang terdapat dalam '*Rihlah Ibn Battutah*'. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih holistik terhadap fenomena pengeksplicitan dan pengimplisitan yang dikaji, pengkaji memutuskan untuk mengumpul data daripada keseluruhan buku '*Rihlah Ibn Battutah*', daripada bab yang pertama hingga bab yang terakhir. Naskhah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul semua himpunan dialog ini ialah '*Rihlah Ibn Battutah*' yang diterbitkan oleh Dar Al-Kotob Al-Ilmiah, Beirut, Lubnan, cetakan ketiga, tahun 2002.

Data dialog atau set perbualan yang dikutip daripada naskhah '*Rihlah Ibn Battutah*' ini bermula daripada Bab 1, halaman 31 hingga Bab 16, halaman 708. Secara keseluruhannya pengkaji mengumpul dialog atau perbualan ini dengan membaca dan meneliti keseluruhan 678 halaman yang terdapat dalam naskhah '*Rihlah Ibn Battutah*' ini. Dialog atau set perbualan yang ditemui ini ditandakan dan disalin semula dengan menggunakan perisian pemprosesan perkataan, *Microsoft Word*.

Selepas mengeluarkan dan menghimpunkan dialog dalam bahasa Arab daripada naskhah '*Rihlah Ibn Battutah*' ini, pengkaji memulakan usaha untuk mengumpulkan terjemahan dialog tersebut yang terdapat dalam naskhah 'Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia'.

Dalam konteks ini, pengkaji menggunakan naskhah ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’ yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, cetakan pertama yang diterbitkan pada tahun 2003.

Bagi terjemahan dialog ini, pengkaji mengutip padanan dialog Arab dalam buku Pengembaraan Ibn Battutah bermula daripada Bab 1, halaman 16 hingga Bab 23, halaman 838. Secara keseluruhan, pengkaji mengumpul padanan dialog atau perbualan Arab tersebut dengan membaca dan meneliti keseluruhan 823 halaman yang terdapat dalam naskhah ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’. Padanan set dialog Arab berbahasa Melayu ini ditandakan dan disalin semula dengan menggunakan perisian pemprosesan perkataan, *Microsoft Word*.

Pengkaji mengumpulkan sejumlah 149 set dialog bahasa Arab dan padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Data dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu ini kemudiannya disatukan dan digabungkan dalam bentuk jadual dengan menyusunnya secara sebelah menyebelah untuk memudahkan pembacaan, pemerhatian, penelitian dan perbandingan. Data yang dikumpulkan kini merupakan data keseluruhan yang belum lagi ditapis dan disaring mengikut kehendak dan objektif kajian.

Kesimpulan terhadap perbincangan di atas dapat dinyatakan seperti yang berikut:

- i. Data kajian ini merupakan set dialog (*sets of exchanges*) yang terdapat dalam ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ dan terjemahannya, ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’.
- ii. Data diambil daripada keseluruhan teks ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ dan padanannya dalam ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia’. Semua set perbualan dikumpulkan dan disusun dalam jadual.
- iii. Secara keseluruhan, terdapat 149 himpunan perbualan yang dikumpulkan.

3.4.1 Pensampelan data

Seperti pendekatan kualitatif yang lain, analisis tekstual bergantung pada analisis data yang sangat terperinci. Untuk menjadikan analisis sedemikian berkesan, penting bagi pengkaji untuk mempunyai sejumlah data yang terhad untuk dianalisis. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengumpul semua data berkaitan dengan dialog yang terdapat dalam ‘*Rihlah Ibn Battutah*’. Walau bagaimanapun, pengkaji akhirnya menghadkan data dengan mengambil beberapa teks atau sebahagian teks sahaja yang benar-benar mencerminkan isu makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan. Justeru, pengumpulan data dilaksanakan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pengkaji memilih sampel berdasarkan kesesuaiannya untuk memenuhi objektif kajian.

Menurut Othman Lebar (2012), pensampelan bertujuan digunakan oleh pengkaji dengan matlamat untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam. Tujuan utama pensampelan bertujuan adalah untuk memfokuskan ciri-ciri tertentu populasi kajian yang penting, yang akan membolehkan pengkaji menjawab soalan kajian. Dalam konteks kajian ini,

persampelan bertujuan digunakan untuk melihat fenomena pengeksplisitan dan pengimplisitan yang dikaji dengan cara memilih data secara teliti dan bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang telah dikemukakan.

3.5 Prosedur analisis data

Dalam kajian kualitatif, analisis data merupakan suatu proses yang penting untuk memberikan makna terhadap data yang dikumpul. Proses pemberian makna ini berlaku secara berterusan dalam bentuk tak linear (Othman Lebar, 2006).

Di bawah topik ini, pengkaji menghuraikan instrumen kajian, iaitu penggunaan perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti, proses pengkodan dan pembinaan taksonomi serta keabsahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*).

3.5.1 Penggunaan perisian ATLAS.ti

Menurut Gibbs (2007, p. 106), pelaksanaan analisis kualitatif memerlukan sejumlah besar teks, kod, memo dan nota yang diurus secara berhati-hati dan kompleks. Malah, dapat diujahkan bahawa prasyarat kepada analisis kualitatif yang berkesan ialah pengurusan data yang cekap, tekal dan sistematik. Keperluan sedemikian merupakan tugas yang unggul bagi sebuah komputer. Perisian menyediakan kaedah yang bertenaga dan berstruktur dalam mengurus semua aspek analisis ini. Pada asasnya program perisian analisis data kualitatif berbantuan komputer (*computer-assisted qualitative data analysis software, CAQDAS*) ialah sebuah pangkalan data, namun ia menyokong cara menangani teks yang melangkaui

fungsi sebahagian besar pangkalan data. Program perisian ini membolehkan pengkaji menyimpan rekod dengan baik mengenai gerak hati, idea, carian dan analisis pengkaji dan memberikan akses kepada data agar data itu boleh diperiksa dan dianalisis.

Sebagaimana sebuah perisian pemrosesan perkataan (*Word*) tidak akan menulis teks yang bermakna untuk kita, sebaliknya hanya menjadikan proses penulisan dan penyuntingan lebih mudah, demikian juga CAQDAS berupaya menjadikan analisis kualitatif lebih mudah, lebih tepat, lebih boleh dipercayai dan lebih telus, akan tetapi program tersebut tidak akan sekali-kali melakukan pembacaan dan pemikiran bagi kita. Pendek kata, menurut Gibbs (2007, p. 106), CAQDAS mempunyai pelbagai alat untuk menghasilkan laporan dan ringkasan, namun penginterpretasian laporan dan ringkasan ini terpulang kepada pengkaji itu sendiri.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian ATLAS.ti sebagai instrumen dan alat bantu untuk menjalankan proses pengkodan, pengelompokan dan penganalisan data. ATLAS.ti merupakan antara perisian analisis data kualitatif yang dibangunkan oleh Thomas Muhr di Berlin dan dikeluarkan secara komersial pada tahun 1993. ATLAS.ti merupakan program perisian analisis data kualitatif yang membolehkan mana-mana pengkaji mengurus, mengkodkan, menganalisis, dan mengeluarkan data yang diproses dalam pelbagai kaedah yang mudah, dengan itu menjadikan data pengkaji lebih mudah difahami.

Flick (2009) dalam bab bertajuk ‘*Using Computer in Qualitative Analysis*’ menerusi bukunya berjudul ‘*An Introduction to Qualitative Research*’ (fourth edition) menyorot kemunculan perisian ATLAS.ti dalam arena penyelidikan kualitatif. Menurut Flick (2009, p. 366) Muhr membangunkan ATLAS.ti menerusi sebuah projek penyelidikan di Technical University of Berlin. Perisian tersebut berdasarkan pendekatan ‘*grounded theory and coding*’ yang dikemukakan oleh Strauss. Flick (2009) menjelaskan dengan lebih lanjut:

“The program can work with different sorts of text documents: plain text with soft line breaks, rich text with embedded objects (Excel tables, PowerPoint, etc.), direct access to Word documents. Its more recent versions are able to process not only texts but also images, graphics, and sound. Most authors file his program in the category of “conceptual network builders” (e.g., Weitzman 2000, p. 809), but mainly in the group of “code-based theory builders.”. It supports operations on the textual and conceptual levels. A “hermeneutic unit” is formed on the screen that unifies the primary text (e.g., the interview to interpret) and the interpretations or coding related to it. The program shows the primary text with all codes attached to it and comments in different windows on the screen. It offers some functions, which are present on the screen in the form of symbols (retrieval, copy, cut, coding, networking, etc)”. (Flick, 2009, p. 366)

Menurut Flick (2009) lagi, selain mengeluarkan semula jujukan perkataan dalam teks dan pelekapan kod, persembahan kod dan kategori dalam jaringan konseptual (*conceptual networks*) adalah sangat membantu. Perkaitan dengan petikan yang menghubungkan kategori dan superkategori dipelihara dan boleh ditunjukkan secara serta-merta pada skrin. Kod boleh disenaraikan di skrin atau dicetak. Antara muka dengan SPSS dan program lain juga disepadukan. Di samping itu, pengarang yang berbeza boleh menangani teks yang sama menggunakan komputer yang berbeza.

ATLAS.ti dapat membantu pengkaji "meneroka fenomena tersembunyi dalam data", dengan membenarkan pengkaji mengumpulkan sejumlah besar data, termasuk transkripsi wawancara, PDF, dokumen Microsoft Word, html, gambar, malah rakaman audio dan video. Data tersebut kemudian boleh dikodkan dan dianalisis untuk tema dan maklumat lain.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan ATLAS.ti sebagai alat bantu yang berguna untuk mengurus dengan mudah data set dialog yang telah dikumpul daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya, 'Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia'. Penggunaan perisian analisis data kualitatif seperti ATLAS.ti membantu pengkaji mencari dan mendapatkan makna yang lebih mendalam dan hubung kait dalam data dialog yang telah diperoleh melalui penggalian dan pembinaan tema, persamaan, dan perbezaan pada data.

Secara umumnya ATLAS.ti boleh digunakan dalam pelbagai cabang ilmu, mencakup sains sosial hingga perubatan, daripada psikologi, kesusasteraan, kawalan kualiti, kejuruteraan, kriminologi, dan linguistik teks hingga sejarah, geografi, teologi, dan undang-undang. Antara manfaat ATLAS.ti termasuklah bahawa perisian ini mampu memperkukuh proses penyelidikan dengan menjadikan proses tersebut lebih telus dan boleh diulang.

ATLAS.ti membolehkan pengkaji membina projek yang dipanggil Unit Hermeneutik (*Hermeneutic Unit*, HU). Satu HU merangkumi dokumen utama, misalnya petikan, kod, dan memo. Dalam lingkungan HU, pengkaji boleh mengumpulkan dan menyusun dokumen yang berkaitan dengan topik tertentu.

Dengan menggunakan ATLAS.ti yang mempunyai beberapa ciri berguna yang memudahkan pengumpulan maklumat yang penting, pengkaji dapat melaksanakan perkara-perkara yang berikut dalam kajian ini:

- i. Mengumpul petikan dan tema semasa pengkaji meneliti data;
- ii. Menyunting, mengekodkan dan melekatkan tema kepada perkataan, frasa, atau halaman yang diserlahkan;
- iii. Merekodkan tema maklumat yang berkaitan merentas pelbagai dokumen;
- iv. Menulis nota memo, menghubungkannya kepada teks, dan menghasilkan output data yang menyenaraikan semua memo yang berkaitan; dan
- v. Menghasilkan output data yang menghimpunkan kod dan memo merentas seluruh dokumen berkod.

Kesimpulannya, instrumen ATLAS.ti ini telah membolehkan pengkaji mengatasi masalah dalam menangani jumlah data yang besar yang terhasil daripada proses pengumpulan data sebelum ini. Dengan mewujudkan *family* (tema), pengkaji berupaya mengekodkan data yang diperoleh selain membina *networking* (gambar rajah dan pemetaan) yang amat membantu dalam menjelaskan konsep, bentuk dan pola data yang dianalisis.

3.5.2 Proses pengekodan data


Kod ditakrifkan sebagai istilah yang mewakili idea, tema, teori, dimensi, ciri dan lain-lain yang berkaitan dengan data. Pengekodan pula merupakan proses analisis yang asas bagi kebanyakan jenis kajian kualitatif. Pengekodan seperti yang ditakrifkan Gibbs (2007) bermaksud mengenal pasti petikan (*passages*) daripada teks dalam sebuah dokumen yang memberikan contoh terhadap beberapa idea atau konsep dan kemudian menghubungkan

petikan tadi dengan kod yang telah diberi nama yang mewakili idea atau konsep tersebut. Ini menunjukkan bahawa petikan tersebut berkongsi ciri-ciri yang ditunjukkan oleh kod tersebut dan definisinya dengan petikan atau teks yang sama yang telah dikodkan.

Semua petikan yang dikaitkan dengan sesuatu kod boleh dikaji bersama-sama hingga membawa kepada pengenalpastian bentuk atau pola. Pengekodan ialah kaedah untuk mengindekskan atau mengkategorikan teks untuk mewujudkan rangka kerja berkaitan dengan idea mengikut tema (*thematic*) mengenai teks. Justeru, pengkodan merupakan proses untuk memudahkan pengkaji menginterpretasikan data yang diperoleh dan secara tidak langsung memberikan panduan dalam memfokuskan data untuk mencapai objektif kajian (Gibbs, 2007).

Dalam kajian ini, pengkodan telah dilaksanakan seperti yang berikut:

1. Pengekodan dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti untuk mengkodkan data. Pada peringkat awal, semua data mentah 149 set dialog yang telah dikutip dikodkan berdasarkan faktor ketidaksepadanan (*incongruity*) yang dapat dikenal pasti antara teks sumber dengan teks sasaran. Apabila terdapat ketidaksepadanan, kejanggalan dan kelainan antara teks sumber ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ dengan teks terjemahannya, ‘Pengembaraan Ibn Battutah: pengembara agung, karya terlung, menyingkap wajah dunia’, data tersebut dikodkan untuk penganalisan. Ini dapat dicerminkan menerusi rajah yang berikut:



Rajah 3.3: Proses pengekodan data melalui tapisan ketidaksepadanan (*'incongruity'*)

2. Setelah proses pengekodan secara umum diselesaikan, pengkaji melaksanakan proses pembinaan taksonomi untuk mencerakinkan data dan mengelompokkan kod-kod yang telah dibina. Pengkaji telah menghasilkan dan mengelompokkan kod-kod yang diperoleh berdasarkan bentuk makna implisit dan eksplisit yang berubah atau dikekalkan dalam proses penterjemahan.

3.5.3 Taksonomi kajian

Taksonomi ataupun pengkategorian bermaksud proses mengkategorikan data berdasarkan kandungan mengikut tema (*thematic content*). Taksonomi yang dibina ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan semula dengan pantas dan membandingkan data yang telah ditanda dengan kod yang sama yang merupakan contoh kepada bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit yang relevan untuk mencapai objektif kajian.

Penggunaan perisian ATLAS.ti amat membantu bukan sahaja dari segi pembinaan dan penyusunan tema (yang dipanggil *family*) malah juga dalam penyerlahan (*highlighting*) perkataan, frasa dan ayat dalam petikan yang memperlihatkan fenomena pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam kajian ini.

Pembinaan kod sebagaimana yang dijelaskan oleh Gibbs (2007) merupakan proses yang bersifat analitis. Pembinaan kod merupakan pembinaan sebuah skema konseptual. Dalam kajian kualitatif, pengekodan boleh dipacu oleh konsep yang sudah sedia dikaji oleh pengkaji menerusi tinjauan persuratan dan kajian yang terdahulu (*concept-driven coding*). Walau bagaimanapun, pengekodan juga boleh dipacu oleh data (*data-driven coding*). Pengekodan berpacuan data ini juga dikenali sebagai pengekodan terbuka (*open coding*). Ini bermakna pengkaji berusaha untuk mengekodkan data dengan fikiran yang terbuka, dengan membaca dan meneliti data serta berusaha untuk menyimpulkan apa yang berlaku.

Dalam konteks pengekodan kajian ini, pengkaji memanfaatkan konsep mengenai pengeksplisitan dan pengimplisitan yang telah diteliti dan ditinjau dalam tinjauan persuratan dan kajian terdahulu dalam pembinaan taksonomi. Walau bagaimanapun, pengkaji juga tidak menghadkan kajian hanya pada konsep yang telah diketahui tersebut, sebaliknya membiarkan kajian ini turut dipacu oleh data, iaitu berdasarkan pembacaan dan penelitian yang telah dilakukan terhadap data.


Secara kesimpulan, analisis kajian telah dilaksanakan berdasarkan taksonomi yang terhasil melalui proses pengekodan. Pada peringkat awal, pengkaji memperoleh hasil pengekodan data berkaitan dengan bentuk implisit dan eksplisit secara umum atau keseluruhan. Untuk memudahkan pencerakinan dan pengkategorian, pengkaji membina taksonomi kajian

setelah membuat pemerhatian dan penelitian terhadap analisis data yang diperoleh.

Taksonomi yang terhasil tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Bentuk makna implisit diubah menjadi bentuk eksplisit dalam penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*'.
2. Bentuk makna implisit dikekalkan juga dalam bentuk implisit dalam penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*'.
3. Bentuk makna eksplisit diubah menjadi bentuk implisit dalam penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*'.


Tiga kategori di atas merupakan tema utama bagi analisis kajian ini. Ketiga-tiga tema ini pula dipecahkan kepada beberapa subtema untuk mencerakinkan dan mengelompokkan data dengan lebih mudah dan jelas. Ini dapat digambarkan melalui tiga rajah yang berikut:



Rajah 3.4: Bentuk implisit diubah menjadi eksplisit

Dalam rajah ini, subtema bagi bentuk implisit diubah menjadi eksplisit ialah:


- i. Teks Arab lebih padat dan ringkas tetapi teks Melayu mengandungi penambahan perkataan dan maklumat berlebihan; dan
- ii. Teks Arab berbentuk metafora tetapi teks Melayu berbentuk prosa biasa



Rajah 3.5: Bentuk Makna Eksplisit Diubah Menjadi Implisit

Dalam rajah ini, subtema bagi bentuk eksplisit diubah menjadi implisit ialah:

- i. Teks Arab lebih terus (*direct*) dan informatif tetapi teks Melayu tidak terus (*indirect*) dan kurang setara; dan
- ii. Teks Arab lebih lengkap dan informatif tetapi terdapat pengurangan perkataan dan maklumat yang berkurangan dalam teks Melayu.



Rajah 3.6: Bentuk Makna Implisit Dikekalkan Implisit

Dalam rajah ini, subtema bagi bentuk makna implisit dikekalkan implisit adalah seperti yang berikut:

- i. Teks Arab berbentuk metafora dan teks Melayu juga berbentuk metafora;
- ii. Teks Arab menunjukkan makna yang tersirat dan teks Melayu juga menunjukkan makna yang tersirat; dan
- iii. Makna implisit dalam bentuk perkataan dalam teks Arab manakala teks Melayu pula menggunakan kata pinjaman untuk menyampaikan maklumat.

Dengan menggunakan taksonomi yang telah diwujudkan ini dan juga melalui penggunaan perisian ATLAS.ti, pengkaji dapat melakukan dua perkara yang penting:

- i. Mendapatkan kembali semua teks yang dikodkan mengikut tema dan kategori yang sama. Dapatan semula (*retrieval*) ini sangat berguna dalam membantu pengkaji mengurus dan menyusun data selain membolehkan pengkaji meneliti data dalam bentuk yang berstruktur.
- ii. Menggunakan senarai kod (subtema-subtema) yang telah dihasilkan di atas untuk meneliti bentuk-bentuk soalan analitis yang seterusnya termasuklah kaitan antara kod dengan teks yang dikodkan serta perbandingan secara kes demi kes (*case-by-case*).

3.6 Keabsahan kajian

Dalam kajian kualitatif, keabsahan (*validity*) merupakan perkara yang sangat penting. Keabsahan boleh dikaitkan dengan sama ada dapatan kajian adalah benar dan pasti. Benar bermaksud bahawa dapatan kajian menggambarkan dengan tepat situasi sebenar sementara pasti pula bermaksud dapatan kajian disokong oleh bukti dan tidak terdapat asas untuk menentanginya (Othman Lebar, 2009).

3.6.1 Pengesahan pakar melalui kaedah `Inter-rater Reliability`

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kebolehpercayaan antara pemeriksa (*inter-rater reliability*) untuk memastikan pengkodan dan dapatan yang telah dijana adalah tepat, benar dan bernilai menurut pandangan pakar. Hasil analisis terhadap data kajian yang dikodkan menurut taksonomi yang telah ditetapkan menggunakan perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti telah dikemukakan kepada pakar yang berkaitan untuk

disemak dan disahkan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Marques dan McCall (2005), kaedah *inter-rater reliability* ini perlu digunakan sebagai strategi pengukuhan (*solidification strategy*) dalam kajian kualitatif.

Marques dan McCall (2005) menyatakan bahawa kajian kualitatif lazim dianggap sebagai kurang saintifik dan dapatannya diterima dalam bentuk yang tidak dapat ditimbang dan dinilai. Oleh itu, penggunaan kaedah *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa) dalam kajian kualitatif menghendaki para pemeriksa (*interraters*) untuk terlibat dalam memberikan perhatian yang penuh terhadap pembacaan bahan, yang kemudiannya perlu diinterpretasikan, dan pada masa sama para pemeriksa perlu mempamerkan pemahaman yang sama atau asas terhadap tajuk yang dikupas.

Penggunaan *inter-rater reliability* dalam kajian kualitatif bukanlah sekadar alat pengesahan kerana kajian kualitatif setakat ini secara sebulat suara dianggap sebagai sofistikated secara saintifik. Jelas Marques dan McCall (2005), *inter-rater reliability* dilihat sebagai alat pengukuhan (*solidification tool*) yang dapat menyumbang kepada kualiti kajian seperti ini dan juga tahap keseriusan kajian ini untuk diberikan pertimbangan yang lebih baik pada masa hadapan. Yang lebih penting, dengan melibatkan para pemeriksa bebas, yang pada asalnya tidak mempunyai hubungan dengan kajian, dalam penganalisan data yang diperoleh akan memberikan kekuatan kepada pengkaji kualitatif sebagai 'instrumen' kajian dan mengurangkan dengan ketara peluang sikap berat sebelah (*bias*) daripada mempengaruhi hasil kajian.

“As explained earlier, the researcher is usually considered the instrument in a qualitative study. By using interrater reliability as a solidification tool, the interraters could become true validators of the findings of the qualitative study, thereby elevating the level of believability and generalizability of the outcomes of this study.” (Marques dan McCall 2005, p. 440)

Pengesahan dan pengukuhan yang diperoleh daripada pakar yang terlibat ketika pengkaji menjalankan kajian ini amat membantu dalam mengelakkan masalah ketidaktekalan dalam interpretasi dan memberikan ruang kepada penulis untuk memperkukuh analisis dan penemuan kajian yang diperoleh ketika kajian masih sedang berlangsung. Sebanyak lima orang pakar dalam bidang penterjemahan, penulisan, linguistik dan penerbitan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, malah bahasa Inggeris juga, telah dimanfaatkan dalam pelaksanaan proses *inter-rater reliability* untuk kajian ini antara tahun 2012 hingga 2014.

Kelebihan kaedah *inter-rater reliability* ini ialah kaedah ini membolehkan pengkaji menggunakan alat verifikasi atau pengesahan ini sebaik sahaja tema kajian diperoleh pengkaji tetapi sebelum pengkaji membuat rumusan terhadap tema yang telah dibina. Kaedah verifikasi dapatan kajian ini merupakan suatu cara yang membina (ketika proses kajian berlangsung) dalam memastikan ketekalan dalam interpretasi penemuan berbanding dengan penilaian yang dilakukan selepas kajian sudah berlangsung. Kaedah ini mengelakkan masalah ketidaktekalan dalam interpretasi selepas kajian disempurnakan dan memberikan ruang kepada pengkaji untuk memperkukuh dan mempermantap kajian yang dilaksanakannya.

Penelitian dan input yang disumbangkan oleh pakar dicatat dengan teliti dalam fail *Microsoft Word* yang menyimpan data kajian. Biodata ringkas pakar dipaparkan dalam Jadual 3.1 yang berikut. Menerusi kaedah *inter-rater reliability* ini, komen dan pandangan membina yang diberikan oleh pakar telah diambil kira dan digabungkan dalam analisis kajian. Hakikatnya, proses ini bukan sahaja membantu dalam menambah baik analisis yang diperolehi tetapi menyumbang kepada pengukuhan dapatan dan penemuan analisis kajian.

Biodata Pemeriksa Data Kajian	
Pemeriksa Pertama	Profesor yang terkenal pada peringkat antarabangsa dalam bidang linguistik dan penterjemahan. Pemeriksa ini berkepakaran tinggi dalam membezakan bentuk makna yang implisit dan eksplisit dari aspek linguistik dan pragmatik antara bahasa yang berbeza. Beliau banyak memberikan input dan pandangan yang kritis terhadap data yang dianalisis.
Pemeriksa Kedua	Profesor di universiti tempatan yang telah bersara tetapi sangat aktif dalam bidang penterjemahan profesional dan banyak memberikan khidmat penterjemahan kepada Kerajaan Malaysia di Putrajaya. Pemeriksa ini berkepakaran tinggi dalam memberikan input berkaitan dengan bentuk bentuk makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan.
Pemeriksa Ketiga	Pengurus penerbitan di sebuah syarikat penerbitan antarabangsa di Kuala Lumpur. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penerbitan dan penulisan serta mampu memberikan pandangan dan input yang konkrit terhadap bentuk makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan.
Pemeriksa Keempat	Penutur jati bahasa Arab dari Jordan dan mempunyai kepakaran dalam linguistik dan retorik Arab. Beliau memberikan input-input yang bermakna terhadap pemeriksaan dan analisis data terutamanya dalam bahasa Arab.
Pemeriksa Kelima	Munshi Dewan dan pesara Dewan Bahasa dan Pustaka yang mempunyai kepakaran dan kemahiran tinggi dalam linguistik dan tatabahasa Melayu. Beliau aktif mengajar dan menterjemah serta merupakan ahli seumur hidup Persatuan Penterjemah Malaysia. Beliau memberikan input-input yang bermakna terhadap penilaian dan analisis data terutamanya dalam bahasa Melayu.

Jadual 3.1: Biodata Pemeriksa Analisis Data Kajian Secara Ringkas

3.7 Kesimpulan

Bab ini telah memberikan penghuraian dan penjelasan tentang cara dan perkaedahan kajian ini dijalankan bermula daripada pengenalan tentang reka bentuk kajian, pengumpulan data dan pensampelan, kerangka kerja teoretikal, prosedur analisis data, pengenalan tentang perisian ATLAS.ti, proses pengkodan data dan taksonomi untuk menganalisis data hinggalah keabsahan dan pengesahan pakar terhadap dapatan dan penemuan kajian melalui kaedah *inter-rater reliability*.

Bab ini boleh disimpulkan seperti yang berikut:

- i. Dalam mengkaji bentuk makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu, pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual. Pengkodan data ditentukan oleh parameter kewujudan ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sumber dengan teks sasaran.
- ii. Kajian ini meneliti 149 set dialog yang terdapat dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*'. Pengkaji mengumpulkan dialog tersebut dalam bahasa Arab dan kemudian mengumpulkan terjemahannya dalam bahasa Melayu.
- iii. Penganalisisan data berlangsung dengan pengkaji terlebih dahulu membaca set dialog yang telah dikumpulkan. Pengkaji kemudiannya menggunakan ATLAS.ti untuk mengumpul petikan dan tema, mengkodkan tema kepada perkataan, frasa dan ayat serta menghasilkan output data yang menghimpunkan kod dan memo merentas seluruh dokumen berkod. Dengan menggunakan fungsi *family* (tema) yang terdapat dalam

ATLAS.ti, pengkaji mengkodkan data yang diperoleh dan membina *networking* (gambar rajah dan pemetaan) untuk menjelaskan konsep dan bentuk data yang dianalisis.

- iv. Data pada peringkat awal dikodkan secara umum melalui parameter kewujudan ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sumber dengan teks sasaran. Setelah proses pengkodan diselesaikan, pengkaji melaksanakan proses pembinaan taksonomi untuk mencerakinkan data dan mengelompokkan kod yang telah dibina. Pengkaji telah menghasilkan dan mengelompokkan kod yang diperoleh berdasarkan bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit yang berubah atau dikekalkan dalam proses penterjemahan.
- v. Taksonomi utama yang telah dibina oleh pengkaji berpacuan data yang dianalisis adalah seperti yang berikut:
 - a) Bentuk implisit diubah menjadi bentuk eksplisit dalam penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*'
 - b) Bentuk implisit dikekalkan juga dalam bentuk implisit dalam penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*'
 - c) Bentuk eksplisit diubah menjadi bentuk implisit dalam penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah*'
- vi. Taksonomi tersebut dipecahkan pula kepada subtema yang lebih kecil untuk memudahkan pengelompokan dan pengkategorian data. Kajian ini menggunakan prosedur *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa) sebagai strategi pengukuhan kajian.

vii. Kajian ini tidak menguji sebarang hipotesis. Model Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005) dijadikan sebagai landasan teori kajian. Taksonomi yang telah dibina dan subtema membantu pengkaji untuk menganalisis strategi, teknik dan sebab berlakunya pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan dapatan kajian yang digariskan untuk menjawab dua soalan kajian, iaitu, (i) Bagaimanakah bentuk makna implisit diterjemahkan daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu? dan (ii) Bagaimanakah bentuk makna eksplisit diterjemahkan daripada buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu?

Dalam Bab 4 ini juga, pengkaji membentangkan data yang terdiri daripada set dialog yang memperlihatkan hubung kait antara konsep pengeksplicitan dengan penterjemahan dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu. Berdasarkan metodologi yang telah dijelaskan dan dihuraikan dalam Bab 3, analisis tekstual menggunakan pendekatan kualitatif ini membincangkan penterjemahan bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, analisis telah dilaksanakan dengan memanfaatkan perisian ATLAS.ti khususnya dalam proses pengkodan, pembinaan pemetaan, pembinaan kategori dan penjanaan keputusan data. Proses penyusunan dan pengurusan data yang lebih kemas melalui penggunaan ATLAS.ti telah membolehkan pengkaji untuk menginterpretasikan dan mendapatkan makna daripada data yang diperoleh secara lebih kritis dan seterusnya memperoleh kefahaman baharu dengan mendalam.

Sesungguhnya matlamat pengkaji kualitatif adalah untuk mencapai pandangan dan kefahaman yang kritis dalam analisis. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Saldaña (2009) dalam bukunya “*The Coding Manual for Qualitative Researchers*”, kata-kata ahli antropologi, Harry F. Walcott sewajarnya dijadikan panduan bagi pengkaji yang melaksanakan kajian berdasarkan pendekatan kualitatif. Pengkaji kualitatif perlu menjangkau data kajian dan bukan sekadar mentransformasikan data. Pemahaman merupakan kekuatan pengkaji kualitatif dan tujuan utama kajian kualitatif ialah pendedahan dan pengetahuan. Pengkaji melakukannya untuk mendapatkan kefahaman dan pemikiran yang mendalam.

We must not only transform our data, we must transcend them;

Insight is our forte;

The whole purpose of the enterprise is revelation;

We do it to be profound. (Saldaña ,2009, p. 192)

4.1.1 Dimensi Kuantitatif Analisis

Huraian dimensi kuantitatif yang dikemukakan di sini merupakan statistik mudah atau statistik asas secara deskriptif untuk membandingkan antara tiga taksonomi utama kajian serta mengenal pasti kategori bentuk makna yang paling banyak menimbulkan ketidaksepadanan antara teks sumber dengan teks sasaran. Dimensi kuantitatif ini bukan merupakan fokus kajian sebaliknya dipaparkan hanya untuk mencerminkan analisis awal data dan memberikan perspektif analisis data secara kuantitatif.


Dalam kajian ini, bentuk makna implisit diterjemahkan menjadi eksplisit merupakan kategori yang paling ketara mendominasi dapatan kajian dengan 38 daripada 149 set dialog membuktikan berlakunya fenomena sedemikian.



Rajah 4.1: Bilangan set dialog melibatkan bentuk makna implisit diterjemahkan menjadi eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'

Seterusnya, kategori bentuk makna implisit dikekalkan implisit dan kategori bentuk makna eksplisit diterjemahkan menjadi implisit masing-masing memperlihatkan bilangan yang tidak ketara, iaitu sebanyak 13 dapatan bagi kategori bentuk makna implisit dikekalkan implisit dan 11 dapatan bagi kategori bentuk makna eksplisit diterjemahkan menjadi implisit.


Dapatan ini dicerminkan oleh Rajah 4.2 dan 4.3 yang berikut:



Rajah 4.2: Bilangan set dialog melibatkan bentuk makna implisit dikekalkan implisit dalam penterjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'*



Rajah 4.3: Bilangan set dialog melibatkan bentuk makna eksplisit diterjemahkan menjadi implisit dalam penterjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'*



Jadual 4.1 kekerapan penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit

Daripada Jadual 4.1 kekerapan penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit, dapat dirumuskan bahawa bentuk makna implisit yang diterjemahkan menjadi eksplisit yang memaparkan ketidaksepadanan antara teks sumber dengan teks sasaran mempunyai kekerapan sebanyak 61.29% berdasarkan sampel 149 set dialog dalam buku *'Rihlah Ibn Battutah'*. Manakala bentuk makna implisit dikekalkan implisit pula membentuk kekerapan sebanyak 20.96% dan bentuk makna eksplisit diterjemahkan menjadi implisit membentuk kekerapan sebanyak 17.74%.

Secara kesimpulan, paparan kuantitatif ini membuktikan bahawa hasil kajian analisis bentuk makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'* ini adalah seiring dengan kajian para sarjana lain seperti Klaudy dan Károly (2005), Becher (2011) dan Kruger (2015) bahawa strategi pengeksplicitan mengatasi strategi pengimplisitan dalam penterjemahan yang dilaksanakan oleh penterjemah sekali gus

membuktikan bahawa pengeksplisitan merupakan ciri sejagat penterjemahan. Strategi pengimplisitan pula, meskipun tidak ketara bilangannya, tetap menuntut perhatian dan keprihatinan penterjemah untuk menangani kesukaran dan masalah bentuk penterjemahan seperti ini.

Seterusnya, analisis kualitatif kajian dibincangkan untuk menjawab dua soalan utama kajian ini. Semua data yang dipaparkan dalam analisis yang berikut telahpun melalui proses *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa) dengan lima orang pemeriksa pakar sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab 3 yang terdahulu. Input dan pandangan para pemeriksa yang turut sama membaca dan meneliti 149 set dialog yang dianalisis dalam kajian ini telah diberi penekanan dan digabungkan dengan sewajarnya dalam analisis yang dilaksanakan.

4.2 Soalan pertama: Bagaimanakah bentuk makna implisit diterjemahkan daripada buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ke bahasa Melayu?

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab 1, makna implisit ialah maklumat yang tidak dinyatakan sehingga menyebabkan pembaca tidak dapat membuat inferens atau kesimpulan. Dengan menggunakan parameter ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sumber dengan teks terjemahan, pengkaji telah memperoleh data yang memperlihatkan kewujudan bentuk-bentuk makna implisit dalam buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang menampilkan cabaran dan kesukaran kepada penterjemah hingga mendorong proses pengeksplisitan dalam penterjemahan. Ini menghasilkan taksonomi kajian yang pertama, iaitu bentuk makna implisit diubah menjadi bentuk makna eksplisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’. Taksonomi ini menjana 38 penemuan, 12 daripadanya

dipaparkan dalam perbincangan yang berikut untuk menggambarkan fenomena pengeksplisitan dalam penterjemahan.

4.2.1 Bentuk makna implisit diubah menjadi bentuk makna eksplisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’


Dengan menggunakan perisian ATLAS.ti, pengkaji telah memerhatikan data dan menemui ciri persamaan yang terdapat pada data yang dikelompokkan di bawah taksonomi ini. Empat tema yang telah dikenal pasti di bawah taksonomi ini mencakup yang berikut:

<i>Rihlah Ibn Battutah</i>	Pengembaraan Ibn Battutah
Teks Arab lebih padat dan ringkas	Teks Melayu mengandungi penambahan perkataan dan maklumat berlebihan
Teks Arab berbentuk metafora	Teks Melayu berbentuk prosa biasa

Jadual 4.2: Tema-tema bagi Bentuk Makna Implisit Diubah Menjadi Eksplisit

Di bawah taksonomi ini, data daripada teks ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ telah dikodkan mengikut tema “Teks Arab lebih padat dan ringkas” dan “Teks Arab berbentuk metafora”. Padanan teks Arab ini, iaitu terjemahan Melayu pula dikodkan mengikut tema “Teks Melayu mengandungi penambahan perkataan dan maklumat berlebihan” dan “Teks Melayu berbentuk prosa biasa”.

Dengan menggunakan platform ATLAS.ti, taksonomi pertama ini dan tema-tema di bawahnya berhasil menjanakan pemetaan konseptual yang berikut:



Rajah 4.4 Bentuk makna Implisit diubah menjadi Eksplisit

4.2.1.1 Teks Arab lebih padat dan ringkas menjadi teks Melayu yang mengandungi penambahan perkataan dan maklumat

Perlu dinyatakan di sini bahawa petikan (*quotation*) dialog teks ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang dinyatakan dalam analisis ini merupakan petikan yang telah dikodkan dan kemudiannya dijana menerusi perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti. Contoh pertama yang dikemukakan pengkaji di bawah perbincangan ini merupakan contoh yang paling ketara memandangkan contoh ini mengetengahkan isu pokok yang mendasari perbincangan kita mengenai tema yang pertama ini, dan menetapkan nada bagi perbincangan seterusnya dalam analisis ini. Justeru, contoh ini akan dibincangkan secara lebih mendalam dan terperinci.

(1)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:2 [] (97:97) (Super)

Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman: (RIB) 47/(PIB) 34

فقال : " سوف تحج وتزور النبي صلى الله عليه وسلم

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:3 [Kamu akan menunaikan haji di M..] (99:99) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 34/
(RIB) 47

Beliau berkata, “Kamu akan menunaikan haji di Makkah dan menziarahi makam Nabi s.a.w. di Madinah.

Dalam contoh ini, penterjemah telah menterjemahkan perkataan *تحج* dengan lebih panjang melalui penambahan perkataan dan maklumat, iaitu: “Kamu akan menunaikan haji di Makkah.”

Konteks: Dialog ini berlangsung antara Syeikh Abū `Abdillah al-Mursyidi dengan Ibn Battutah. Ketika Ibn Battutah berada di kota Fawwa, Mesir, beliau telah menemui Syeikh Abū `Abdillah al-Mursyidi di *zawiyah*nya. Syeikh Abū `Abdillah lalu menempatkan Ibn Battutah untuk tidur di atas bumbung *zawiyah*. Pada malam itu, Ibn Battutah bermimpi seolah-olah dia berada di atas sayap seekor burung besar yang membawanya terbang menuju ke Makkah, Yaman dan seterusnya ke arah barat dan selatan. Burung tersebut akhirnya membawa Ibn Battutah jauh ke arah barat dan berhenti di suatu tempat yang gelap serta hijau lalu meninggalkan Ibn Battutah di situ. Mimpi tersebut menghairankan Ibn Battutah dan pada pagi keesokannya, Syeikh Abū `Abdillah telah mentafsirkan mimpinya.

Dalam contoh (1) ini, kata kerja *تُحج* yang diucapkan oleh Syeikh Abū `Abdillah adalah ringkas, padat dan secara literalnya membawa maksud, “kamu akan menunaikan haji”. Namun, terjemahan teks sasaran dalam Pengembaraan Ibn Battutah telah memberikan maklumat berlebihan berbanding dengan teks sumber. Terjemahan teks sasaran ialah “Kamu akan menunaikan haji di Makkah”. Dalam contoh (1) ini, perbuatan menunaikan ibadah haji cukup dinyatakan dalam bentuk makna yang implisit dalam bahasa Arab, iaitu dalam bentuk kata kerja *تُحج* tanpa dinyatakan tempat ibadah haji tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, penterjemah didapati telah mengeksplicitkan bentuk makna implisit tersebut dengan menambah maklumat tentang lokasi ibadah haji dilaksanakan, iaitu menerusi perkataan ‘di Makkah’.

Dari sudut pragmatik dan secara khususnya dari sudut prinsip kerjasama Grice, penutur dan interlokutor (orang yang menyertai sesuatu perbualan atau dialog) dalam perbualan di atas, iaitu Syeikh Abū `Abdillah dan Ibn Battutah telah bekerjasama dalam memberikan sumbangan secara informatif sebagaimana yang diperlukan, dan tidak memberikan sumbangan yang lebih informatif daripada apa yang diperlukan. Apabila Ibn Battutah mendengar ujaran Syeikh Abū `Abdillah, beliau sebagai penutur dan pendengar bahasa Arab yang kompeten faham secara semula jadi bahawa menunaikan haji adalah di Makkah walaupun maklumat itu tidak dinyatakan dalam ujaran Syeikh Abū `Abdillah.

Namun, teks Melayu telah memberikan maklumat tambahan berbanding dengan teks Arab. Ujaran Syeikh Abū `Abdillah dalam bentuk makna yang implisit dalam contoh (1) ini diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam bentuk yang lebih eksplisit. Pemerhatian yang dapat disimpulkan di sini ialah:

- i. Pengeksplisitan dalam penterjemahan contoh (1) ini dapat merapatkan jurang budaya dan menjadikan teks terjemahan berinteraksi secara lebih ekspresif dengan pembaca sasaran berbanding dengan teks asal.
- ii. Dalam dialog, penutur lazimnya menyampaikan maksud yang lebih luas daripada sekadar apa yang diperkatakan dan dilafazkan oleh penutur. Dalam penterjemahan, hubungan yang tercetus adalah antara penterjemah dengan pembaca. Penterjemah ingin memberikan makna yang disampaikan dengan lebih jelas kepada pembaca sarannya. Penterjemah mentafsirkan makna di sebalik kata-kata penutur yang lazimnya lebih luas maknanya bertepatan dengan pendapat Leech bahawa *“speakers often mean more than they say”* (1983, p. 9). Situasi ini mendorong pengeksplisitan makna implisit teks asal ini dalam teks sasaran.

4.2.1.2 Penambahan perkataan untuk menghindarkan risiko salah faham

Contoh kedua analisis kajian ini masih berkisar pada contoh (1) tadi, tetapi pada bahagian yang seterusnya dalam contoh (1) tersebut. Contoh (1) menunjukkan bahawa pertambahan yang dilakukan merapatkan jurang budaya dan menjadikan teks terjemahan berinteraksi secara lebih ekspresif dengan pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, contoh (2) memperlihatkan faktor agama mempengaruhi penterjemah untuk menghindarkan risiko salah faham dalam teks sasaran:

(2)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:1 (97:97) (Super)

Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman : (RIB) 47 /(PIB) 34

فقال : " سوف تحج وتزور النبي صلى الله عليه وسلم

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:4 [menziarahi makam Nabi s.a.w. d..] (99:99) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 34 / (RIB) 47

Beliau berkata, “Kamu akan menunaikan haji di Makkah dan menziarahi makam Nabi SAW di Madinah.”

Dalam contoh (2) ini, Syeikh Abū `Abdillah berkata kepada Ibn Battutah:

وتزور النبي صلى الله عليه وسلم

Secara literalnya, petikan dalam teks sumber ini bermaksud, “kamu akan menziarahi Nabi SAW.”. Walau bagaimanapun, teks sasaran telah menambah perkataan dan maklumat berbanding dengan teks sumber. Penambahan yang dapat dikenal pasti dalam teks sasaran ini ialah perkataan ‘makam’ dan ‘di Madinah’. Pemerhatian yang dapat dibina di sini ialah:

- i. Penterjemah mendapati kewujudan makna yang implisit di sebalik kata-kata Syeikh Abū `Abdillah ini yang tidak dinyatakan dalam ujaran. Yang dimaksudkan oleh Syeikh Abū `Abdillah ialah Ibn Battutah akan menziarahi makam Rasulullah s.a.w. di Madinah dan bukannya menemui dan mengunjungi Rasulullah s.a.w. secara peribadi (*in person*) kerana hal yang demikian tidak mungkin berlaku selepas kewafatan baginda SAW.

- ii. Sekiranya ujaran tersebut diterjemahkan secara literal, pembaca sasaran mungkin akan membuat tanggapan bahawa Ibn Battutah akan bertemu dengan Rasulullah SAW secara peribadi di Madinah. Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, perkara begini merupakan isu-isu sensitif berkaitan dengan akidah Islam dan perlu ditangani dengan berhati-hati agar tidak menyebabkan salah faham dalam kalangan pembaca sasaran. Pengeksplisitan dalam contoh (2) ini menepati konsep penghindaran risiko yang disarankan oleh Pym (2005), iaitu untuk menjadikan terjemahan relevan dengan situasi penerimaan baharu dan mengawal kerosakan dan salah faham daripada berlaku.
- iii. Contoh (2) ini juga memperkukuh pandangan Pym (2005) bahawa terjemahan melibatkan komunikasi dengan konteks yang rujukannya tidak dikongsi oleh kebanyakan orang. Justeru, risikonya adalah lebih besar berbanding dengan teks bukan terjemahan, yang tidak mengandungi ciri ini. Namun, risiko yang muncul memberikan peluang kepada penterjemah untuk mengurangkan risiko tersebut.
- iv. Pemerhatian yang seterusnya menerusi contoh (2) ini yang boleh disimpulkan di sini ialah model yang disyorkan Pym yang menghubungkan pengeksplisitan dengan pengurusan risiko yang dikaitkan dengan tiga faktor utama, iaitu situasi, budaya dan norma boleh ditambah dengan faktor agama, khususnya dalam konteks penterjemahan Arab-Melayu ini. Ini bermakna faktor agama mempunyai peranan yang mendorong perlunya pengeksplisitan dilakukan dalam penterjemahan untuk menghindarkan risiko salah faham dalam kalangan pembaca sasaran. Faktor agama pernah dihuraikan secara kritis oleh Long L. (2005) dalam bukunya berjudul,

“Translation and Religion”. Long (2005) menyatakan bahawa dalam kebanyakan teks agama, kegagalan menterjemahkan perkataan boleh mengakibatkan tertinggalnya elemen-elemen strategik untuk memahami sesebuah teks dan kekurangan terminologi boleh membawa kepada terjemahan yang lebih panjang sebagai kaedah untuk menebus dan mengimbangi makna. Maksudnya, terjemahan teks agama lazim menghasilkan terjemahan yang lebih panjang (pengeksplicitan) sebagai kaedah untuk menebus dan mengimbangi makna yang implisit.

4.2.1.3 Penambahan perkataan untuk merancakkan dan menghidupkan perbualan dalam bahasa Melayu

Salah satu dapatan lain yang diperoleh di bawah tema yang pertama ini, iaitu teks Arab lebih padat dan ringkas menjadi teks Melayu yang mengandungi penambahan perkataan dan maklumat ialah pengeksplicitan berlaku dalam teks sasaran untuk merancakkan dan menjadikan dialog teks sumber disusun semula dengan lebih hidup dalam teks sasaran. Malah dalam contoh (3) ini, tidak terdapat pun kata-kata yang mengandungi bentuk makna implisit yang dieksplicitkan dalam teks sasaran. Sebaliknya apa yang dieksplicitkan ialah persekitaran atau latar yang melatari dialog tersebut. Analisis terhadap contoh (3) memperkukuh kenyataan ini:

(3)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:29 (1057:1057) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 271/ (PIB) 293

No memos

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:30 [Beliau membalas kata-kataku, “Untuk pengetahuan saudara, adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, *syarif* atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal.”]

(1062:1062) (Super)

Codes:[Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 293/

(RIB) 271

No memos

Beliau membalas kata-kataku, “Untuk pengetahuan saudara, adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, *syarif* atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal.”

Konteks: dialog ini berlangsung antara Ibn Battutah dengan seorang kadi apabila Ibn Battutah tiba di Mogadishu, Somalia. Untuk memudahkan pemahaman konteks dialog, di sini diturunkan dialognya yang lengkap.

وقال لي: " بسم الله نتوجه للسلام على الشيخ "

فقلت: "ومن الشيخ؟"

فقال: "السلطان"، وعادتهم أن يقولوا للسلطان الشيخ.

فقلت له: "إذا نزلت توجهت إليه".

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان

(*Rihlah Ibn Battutah, 2002:271*)

“Dengan nama Allah, marilah kita menemui dan mengucapkan salam kepada syeikh.” Aku bertanya, “Siapakah syeikh?” Beliau menjawab, “Sultan,” dan sebenarnya sudah menjadi adat bagi mereka untuk memanggil sultan dengan gelaran tersebut. Aku berkata kepada kadi, “Apabila aku mendapat tempat tinggal, aku akan pergi menemui baginda.” Beliau membalas kata-kataku, “Untuk pengetahuan saudara, adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, syarif atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal.” (Pengembaraan Ibn Battutah, 2004, p. 293)

Kadi tersebut menjemput Ibn Battutah untuk pergi menemui Sultan tetapi Ibn Battutah menolak dengan menjawab bahawa dia hanya akan pergi setelah mendapat tempat tinggal.

Lalu kadi membalas kata-kata Ibn Battutah:

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان"

Kata-kata kadi itu tersebut jika diterjemahkan bermaksud, “Adat yang diamalkan di sini, apabila seorang faqih, syarif atau orang yang salih datang, ia perlu menghadap sultan terlebih dahulu sebelum mendapat tempat tinggal.” Namun, teks sasaran telah menjadikan dialog kadi ini lebih eksplisit dengan penambahan kata-kata pembuka pada awalnya, iaitu “untuk pengetahuan saudara”, yang padanan asalnya tidak terdapat dalam teks sumber. Menurut input yang diberikan oleh pakar yang terlibat dalam proses *inter-rater reliability* kajian ini pada tahun 2014, “untuk pengetahuan saudara” dari segi struktur merupakan frasa kata sendi nama, dan dari segi fungsi pula merupakan frasa keterangan, yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu dalam dialog atau perbualan antara dua pihak, juga dalam wacana berbentuk pemberitahuan dan makluman.

Apabila dialog ini dianalisis dengan lebih terperinci, urutan peristiwa yang berikut ditemui:

- i. Ibn Battutah menolak jemputan kadi untuk menemui baginda sultan dengan menyatakan dia hanya akan pergi setelah memperoleh tempat tinggal. Bahagian ini merupakan penolakan.
- ii. Kadi tersebut pula pada hakikatnya enggan bersetuju dengan penolakan Ibn Battutah dan sebaliknya dia tetap mahukan Ibn Battutah pergi bersama-sama dengannya menemui baginda sultan. Bahagian ini merupakan jawapan kepada penolakan pada bahagian pertama.

Dalam persekitaran perbualan, secara pragmatiknya jawapan balas penutur terhadap interlokutor tidak sewajarnya dibuat secara mendadak (*abrupt*). Oleh sebab itu, sarjana pragmatik seperti Yule (1996) memberikan perhatian pada perbualan dengan mengemukakan konsep struktur pilihan (*preference structure*).

Preference structure membahagikan perbualan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua. Bahagian pertama (*first part*) menunjukkan bentuk ujaran yang terdiri daripada penilaian (*assessment*), undangan (*invitation*), tawaran (*offer*), cadangan (*proposal*) dan permintaan (*request*). Bahagian kedua (*second part*) pula menunjukkan lakuan sosial (*social acts*) *preferred* (pilihan) dan *dispreferred* (bukan pilihan). Secara asasnya, lakuan pada masa hadapan yang diharapkan oleh interlokutor secara struktur ialah yang berbentuk *preferred* manakala lakuan yang tidak diharapkan dan ingin dielakkan oleh interlokutor pada masa hadapan dari segi struktur ialah *dispreferred*. Yang menjadi pilihan dalam bahagian kedua perbualan ialah bersetuju dan menerima (penilaian, undangan, tawaran, cadangan dan permintaan) tersebut manakala yang bukan pilihan pula ialah tidak

bersetuju, menolak dan tidak mahu menerima (penilaian, undangan, tawaran, cadangan dan permintaan) tersebut.

First Part	Second Part	
	Preferred	Dispreferred
Assessment	Agree	Disagree
Invitation	Accept	Refuse
Offer	Accept	Decline
Proposal	Agree	Disagree
Request	Accept	Refuse

Jadual 4.3 *The general patterns of preferred and dispreferred structures (following Levinson 1983)* dipetik daripada Yule (1996, p. 79)

Jadual ini dalam bahasa Melayu adalah seperti yang berikut:

Bahagian Pertama	Bahagian Kedua	
	Pilihan	Bukan Pilihan
Penilaian	Bersetuju	Tidak bersetuju
Undangan	Menerima	Menolak
Tawaran	Menerima	Menolak
Cadangan	Bersetuju	Tidak bersetuju
Permintaan	Menerima	Menolak

Jadual 4.4 Bentuk umum struktur pilihan dan bukan pilihan (berdasarkan Levinson 1983) dipetik daripada Yule (1996, p. 79)

Namun, sekiranya jawapan yang perlu diberikan ialah yang berbentuk *dispreferred* (tidak bersetuju, enggan dan menolak), penutur seharusnya menggunakan beberapa pilihan yang bersesuaian agar jawapan yang diberikan berlapik dan tidak kelihatan terlalu mendadak.

Yule (1996, p. 81) menyenaraikan bentuk-bentuk yang berkaitan dengan bahagian kedua `dispreferred' dengan mengambil contoh elemen pilihan (*optional elements*) dalam bahasa Inggeris seperti yang berikut:

	How To Do a Dispreferred	Examples
a.	Delay/Hesitate	Pause; er; em; ah
b.	Preface	Well; oh
c.	Express doubt	I'm not sure; I don't know
d.	Token Yes	That's great; I'd love to
e.	Apology	I'm sorry; what a pity
f.	Mention obligation	I must do X; I'm expected in Y
g.	Appeal for understanding	You see; you know
h.	Make it non-personal	Everybody else; out there
i.	Give an account	Too much work; no time left
j.	Use mitigators	Really; mostly sort of; kinda
k.	Hedge the negative	I guess not; not possible

Jadual 4.5 How to do a dispreferred dipetik daripada Yule (1996, 81)

Dalam konteks contoh yang dianalisis ini, peralihan atau transisi perbualan dalam teks sumber dapat dilihat berlaku secara agak mendadak, dan tidak ditandai oleh sebarang elemen pilihan seperti yang dicadangkan oleh Yule (1996).

فقال لي: "إن العادة إذا جاء الفقيه أو الشريف أو الرجل الصالح لا ينزل حتى يرى السلطان"

Beberapa pemerhatian dapat kita simpulkan daripada contoh (3) ini termasuklah yang berikut:

- i. Terjemahan Melayu '*Rihlah Ibn Battutah*' telah memberikan kelainan terhadap dialog dalam teks sasaran dengan menggunakan frasa keterangan, “untuk pengetahuan saudara” yang berfungsi untuk memujuk, meyakinkan interlocutor dan melancarkan perbualan. Frasa keterangan “untuk pengetahuan saudara” ini bertepatan dengan elemen pilihan yang dikemukakan oleh Yule, iaitu (g. *Appeal for Understanding (You see, you know)*) seperti yang tertera dalam jadual di atas. Dengan memasukkan frasa keterangan “untuk pengetahuan saudara”, terjemahan dialog ini menjadi lebih eksplisit sekaligus memberikan urutan (*sequence*) perbualan dan struktur perbualan yang lebih lancar dan berkesan terhadap teks sasaran.
- ii. Frasa keterangan “untuk pengetahuan saudara” sememangnya digunakan dalam bahasa Melayu pada awal atau pembukaan ayat, khususnya apabila penutur atau penulis ingin menjelaskan dan menerangkan sesuatu kepada interlocutor atau khalayaknya. Justeru, penggunaan frasa keterangan ini di sini adalah bersesuaian dengan norma komunikasi, konteks budaya dan pembaca sasaran khasnya dalam bahasa Melayu. Berdasarkan input yang diberikan oleh pemeriksa (*inter-rater*) kajian ini, penggunaan frasa keterangan seperti ini juga mencerminkan kesantunan bahasa dalam pertuturan.
- iii. Bentuk makna implisit dalam contoh (3) ini bukanlah pada perkataan atau teksnya, tetapi pada persekitaran perbualannya, yang telah dijadikan lebih eksplisit dalam teks sasaran menerusi penambahan frasa keterangan tersebut. Penambahan frasa keterangan seperti ini dalam teks sasaran berkesan untuk menjadikan dialog lebih hidup dalam bahasa Melayu.

- iv. Strategi penterjemahan ini memperkukuh pandangan sebahagian sarjana terjemahan yang kini berani melihat terjemahan di luar lingkaran makna dan persamaan, iaitu melihat terjemahan sebagai penulisan semula dan output kreatif yang dihasilkan oleh penterjemah. Selagi output kreatif penterjemah berjaya mempertingkatkan mutu terjemahan dan tidak menjejaskan makna, ia sewajarnya menjadi konsep yang dapat diterima pada hari ini.

4.2.1.4 Penambahan perkataan untuk mengeksplicitkan makna yang tersirat (*implied meaning*)

Dalam contoh (4) yang berikut ini, kita dapat memerhatikan berlakunya pengeksplicitan menerusi penambahan perkataan untuk menjelaskan makna yang tersirat.

(4)

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:9 (2094:2094) (Super)

Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman : (RIB) 456 / (PIB) 502

فقال: "إنهم يستحيون أن يدخلوا إليك نهارا لأجل أقربائهم وأهل ملتهم"

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:10 [Khusru Khan berkata, "Tuanku, mereka berasa malu untuk datang menghadap tuanku pada waktu siang kerana bimbangkan cemuhan saudaramara dan ahli agama mereka."] (2098:2098) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 502 / (RIB) 456

Konteks: Dialog ini berlangsung antara Sultan Qutbuddin dengan amir utamanya yang bernama Khusru Khan. Khusru Khan memberitahu Sultan Qutbuddin bahawa terdapat sekumpulan orang India yang mahu memeluk Islam lalu baginda meminta beliau membawa mereka menemuinya. Namun, Khusru Khan menjawab bahawa kumpulan orang kafir yang

ingin memeluk Islam tersebut berasa malu untuk menghadap baginda pada waktu siang kerana saudara mara dan ahli agama asal mereka. Lalu baginda meminta Khusru Khan membawa kumpulan tersebut kepada baginda pada waktu malam. Sebenarnya Khusru Khan mempunyai muslihat yang lain, iaitu untuk membunuh baginda sultan dengan membawa tenteranya menyerang Sultan Qutbuddin pada waktu malam. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, di sini dikemukakan dialog yang lengkap:

فلما كان في بعض الأيام قال خسرو خان للسلطان: "إن جماعة من الهنود يريدون أن
يسلموا". ومن عادتهم بتلك البلاد أن الهندي إذا أراد الإسلام أدخل إلى السلطان، فيكسوه
كسوة حسنة، ويعطيه قلادة وأساور من ذهب على قدره.
فقال له السلطان: "انتني بهم".
فقال: "إنهم يستحيون أن يدخلوا إليك نهرا لأجل أقربانهم وأهل ملتهم"
فقال له: "انتني بهم ليلا". فجمع خسرو خان جماعة من شجعان الهنود وكيرائهم، فيهم
أخوه خان خانان.

(Rihlah Ibn Battutah, 2002, p. 456)

“Pada suatu hari, sultan diberitahu oleh Khusru Khan, “Sekumpulan orang India mahu memeluk Islam.” Sudah menjadi adat penduduk negeri India bahawa apabila orang India mahu memeluk Islam, mereka akan dibawa menghadap sultan yang akan memakaikan pakaian yang elok pada mereka dan mengurniakan rantai serta gelang tangan emas berdasarkan kedudukan mereka. Sultan pun bertitah kepada Khusru Khan, “Bawalah mereka kepada beta!” Khusru Khan berkata, “Tuanku, mereka berasa malu untuk datang menghadap tuanku pada waktu siang kerana bimbangkan cemuhan saudara-mara dan ahli agama mereka.” Sultan bertitah pula, “Kamu bawalah mereka datang menghadap beta pada waktu malam!”Kemudian Khusru Khan menghimpunkan sekumpulan tentera dan ketua orang India termasuk saudaranya sendiri iaitu Khanan Khan.” (Pengembaraan Ibn Battutah, 2004, pp. 502-503)

Dalam contoh (4) ini, terdapat makna dalam teks Arab yang tidak dinyatakan secara eksplisit, iaitu mengenai sebab kumpulan orang India tersebut enggan menemui baginda sultan pada waktu siang. Khusru Khan menyatakan mereka berasa malu untuk menemui

baginda kerana saudara mara dan ahli agama mereka. Apakah yang dilakukan oleh saudara mara dan ahli agama kumpulan India ini hingga menyebabkan mereka berasa malu untuk menemui baginda Sultan Qutbuddin? Berdasarkan konteks yang ada, kesimpulan dapat dibuat bahawa perasaan malu untuk menemui Sultan Qutbuddin berpunca daripada kebimbangan terhadap cemuhan yang bakal dilontarkan oleh saudara mara dan ahli agama mereka. Makna yang implisit ini, iaitu “bimbangkan cemuhan” akhirnya dieksplicitkan dalam penterjemahan dan dimasukkan ke dalam teks sasaran.

Dalam teks sumber, tidak terdapat mesej “bimbangkan cemuhan” dinyatakan secara eksplisit seperti yang dapat diperhatikan.

Penterjemah menambah maklumat yang terdapat pada klausa “kerana saudara mara dan ahli agama mereka” dan mengubahnya menjadi “kerana bimbangkan cemuhan saudara mara dan ahli agama mereka”. Penambahan ini mempertingkatkan kejelasan teks dalam terjemahan tersebut. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap keseluruhan konteks cerita petikan ini dalam teks asal Arab menunjukkan makna tersebut terdapat dalam teks asal tetapi hanya secara implisit.

Beberapa pemerhatian dapat kita ambil daripada contoh (4) ini termasuklah:

- i. Pemahaman terhadap latar dan persekitaran teks adalah penting kerana pemahaman berkenaan dapat membantu penterjemah memahami konteks yang sebenar dan membantunya dalam membuat keputusan untuk mengeksplicitkan makna yang implisit apabila keadaan dan situasi memerlukan.
- ii. Dengan menggunakan strategi pengeksplicitan, penterjemah teks sasaran menambah perkataan untuk mempertingkatkan kejelasan (*clarity*) dan interaksi dengan pembaca

sasaran. Contoh (4) yang dipaparkan ini mencerminkan strategi pengeksplisitan yang sedemikian.

- iii. Matlamat penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu adalah untuk menyediakan sebuah teks terjemahan yang dapat difahami oleh pembaca sasaran dengan jelas dan mudah. Selain itu, pelaksanaan terjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu bertujuan membolehkan pembaca bukan profesional yang tidak dapat membaca dan memahaminya dalam bahasa Arab mengakses terjemahan tersebut dalam bahasa Melayu. Kejayaan terjemahan Melayu boleh diukur pada sejauh mana pembaca dapat memahami teks sasaran, atau secara lebih tepat membina representasi kognitif isi dan kandungan yang disampaikan oleh teks sasaran. Justeru, apabila terdapat keraguan dan kekaburan seperti ini, meskipun dalam teks prosa kesusasteraan, penterjemah dilihat membuat keputusan untuk mengeksplisitkan makna yang tersirat. Bagi penterjemah, dengan mengambil pendekatan yang eksplisit, kejelasan teks dapat dipertingkatkan sementara risiko kekaburan dapat dihindarkan.
- iv. Penting dinyatakan di sini bahawa kepentingan penulisan yang baik pada masa silam tidak digabungkan dalam 'aliran utama' teori terjemahan sebagaimana yang dijelaskan oleh Newmark (2005) dalam makalahnya berjudul, "*The Translator as Writer*". Newmark (2005) mengakui bahawa penulisan yang baik merupakan sebahagian daripada kebenaran estetika terjemahan yang merupakan komponen penting bagi teori terjemahan yang komprehensif. Kebenaran estetika yang dimaksudkan oleh Newmark (2005) merangkumi keunggulan (*elegance*), kejelasan (*clarity*), keringkasan (*brevity*) dan kesederhanaan (*simplicity*), keindahan (*beauty*)

dan penghayatan (*feeling*). Strategi pengeksplisitan dalam contoh (4) menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Newmark (2005) ini.

4.2.1.5 Pengeksplisitan meningkatkan daya mesej yang disampaikan

Dalam contoh (5) yang berikut pula, kita dapat melihat bagaimana penambahan yang dilakukan oleh penterjemah menjadikan teks sasaran lebih eksplisit dan membantu dalam meningkatkan daya (*force*) mesej yang disampaikan.

(5)

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:27 (954:954) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 253/ (PIB) 273

No memos

" فجاءت به إلى منزل زوجها، فلما رآه قال: " ما هذا الشيخ النحس الذي معك ؟ "

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:28 [Wanita itu membawa Kadi Burhan..] (966:966) (Super)

Codes:[Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 273 /

(RIB) 253

No memos

Wanita itu membawa Kadi Burhanuddin ke rumahnya dan sebaik sahaja suaminya melihat kadi tersebut, ia pun terus berkata, "Siapakah orang tua keparat ini yang berani menemanimu?"

Konteks: Kisah ini menceritakan mengenai sepasang suami isteri yang sedang bertelingkah dan seorang kadi bernama Kadi Burhanuddin di sebuah kampung bernama Mallahin, di Iraq. Wanita tersebut telah datang menemui Kadi Burhanuddin di tempatnya dan mengadu mengenai hal suaminya yang telah memukulnya. Menurutnya, suaminya telah berkahwin

lain dan tidak berlaku adil terhadapnya. Lalu Kadi Burhanuddin meminta wanita tersebut balik dan menunggunya di luar kampung. Kadi Burhanuddin akhirnya menemui wanita tersebut seorang diri tanpa berteman. Sebenarnya, Kadi Burhanuddin tidak pernah membenarkan sesiapa pun mengekorinya. Wanita itu lalu membawa Kadi Burhanuddin ke rumahnya. Sebaik sahaja suaminya melihat kadi tersebut, ia pun terus berkata:

قال: " ما هذا الشيخ النحس الذي معك ؟

Terjemahannya: "Siapakah orang tua keparat ini yang berani menemanimu?"

Apabila kita melihat petikan ini, perkara yang berikut dapat dikenal pasti:

- i. Penggunaan kata tanya ما (apakah) untuk membina soalan tentang manusia.
- ii. Penambahan perkataan 'berani' dalam teks sasaran yang tidak terdapat dalam teks asal.

Dalam *Mu`jam al-I`rāb wa al-Imlā`* (Emīl Badī` Ya`qūb, 1983) kata tanya (*ism al-istifham*) ما dikhususkan untuk menanyakan item yang tidak berakal, barangan atau sesuatu yang bukan manusia.

ما الاستفهامية : اسم مبني على السكون، يستفهم به عن غير العاقل، وعن حقيقة الشيء، أو صفته، سواء كان هذا الشيء عاقلا أو غير عاقل، نحو: ما فعلت؟ و ما الإعراب؟ وما أقسام الكلمة؟

(Emīl Badī` Ya`qūb, 1983, p. 387)

Dalam contoh ini, penulis buku '*Rihlah Ibn Battutah*' menggunakan kata tanya ما untuk menanyakan soalan tentang orang tua yang dilihatnya, iaitu Kadi Burhanuddin. Penggunaan kata tanya ما untuk menanyakan soalan tentang manusia dalam contoh (5) ini bertujuan merendah-rendahkan kedudukan Kadi Burhanuddin dengan meletakkan tarafnya

sama dengan barangan. Dalam bahasa Arab, kata tanya من digunakan untuk menanyakan orang. Ini dijelaskan oleh Emīl Badī` Ya`qūb seperti yang berikut:

من الاستفهامية : اسم استفهام يستفهم به عن العاقل.

(Emīl Badī` Ya`qūb, 1983, p. 415)

Kata tanya ما dalam teks asal yang bermaksud 'apakah' telah dieksplisitkan dalam teks terjemahan Melayu menjadi 'siapakah'. Pengeksplisitan ini dilakukan kerana faktor lexis-tatabahasa. Berdasarkan tatabahasa Melayu ((Nik Safiah Karim *et al.*, Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008) dan juga Mohd Asraf Wahab dalam bukunya berjudul 'Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu' (2007), kata tanya 'apa' digunakan untuk menanyakan nama benda atau binatang manakala kata tanya 'siapa' digunakan menanyakan orang atau nama orang. Dalam contoh ini, makna implisit dalam fungsi kata tanya ما adalah untuk merendahkan kedudukan orang yang ditanya tidak dapat dikekalkan dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, bentuk penghinaan tersebut cuba ditebus oleh penterjemah melalui penggunaan perkataan 'keparat' untuk menggantikan perkataan النحس yang terdapat dalam teks sumber, yang bermaksud celaka. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p. 746) mendefinisikan keparat sebagai celaka, bangsat dan jahanam. Walau bagaimanapun, keparat ternyata menampilkan makna konotasi yang lebih kuat daripada celaka.

Penambahan perkataan 'berani' dalam teks sasaran merupakan strategi pengeksplisitan yang diterapkan oleh penterjemah. Dalam teks sumber, perkataan 'berani' tidak ada dinyatakan. Walau bagaimanapun, menerusi persekitaran dan latar perbualan ini, penambahan perkataan berani dalam teks sasaran merupakan suatu tindakan yang munasabah dan bersesuaian dengan konteks teks. Suami wanita tersebut berasa tercabar

kerana melihat isterinya hanya ditemani oleh seorang lelaki tua, iaitu Kadi Burhanuddin untuk datang menemuinya di rumahnya sendiri. Tanpa perkataan `berani', dialog tersebut akan kelihatan longgar dan kehilangan sesuatu yang dapat menggambarkan betapa dramatikanya peristiwa yang sedang berlangsung. Oleh yang demikian, dua kesimpulan penting dapat diperhatikan di sini:

- i. Pengeksplisitan wajib dilakukan dalam penterjemahan kerana faktor lexis-tatabahasa. Kata tanya ما perlu diterjemahkan sebagai `siapakah' dalam teks Melayu; dan
- ii. Penambahan perkataan dalam teks sasaran untuk mengeksplisitkan makna yang tersirat berupaya meningkatkan daya mesej yang ingin disampaikan.

4.2.1.6 Pengeksplisitan untuk meningkatkan makna konotasi ayat

Contoh (6) yang berikut ini pula menunjukkan bahawa pengeksplisitan dapat membantu penterjemah dalam meningkatkan makna konotasi ayat, dengan demikian mempertingkatkan kejelasan teks.

(6)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:39 (1904:1904) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (PIB) 487 / (RIB) 444

No memos

فقال لهم السلطان : قد غفرت لكم هذه الزلّة، وإياكم والعودة إلى الكلام في ايّك

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:40 [Sultan bertitah kepada mereka, “Kali ini beta memaafkan kesalahan kamu ini. Akan tetapi, berhati-hatilah supaya tidak lagi memburuk-burukkan Aibak.”..] (1906:1906) (Super)

Codes:[Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 487 / (RIB) 444/ (TIB) 629

No memos

Sultan bertitah kepada mereka, “Kali ini beta memaafkan kesalahan kamu ini. Akan tetapi, berhati-hatilah supaya tidak lagi memburuk-burukkan Aibak.”

Konteks: Sultan yang dinyatakan dalam petikan ini ialah Sultan Syihabuddin yang memerintah Delhi, India pada abad ke-12 Masihi. Sultan Syihabudin mengutus ketua panglima tenteranya bernama Amir Qutbuddin Aibak atau ringkasnya dipanggil sebagai Aibak dengan pasukan tentera yang besar untuk menawan Lahaur (Lahore). Aibak menduduki kota Lahore dan lama-kelamaan pemerintahannya menjadi kukuh dan teguh. Mereka yang berdamping rapat dengan sultan akhirnya mula menabur fitnah terhadap dirinya kepada baginda. Mereka mengatakan bahawa Aibak bercadang untuk mendirikan kerajaan sendiri di India, malah beliau telah memberontak dan menderhaka kepada sultan. Mendengar perkara ini, Aibak lalu masuk ke Ghaznah pada waktu malam dan terus menghadap sultan, tanpa pengetahuan para pemfitnah. Pada keesokan harinya, sultan bersemayam di atas singgahsana baginda setelah menyuruh Aibak duduk di bawahnya agar beliau tidak kelihatan. Kemudian pengiring dan pegawai utama sultan yang telah memfitnah Aibak pun masuk. Berikut merupakan petikan penuh:

Apabila mereka duduk, sultan pun bertanya kepada mereka tentang hal Aibak. Mereka menjawab bahawa Aibak telah menderhaka serta memberontak dan berkata, “Hamba-hamba semua dapat mengesahkan bahawa Aibak telah mengisytiharkan dirinya sebagai raja,” lalu sultan pun mengetuk singgahsana dengan kaki, menepuk tangan baginda dan berseru, “Wahai Aibak!” Aibak menyahut, “Ya! Hamba menyahut panggilan tuanku!” Aibak terus keluar menghadapi orang yang memfitnah dirinya. Mereka benar-benar terkejut dan panik lalu segera mengucup tanah dalam keadaan ketakutan. Sultan bertitah kepada mereka, “Kali ini beta memaafkan kesalahan kamu ini. Akan tetapi, berhati-hatilah supaya tidak lagi memburuk-burukkan Aibak.” Sultan memerintah Aibak supaya kembali ke India. (Pengembaraan Ibn Battutah, 2004, p. 487)

Dalam teks sumber bahasa Arab, kita dapat mengenal pasti bentuk makna denotasi yang implisit menerusi perkataan الكلام yang membawa maksud “percakapan” sahaja. Ini bermakna bahawa dalam teks sumber, Sultan Syihabbudin melembutkan nada percakapannya apabila beliau bertitah menasihati pengiring dan pegawai utama baginda sendiri yang telah memfitnah Aibak. Teks sumber menunjukkan bahawa baginda sultan tidak menghentam pengiring dan pegawai baginda sendiri secara lantang, sebaliknya menasihati mereka secara halus dan lembut.

Walau bagaimanapun, penterjemah telah mengeksplisitkan bentuk makna implisit ini dan memberikan interpretasi terhadap الكلام sebagai ‘memburuk-burukkan’ Aibak. Makna yang dibina oleh penterjemah ini tidak mungkin datang secara mendadak. Menerusi kisah Aibak ini sejak dari awal, penterjemah dapat mengesan bahawa pengiring dan pegawai utama baginda sultan telah memfitnah Aibak kepada sultan. Oleh yang demikian, yang dimaksudkan dengan الكلام ialah percakapan yang ‘memburuk-burukkan’ Aibak dan bukan sekadar percakapan biasa. Hubungan komunikasi dalam teks sasaran di sini adalah antara

penterjemah dengan pembaca. Penterjemah ingin membantu pembaca memahami jalan cerita teks asal dengan lebih jelas justeru teknik pengeksplicitan perlu digunakan.

Pemerhatian yang dapat kita simpulkan di sini ialah proses pengeksplicitan melibatkan pemahaman konteks serta latar belakang teks dan adakalanya penterjemah menggantikan perkataan dalam teks asal dengan perkataan yang boleh menyampaikan makna konotasi yang lebih intensif sifatnya dan yang lebih eksplisit dalam teks sasaran.

4.2.1.7 Pengeksplicitan disebabkan oleh faktor leksis-tatabahasa

Dalam dua contoh yang berikut, iaitu (7) dan (8), kita dapat memerhatikan pengeksplicitan melalui penambahan perkataan berlaku disebabkan oleh faktor leksis-tatabahasa bahasa sasaran. Apabila teks dalam sesuatu bahasa diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, faktor leksis-tatabahasa yang sememangnya terdapat dalam bahasa sasaran akan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap strategi penterjemahan yang dilakukan oleh penterjemah. Hal ini tidak terkecuali dalam strategi pengeksplicitan dalam penterjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'*.

(7)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:59 (1618:1618) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 368 (PIB) 407 / (PIB) 407

No memos

"وكننت أردت السفر من السرا إلى خوارزم فنهاني عن ذلك وقال لي: " أقم أياما وحينئذ تسافر..."

Aku bercadang untuk meneruskan pengembaraan dari Sara ke Khawarizm tetapi Syeikh Nu'manuddin melarangku daripada berbuat demikian dan berkata kepadaku, "Tinggallah di sini untuk beberapa hari. Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu..." (1620:1620) (Super)

Codes:[Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 407 / (RIB) 368
No memos

Konteks: Ibn Battutah bercadang untuk meneruskan pengembaraan dari Sara ke Khawarizm tetapi Syeikh Nu`manuddin melarangnya daripada berbuat demikian. Dalam contoh (7), beberapa penambahan perkataan dalam teks sasaran ditemui. Dalam ayat:

أقم أياما وحينئذ تسافر

“Tinggallah di sini untuk beberapa hari. Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu” kita dapat memerhatikan beberapa perkara yang berikut:

- i. Satu ayat dalam teks asal telah dipecahkan menjadi dua ayat dalam teks sasaran
- ii. Penambahan perkataan “di sini” dan “bolehlah” yang tidak terdapat dalam teks asal

Dalam contoh (7) ini, kita menemui strategi pengeksplisitan yang dinyatakan oleh Klaudy dan Károly (2005) seperti yang diterangkan dalam Bab 3 bahawa satu ayat dalam teks sumber boleh dikembangkan menjadi dua ayat atau lebih dalam teks sasaran selain satu perkataan boleh dikembangkan menjadi frasa atau klausa dalam teks sasaran.

Yang pertama, pada tahap ayat. Dalam contoh (7) ini, kita dapat melihat satu ayat bahasa Arab diterjemahkan menjadi dua ayat dalam bahasa Melayu. Pengembangan satu ayat dalam teks asal menjadi dua ayat dalam teks sasaran menunjukkan berlakunya proses pengeksplisitan dalam penterjemahan. Penterjemah bukan sahaja telah menambah perkataan, malah menambah jumlah ayat untuk mempertingkatkan kejelasan kepada pembaca.

Yang kedua, pada tahap perkataan dan pembinaan ayat. Dalam contoh (7) ini, kata perintah **أقم** menuntut penterjemah teks sasaran menambah frasa sendi “di sini” kerana perkataan “tinggallah” merupakan kata kerja tidak transitif yang memerlukan pelengkap. Tanpa frasa pelengkap seperti “di sini”, perkataan “tinggallah” tidak dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki dalam teks sumber malah tidak dapat berfungsi secara gramatis dalam bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, strategi pengeksplisitan menggunakan frasa sendi “di sini” dalam contoh (7) menunjukkan bahawa faktor lexis-tatabahasa turut memainkan peranan dalam proses pengeksplisitan dalam penterjemahan.

Dalam contoh (7) ini juga, kita dapat memerhatikan penambahan perkataan “bolehlah” dalam teks sasaran: “Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu.” Kata bantu “bolehlah” yang terdiri daripada kata “boleh” dan partikel “lah” merupakan penambahan perkataan yang diberikan oleh penterjemah tetapi tidak terdapat padanannya dalam teks asal dalam bahasa Arab.

Dalam bahasa Melayu, kata ‘boleh’ merupakan kata bantu yang hadir sebelum frasa, yang bertugas membantu frasa kerja dan frasa sendi nama. Kata ‘boleh’ membawa unsur keizinan atau kebenaran dan tidak menyalahi peraturan. Partikel “lah” pula ialah partikel atau kata tegas yang digunakan untuk menegaskan kata yang mendahuluinya serta terikat dengannya. Dalam budaya Melayu, kata ‘boleh’ lazim digunakan dalam ayat untuk melembutkan nada ayat yang ditulis atau dilafazkan. Partikel ‘lah’ pula berfungsi memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat (Nik Safiah Karim *et al.*, Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008, p. 261).

Kata bantu `boleh' dan partikel `lah' dalam teks terjemahan juga membantu pengolahan ayat yang tertib dan tersusun dalam teks sasaran. Tanpa kata `bolehlah' ini, terjemahan yang dihasilkan menjadi kasar, kaku dan bersifat mendadak (*abrupt*). Bayangkan ayat ini: "Selepas itu, kamu meneruskan perjalanan kamu." Jika pilihan ini diambil, kita akan memiliki terjemahan teks Melayu yang tidak menepati ciri penulisan yang baik seperti yang dihasratkan oleh sarjana terjemahan pada hari ini yang menekankan penulisan yang baik dalam penterjemahan.

Contoh (7) ini membawa kita kepada kesimpulan pemerhatian yang berikut:

- i. Strategi pengeksplicitan melibatkan pengembangan satu ayat dalam teks asal kepada dua ayat atau lebih dalam teks sasaran.
- ii. Sesetengah kes penambahan perkataan yang berlaku berpunca daripada faktor lexis-tatabahasa, pragmatik dan pilihan komunikasi lazim oleh bahasa dan pembaca bahasa sasaran.

Kita beralih pula kepada contoh yang berikut dalam perbincangan di bawah topik ini.

(8)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:45 (1989:1989) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 448 /(PIB) 493

No memos

فشكره على ذلك وقبل يده، فقال له: " اركب الآن ". فركب في خاصته ومماليكه

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:46 [Kai Khusru berterima kasih kep..] (1996:1996) (Super)

Codes:[Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 493 / (RIB) 448

No memos

Kai Khusru berterima kasih kepadanya dan Malik al-Umara' mengucup tangannya lalu berkata, "Tuanku tunggamlah kuda sekarang juga." Maka Kai Khusru pun berangkat keluar dengan menunggang kuda disertai oleh semua pegawai utama serta *mamluknya*.

Konteks: Malik al-Umara' mencadangkan agar Kai Khusru yang menggantikan Sultan Ghiyathuddin Balaban yang mangkat sebagai Sultan Delhi meninggalkan kota dan melarikan diri ke wilayah Sind kerana dikatakan terdapat komplot untuk membunuhnya. Kai Khusru yang tidak tahu akan helah yang dirancang oleh Malik al-Umara' untuk mengusirnya mengucapkan terima kasih kepada Malik al-Umara'. Malik al-Umara' kemudiannya mengucup tangan Kai Khusru dan meminta baginda menunggang kudanya pada waktu itu juga.

فقال له: " اركب الآن "

Contoh (8) ini jika diterjemahkan secara literal akan membawa maksud: "Tunggamlah sekarang."

Dalam contoh (8) ini, kita dapat memerhatikan penambahan perkataan "tuanku" dan "kuda" yang padanannya tidak terdapat dalam teks asal.

Penambahan kata "tuanku" merupakan kata nama yang dieksplisitkan daripada kata perintah dalam bahasa Arab. Dalam kata perintah bahasa Arab, pembuat merupakan kata ganti nama tersembunyi dalam kata kerja perintah tersebut dan tidak akan dizahirkan. Untuk meningkatkan kejelasan dan menyesuaikan penulisan dengan konvensyen pembaca sasaran, penterjemah menambah kata "Tuanku" sebelum kata "tunggamlah", lalu menjadi "Tuanku tunggamlah". Partikel "lah" ditambah untuk meningkatkan kesantunan dalam ayat perintah. Seterusnya yang ketara ialah penambahan kata "kuda" selepas "Tuanku

tungganglah”. Jika diperhatikan dengan teliti, tidak ada perkataan yang menunjukkan “kuda” dalam teks asal.

Walau bagaimanapun, sama seperti contoh (7), penterjemah tidak boleh menterjemahkan teks asal hanya sekadar “Tuanku tunggallah sekarang” dalam contoh (8) ini kerana kata “tunggang” ialah kata kerja transitif yang memerlukan objek untuk menjadi ayat yang lengkap (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008). Menerusi konteks dan latar teks, dapat disimpulkan bahawa haiwan tunggangan yang digunakan di situ ialah kuda. Lalu kata “kuda” ditambah dalam teks sasaran untuk menjadikan susunan ayat lebih gramatis berdasarkan keperluan tatabahasa Melayu. Sekali lagi dapat dilihat bahawa faktor leksis-tatabahasa menyebabkan penterjemah mengeksplisitkan makna implisit yang terdapat dalam teks asal.

4.2.1.8 Pengeksplisitan disesuaikan dengan laras bahasa diraja dalam bahasa Melayu

(9)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:25 (1970:1970) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih padat dan ringkas] Halaman : (RIB) 453 /(PIB) 498

No memos

وقال له يوما: " لا بد أن أعطيتك مثل ما أعطيت إخوتك".
- فقال له: " الله هو الذي يعطيني ". فهال اباه هذا الكلام, وفرع منه

Pada suatu hari, sultan berkata kepadanya, “Beta mesti kurniakan apa yang telah dikurniakan kepada saudara-saudara anakanda.”

Qutbuddin menjawab, “Allah jualah yang akan mengurniaknya kepada anakanda.” Jawapan itu menakutkan ayahandanya dan menimbulkan perasaan bimbang dalam hatinya.

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:26 [Beta mesti kurniakan apa...] (1976:1976) (Super)

Codes:[Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 498 / (RIB) 453

Konteks: Dialog ini berlaku antara Sultan `Ala`uddin, Sultan India dengan anakandanya yang bernama Qutbuddin. Sultan `Ala`uddin mempunyai beberapa orang putera, iaitu Khidir Khan, Syadi Khan, Abu Bakr Khan, Mubarak Khan dan Syihabuddin. Mubarak Khan ini jugalah yang bernama Qutbuddin. Qutbuddin ini diberi layanan yang buruk oleh Sultan `Ala`uddin dan tidak mendapat bahagian daripada kemewahan atau sebarang anugerah yang lain. Sebaliknya, semua saudaranya yang lain memperoleh tanda penghormatan rasmi, iaitu panji dan gendang daripada ayahanda mereka. Lalu pada suatu hari berlaku dialog di atas antara Sultan `Ala`uddin dengan Qutbuddin.

Fokus analisis dalam contoh (9) ini ialah أعطيتك iaitu kata kerja kala lepas (الفعل الماضي) dalam bahasa Arab yang secara literal bermaksud “aku kurniai engkau” telah dieksplisitkan menjadi “Beta mesti kurniakan...” kerana penterjemah ingin menyesuaikan terjemahan dengan laras bahasa diraja dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, berlaku kesilapan dari segi sebutan diri yang diberikan oleh contoh (9) ini. Dalam contoh (9) ini, dialog yang berlaku adalah antara sultan dengan anakandanya dan bukannya antara sultan dengan rakyat. Oleh yang demikian, penggunaan `beta` dalam contoh (9) ini adalah salah dan tidak menepati kehendak bahasa diraja dalam bahasa

Melayu. Sebutan diri yang sewajarnya digunakan di sini ialah 'ayahanda' dan bukannya 'beta'.

Ini diperkukuh oleh pandangan Asmah Hj. Omar (2004) seperti yang berikut:

“Dalam bahasa diraja bentuk-bentuk dengan –nda/-anda itu tetap utuh. Dalam sesuatu keluarga diraja, sapaan anakanda, ayahanda, bonda, kanda, dinda, dan nenda itu mengambil tempat kata-kata seperti anak, ayah, emak, kakak/abang, adik dan nenek/datuk. Demikian juga sebutan diri masing-masing, menurut pangkat umur.” (Asmah Hj. Omar, Bahasa diraja edisi baharu, 2004, p. 14)

Perkataan *beta* digunakan apabila Raja bercakap dengan rakyat. Ini dijelaskan oleh Asmah Hj. Omar (2004):

“Perkataan beta digunakan oleh Raja untuk menyebut dirinya sendiri apabila bercakap dengan rakyat, dan dengan demikian arah gerakannya ialah dari atas ke bawah.” (Asmah Hj. Omar, Bahasa diraja edisi baharu, 2004, p. 20)

Kesimpulannya, penterjemah dan penyunting perlu lebih berhati-hati dalam strategi pengeksplicitan sebutan diri bahasa diraja kerana pilihan yang salah seperti dalam contoh (9) ini boleh menjejaskan mutu terjemahan yang dihasilkan.

4.2.1.9 Pengeksplisitan disesuaikan dengan bentuk ucapan dalam bahasa Melayu

(10)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:50 ["."] (165:165) (Super)

Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman : (PIB) 347 / (RIB) 316

ولما انصرفنا قال الفقيه: " أحسنت بارك الله فيك ! إن أحدا سواك لا يتجاسر على مخاطبته بذلك, ولقد عرفته بنفسه".

Ketika kami hendak beredar, Muhyiddin berkata kepadaku, “Tindakanmu sangat baik. Semoga Allah memberkatimu! Tiada orang lain selain kamu yang berani bercakap dengannya sedemikian.” Sesungguhnya aku telah membuat dia tahu siapa dirinya yang sebenar.

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:51 [“Tindakanmu sangat baik..”] (170:170) (Super)

Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 347 / (RIB) 316/

Konteks: Ketika Ibn Battutah sedang duduk bersama-sama dengan Sultan Birki, seorang tua berserban datang untuk menghadap baginda. Orang tua itu lalu duduk di atas bangku manakala qari yang membaca al-Quran pula duduk di bawahnya. Orang tua itu sebenarnya seorang tabib Yahudi. Ini menimbulkan kemarahan kepada Ibn Battutah yang kemudiannya mencerca tabib Yahudi itu dengan suara yang kuat. Sultan berasa hairan dengan sikap Ibn Battutah lalu Muhyiddin memberitahu baginda. Yahudi itu berasa marah dan keluar dari majlis dengan perasaan yang amat kecewa. Ketika hendak beredar itulah Muhyiddin mengucapkan kata-kata di atas kepada Ibn Battutah.

Fokus analisis dalam contoh (10) ini ialah ujaran bahasa Arab أحسنت بارك الله فيك! yang diterjemahkan sebagai “Tindakanmu sangat baik. Semoga Allah memberkatimu!”

Dalam contoh (10) ini, terjemahan yang diberikan oleh penterjemah dan penyunting buku Pengembaraan Ibn Battutah tidak begitu menepati konteks dan situasi dialog yang diucapkan oleh Muhyiddin kepada Ibn Battutah. Makna yang diberikan oleh buku Pengembaraan Ibn Battutah ialah makna kamus. Othman Khalid *et al.*, 2006 dalam Kamus Besar Arab-Melayu Dewan memberikan makna أحسن الشيء sebagai “membuat sesuatu dengan cukup baik atau sempurna.”

Penterjemah meminjam makna kamus ini dan memasukkannya dalam teks sasaran. Lalu dihasilkan terjemahan, “Tindakanmu sangat baik.” Meskipun terjemahan ini tepat, namun masih terdapat kekurangan dan kelemahan yang dapat dilihat dalam dialog Melayu secara keseluruhan. Makna pragmatik dalam konteks dialog di atas ialah Muhyiddin mengucapkan syabas kepada Ibn Battutah kerana keberaniannya menegur tabib Yahudi yang sombong itu, sedangkan tiada orang lain sebelum Ibn Battutah yang berani berbuat demikian. Cadangan terjemahan yang lebih wajar ialah menggabungkan ucapan tahniah yang lazim dalam bahasa Melayu, iaitu syabas dengan frasa “tindakanmu sangat baik” – “Syabas! Tindakanmu sangat baik.”

Dalam Kamus Dewan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005, p. 1557), syabas ialah “kata seruan untuk menyatakan bagus (baik dan lain-lain)”.

Kesimpulannya, dengan menggunakan perkataan yang lazim digunakan sebagai ucapan dalam budaya sasaran seperti syabas dan tahniah dalam strategi pengeksplicitan yang diterapkan oleh penterjemah boleh membantu menjadikan terjemahan lebih mantap dan

bertenaga dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, pengabaian elemen ini akan menyebabkan terjemahan yang dihasilkan terjejas dan nilai komunikasinya berkurangan.

4.2.2 Teks Arab berbentuk metafora menjadi teks Melayu berbentuk prosa biasa

Bahagian ini akan membincangkan contoh data teks sumber menggunakan bahasa metafora manakala teks Melayu hanya menggunakan prosa biasa dalam terjemahan yang dihasilkan.

4.2.2.1 Pengeksplisitan untuk menjelaskan makna denotasi yang sebenar

Pengeksplisitan juga merupakan strategi yang boleh digunakan penterjemah untuk menjelaskan makna retorik (*Balāghah* Arab) yang boleh menimbulkan kekeliruan. Teks '*Rihlah Ibn Battutah*' merupakan teks Arab klasik yang mempunyai ciri-ciri keindahan penulisan dan retoriknya yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut menampilkan cabaran yang tersendiri juga kepada penterjemah berbanding dengan teks lain yang telah kita lihat dalam bab tinjauan persuratan dan penulisan berkaitan yang lalu. Contoh (11) adalah signifikan dalam menjelaskan kenyataan ini.

(11)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:11 ["."] (185:185) (Super)
Codes: [Teks Arab lebih ringkas] Halaman : (PIB) 54 / (RIB) 66

"أنت الخصيب وهذه مصر" فتدققا فكلكما بحر"

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:12 ["Kamulah Khasib dan inilah Sun.."] (192:192) (Super)
Codes: [Terdapat penambahan perkataan (Maklumat berlebihan)] Halaman : (PIB) 54 / (RIB) 66/

*"Kamulah Khasib dan inilah Sungai Nil
sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan."*

Konteks: Khasib ialah gabenor negeri Mesir yang disorot kisah hidupnya oleh Ibn Battutah dalam karyanya. Khasib asalnya seorang hamba yang hina tetapi khalifah Bani `Abbas

telah melantiknya menjadi gabenor negeri Mesir. Khasib seorang yang amat pemurah. Sesuatu berlaku hingga menyebabkan kemurkaan Khalifah lalu Khalifah menitahkan agar kedua-dua biji mata Khasib dicungkil dan beliau diusir dari Mesir ke Baghdad. Setelah mata Khasib dicungkil, beliau ditinggalkan di pasar di Baghdad. Pada ketika inilah Khasib disapa oleh seorang penyair yang datang dari Baghdad ke Mesir untuk menziarahi Khasib dan mengucapkan kasidah puji-pujian terhadap dirinya. Lalu Khasib berkata kepadanya apakah gunanya dia mendengar semua itu lagi sedangkan nasibnya telah menjadi sedemikian teruk. Penyair itu berkata dia hanya berhasrat mendendangkannya supaya Khasib mendengarnya meskipun dia tidak diberi hadiah apa-apa. Khasib pun lalu meminta penyair itu mengucapkan madahnya. Kasidah tersebut ialah yang berikut:

فتدققا فكلما بحر

"أنت الخصب وهذه مصر

*"Kamulah Khasib dan inilah Sungai Nil
sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan."*

Dalam kasidah puji-pujian ini, perkataan مصر (Mesir) boleh mencetuskan kekeliruan. Lafaz مصر di sini merupakan suatu contoh teknik retorik atau *Balāghah* dalam bahasa Arab. Bentuk retorik di sini ialah *Majāz Mursal*. *Majāz Mursal* ialah kata yang digunakan bukan pada makna asal, kerana tidak terdapat hubungan *musyābahah* (keserupaan), tetapi *qarīnah* yang ada menghalang pemahaman makna asal. Dalam petikan ini, yang dimaksudkan dengan Mesir dalam kasidah ini bukanlah negeri Mesir tetapi sebaliknya Sungai Nil. Hubungan antara yang dilafazkan secara eksplisit, iaitu Mesir dengan maksudnya yang sebenar di sini yang berbentuk implisit, iaitu Sungai Nil merupakan hubungan *al-kulliyah*. Hubungan *al-kulliyah* bermaksud apa yang disebut ialah keseluruhan tetapi yang

dimaksudkan ialah bahagiannya yang lebih kecil. Dalam konteks contoh ini, yang disebut ialah negeri Mesir, tetapi yang dimaksudkan sebenarnya ialah Sungai Nil.

Qarīnah atau *cotext* (teks iringan) yang terdapat dalam ayat ini, iaitu lautan dalam “sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan” menunjukkan apa yang dimaksudkan di sini bukanlah negeri Mesir (makna asal perkataan) tetapi sebaliknya Sungai Nil. Dalam bahasa dan budaya Arab, Sungai Nil sering dianggap sebagai lautan kerana sifatnya yang pemurah yang memberikan limpahan rezeki kepada penduduk Mesir. Dalam kasidah puji-pujian ini, penyair menyamakan Khasib dengan Sungai Nil kerana kedua-duanya sangat terkenal dengan sifat pemurah.

Sekali lagi konsep penghindaran risiko Pym (2005) dapat dilihat di sini. Penterjemah berusaha untuk mengelakkan daripada memberikan interpretasi yang salah terhadap makna teks asal. Penterjemah ingin menghindarkan pembaca daripada risiko salah faham terhadap makna bersifat budaya dalam teks asal. Kebimbangan demikian mendorong penterjemah mengeksplisitkan makna implisit yang terdapat dalam makna denotasi perkataan ‘Mesir’ tersebut. Dengan menterjemahkan Mesir sebagai Sungai Nil, maksud seperti yang dikehendaki oleh ilmu *Balāghah* Arab dapat ditepati sekali gus memudahkan pembaca memahami makna rujukan sebenar yang dimaksudkan oleh teks sumber. Perbincangan ini membawa kita kepada pemerhatian yang berikut:

- i. Makna metafora *majāz mursal* dalam teks asal adalah dalam bentuk implisit akan tetapi penterjemah telah mengeksplisitkannya untuk menghindarkan kekeliruan makna rujukan dalam teks sasaran dan menyampaikan maksud yang sebenar berdasarkan budaya sumber.

- ii. Strategi pengeksplicitan dapat membantu penterjemah menyelesaikan masalah penterjemahan makna denotasi yang sukar yang disebabkan oleh faktor kehalusan bahasa dan *Balāghah* Arab itu sendiri di samping menghasilkan teks terjemahan yang lebih komunikatif sifatnya yang dapat memudahkan kefahaman pembaca. Jika strategi pengeksplicitan ini tidak dilaksanakan, terdapat risiko penyampaian maksud yang salah kepada pembaca, kerana dalam contoh petikan ini, Mesir bermakna Sungai Nil dan bukannya negeri Mesir. Ini merupakan sesuatu yang sangat jauh berbeza dan sesuatu yang agak rumit (*tricky*) yang boleh menjejaskan terjemahan khususnya dari aspek makna jika isu ini tidak ditangani dengan sewajarnya dalam penterjemahan.

4.2.2.2 Pengeksplicitan untuk menjelaskan makna metafora

Dalam contoh (12) yang berikut, dapat dilihat bagaimana strategi pengeksplicitan membantu penterjemah mengatasi kesukaran menterjemahkan ayat teks asal yang berbentuk metafora. Dapatan ini merupakan sesuatu yang menarik dan kurang dijangkakan kerana lazimnya dalam perbualan, penutur menggunakan bahasa yang bukan berbentuk metafora untuk memudahkan interlocutor memahami ujaran yang dituturkan. Data yang dapat dikumpulkan untuk kategori ini sememangnya tidak banyak berkemungkinan besar disebabkan sifat dialog itu sendiri yang tidak memerlukan penggunaan bahasa metafora. Walau bagaimanapun, kekurangan data bukanlah menunjukkan bahawa perbincangan mengenai penterjemahan makna implisit kategori ini boleh diabaikan.

(12)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:33 (1179:1179) (Super)

Codes:[Teks Arab berbentuk metafora] (RIB) 285 / (PIB) 311

No memos

فوقفت بين يديه وقالت: " يا أبا محمد طغى الشيطان في رأسي "

!

4. Codes: [Teks Melayu berbentuk prosa biasa] (1-0)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:34 (1180:1180) (Super)

Codes:[Teks Melayu berbentuk prosa biasa] (PIB) 311 / (RIB) 285

No memos

Wanita itu berdiri di hadapan Sultan Abu Muhammad dan berkata kepadanya, “Wahai Abu Muhammad! Syaitan telah menguasai hamba.”

Konteks: Pada suatu hari, ketika Ibn Battutah berada di sisi Sultan Oman, iaitu Sultan Abu Muhammad ibn Nabhan, seorang wanita yang muda, cantik dan tidak berhijab datang menghadap baginda. Wanita itu lalu berdiri di hadapan Sultan Abu Muhammad dan mengadu tentang keadaan dirinya yang suka membuat kejahatan.

Teks sumber dalam contoh (12) ini jika diterjemahkan secara literal akan membawa maksud: “Wahai Abu Muhammad! Syaitan telah melampaui batas di kepala hamba.”

Dalam petikan ini, terdapat penggunaan unsur *kināyah* menurut *Balāghah* Arab. *Kināyah* merupakan ungkapan yang menggunakan makna yang tersirat tetapi pada masa yang sama harus juga menggunakan makna yang tersurat.

Kināyah yang dapat difahami dalam petikan perbualan ini ialah bahawa syaitan telah menguasai seluruh pemikiran wanita ini sehingga dia seolah-olah sudah menjadi tawanan kepada syaitan. Dalam contoh (12) ini, penterjemah telah mengeksplisitkan makna implisit metafora *kināyah* dalam teks sumber menjadi prosa biasa yang dapat difahami dengan mudah oleh pembaca sasaran. Apabila syaitan dapat menguasai kepala seseorang, maksudnya ialah syaitan dapat menguasai fikiran seseorang dan menguasai diri orang itu

sendiri. Terjemahan yang diberikan oleh teks sasaran: “Wahai Abu Muhammad! Syaitan telah menguasai hamba” tuntas dan berkesan bukan sahaja kerana nilai perkataannya yang ringkas tetapi memadai untuk menyampaikan mesej yang dimaksudkan oleh teks Arab ini.

Contoh (12) ini menjana pemerhatian yang berikut: Penterjemah yang hanya memindahkan makna literal teks sumber berhadapan dengan risiko menghidangkan pembacaan yang aneh, pelik dan tidak dapat difahami oleh pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, cabaran penterjemahan yang wujud disebabkan oleh isu-isu *Balāghah* Arab bukanlah mudah untuk diatasi. Mengenal pasti unsur *Balāghah* Arab dalam teks merupakan suatu kemahiran dan mendalami ilmu *Balāghah* Arab itu sendiri merupakan suatu proses pembelajaran yang penting dalam penterjemahan Arab-Melayu. Malah, ketiadaan keterampilan dan kecekapan mengenai *Balāghah* Arab boleh membawa kepada kegagalan penterjemahan yang sukar dimaafkan.

4.2.3 Perbincangan dan rumusan

Beberapa dapatan penting telah diperoleh dalam perbincangan di bawah taksonomi bentuk makna implisit diubah menjadi bentuk makna eksplisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’. Di bawah taksonomi teks Arab lebih ringkas dan padat dan teks Melayu mengandungi perkataan dan maklumat yang berlebihan, pengkaji merumuskan dapatan yang berikut:

- i. Penterjemahan melibatkan komunikasi antara penterjemah dengan pembaca. Dialog pula melibatkan komunikasi antara penutur dengan pendengar. Prinsip Kerjasama (*Cooperative Principles*) Grice yang mengandungi maksim-maksim berguna untuk memastikan komunikasi yang berkesan dapat memainkan peranan dalam keputusan penterjemah untuk mengeksplicitkan makna implisit teks sumber. Maksim kuantiti membolehkan penterjemah melihat cara untuk memberikan sumbangan secara informatif sebagaimana yang diperlukan, dan tidak memberikan sumbangan yang lebih informatif daripada apa yang diperlukan. Dalam konteks ini, pengeksplicitan dilakukan oleh penterjemah buku '*Rihlah Ibn Battutah*' untuk memberikan maklumat yang difikirkan mencukupi untuk khalayak pembaca sasaran.
- ii. Pengeksplicitan dilakukan oleh penterjemah untuk merapatkan jurang budaya pembaca sasaran dengan makna implisit yang terdapat dalam teks sumber dengan demikian membolehkan teks sasaran berinteraksi secara lebih ekspresif dengan pembaca sasaran. Dalam wacana dialog, penutur menyampaikan maksud yang lebih luas daripada sekadar apa yang dituturkan dan dilafazkan. Ini sejajar dengan pandangan sarjana pragmatik seperti Leech (1983) yang menyatakan bahawa "*speakers often mean more than they say*". Makna implisit oleh penutur dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*' inilah menjadi faktor yang mendorong berlakunya pengeksplicitan dalam penterjemahan.
- iii. Dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*', penghindaran risiko yang menjadi faktor utama pengeksplicitan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pym (2005) boleh dikaitkan dengan faktor agama Islam itu sendiri. Faktor agama mendorong penterjemah melakukan pengeksplicitan dalam penterjemahan supaya terjemahan yang dihasilkan tidak mengelirukan pembaca dan mengakibatkan salah

faham. Ini diperkukuh oleh pandangan Long (2005) yang menegaskan bahawa faktor agama telah menyebabkan kebanyakan terjemahan teks-teks keagamaan menjadi lebih panjang kerana faktor leksikal dan terminologi yang hendak dijelaskan oleh penterjemah kepada pembaca sasaran. Justeru, dapat dirumuskan di sini bahawa faktor agama mendorong penggunaan strategi pengeksplisitan oleh penterjemah dalam terjemahan teks keagamaan termasuklah '*Rihlah Ibn Battutah*' ini sendiri.

- iv. Pengeksplisitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' juga didapati didorong oleh komunikasi perbualan atau dialog itu sendiri. Penambahan frasa keterangan seperti "untuk pengetahuan saudara" yang dibincangkan dalam analisis data merupakan frasa yang boleh ditambah oleh penterjemah Arab-Melayu ketika menterjemahkan dialog Arab yang agak mendadak stailnya dari segi transisi dan struktur bahasa perbualan.
- v. Mengolah semula dialog dalam '*Rihlah Ibn Battutah*' menjadi dialog yang hidup dan berinteraksi secara lebih ekspresif dengan pembaca sasaran sesungguhnya merupakan elemen yang penting dan strategi pengeksplisitan menggunakan asas-prinsip pragmatik dalam wacana perbualan sangat membantu penterjemah Arab-Melayu dalam mengolah semula perbualan Arab menjadi perbualan yang lancar dan berkesan dalam bahasa Melayu.
- vi. Pemahaman penterjemah terhadap latar dan persekitaran teks adalah penting dalam memahami konteks teks yang sebenar untuk membantu penterjemah membuat keputusan untuk mengeksplisitkan makna yang implisit dalam teks sumber apabila keadaan dan situasi teks sasaran memerlukan demikian.
- vii. Pengeksplisitan perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kejelasan (*clarity*) dan kehalusan (*elegance*) teks, iaitu dua komponen penulisan yang baik bagi unsur

kebenaran estetika yang disebut oleh Newmark (2005) dalam artikelnya “*The Translator as Writer*” sebagai antara komponen penting bagi teori terjemahan yang komprehensif. Pengeksplisitan turut penting untuk memudahkan pembaca sasaran yang bukan profesional mengakses dan memahami buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’.

- viii. Pengeksplisitan dalam penterjemahan Arab-Melayu juga tidak lari daripada didorong oleh faktor leksis-tatabahasa yang memerlukan penterjemah mengeksplitkan makna yang implisit untuk disesuaikan dengan tatabahasa bahasa sasaran. Di samping itu, penambahan perkataan dalam teks sasaran untuk mengekspliskan makna yang implisit juga didapati berupaya meningkatkan daya (*force*) mesej yang ingin disampaikan.
- ix. Pengeksplisitan makna konotasi dalam teks sumber menjadi makna konotasi yang lebih intensif sifatnya dan yang lebih eksplisit dalam teks sasaran memerlukan penterjemah memahami konteks dan latar belakang teks dengan jitu dan mendalam. Strategi yang digunakan oleh penterjemah ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ ini berjaya membantu penterjemah mempertingkatkan mutu dan kehalusan bahasa teks sasaran.
- x. Kajian ini turut menemui dapatan sama yang menunjukkan strategi pengeksplisitan Klaudy dan Károly (2005) bahawa pengeksplisitan melibatkan pengembangan satu ayat dalam teks sumber menjadi dua ayat dalam teks sasaran. Dalam sesetengah kes, penambahan perkataan berlaku berpunca daripada faktor leksis-tatabahasa, pragmatik dan pilihan komunikasi lazim bahasa dan pembaca sasaran.
- xi. Strategi pengeksplisitan menerusi penambahan klausa baharu dalam bahasa sasaran dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ didapati berupaya untuk menambah elemen baharu yang bermakna dalam bahasa teks sasaran.

- xii. Strategi pengeksplisitan perlu dilaksanakan dengan teliti dan berhati-hati agar makna pragmatik yang wujud dalam teks sumber disesuaikan dengan laras bahasa diraja dan bentuk ucapan yang tepat dalam bahasa Melayu. Terdapat sedikit kelemahan dalam terjemahan yang tersedia dalam buku Pengembaraan Ibn Battutah yang sekiranya ditambah baik akan memantapkan lagi edisi terjemahan Melayu yang diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ini.

Bagi tema teks Arab berbentuk metafora dan teks Melayu berbentuk prosa biasa, dapatan penting yang berikut telah ditemui:

- i. Faktor ilmu *Balāghah* Arab turut memainkan peranan yang penting dalam strategi pengeksplisitan dalam penterjemahan Arab-Melayu. Dalam data yang dianalisis, makna metafora *majāz mursal* dalam teks Arab adalah dalam bentuk implisit. Namun, pengeksplisitan makna dilakukan di sini untuk menghindarkan kekeliruan makna rujukan dalam teks sasaran selain menyampaikan maksud yang sebenar berdasarkan budaya teks sumber.
- ii. Strategi pengeksplisitan penting untuk membantu penterjemah mengatasi kesukaran menterjemahkan makna implisit denotasi yang disebabkan oleh faktor *Balāghah* Arab itu sendiri. Dalam sesetengah kes, jika strategi pengeksplisitan tidak dilakukan, risiko menyampaikan maksud yang salah kepada pembaca boleh berlaku.
- iii. Penterjemah Arab-Melayu yang hanya memindahkan makna literal teks sumber khususnya dalam teks yang mengandungi unsur-unsur *Balāghah* Arab berhadapan dengan risiko menghidangkan suatu pembacaan yang aneh, pelik dan tidak dapat difahami pembaca sasaran.

- iv. Cabaran penterjemahan yang wujud disebabkan oleh isu-isu *Balāghah* Arab dalam penterjemahan bukanlah mudah dan sesuatu yang boleh dipandang ringan oleh penterjemah Arab-Melayu. Mengenal pasti unsur *Balāghah* Arab itu sendiri merupakan satu kemahiran dan keterampilan tahap tinggi manakala mendalami ilmu *Balāghah* Arab itu pula merupakan antara syarat penting ke arah menjadi penterjemah yang cekap.

Bahagian ini memperlihatkan bahawa pengeksplisitan bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' mempunyai bentuk dan pola yang berbeza-beza, daripada peringkat item leksikal, frasa dan klausa hinggalah peringkat ayat. Faktor yang mendorong pengeksplisitan juga adalah pelbagai, daripada prinsip kerjasama Grice, agama, budaya, penghindaran risiko, norma, situasi, wacana perbualan, lexis-tatabahasa, pragmatik hinggalah *Balāghah* Arab semuanya mempunyai kesan dan impak yang tersendiri terhadap proses pengeksplisitan bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

4.2.4 Bentuk makna implisit dikekalkan implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'

Penting dinyatakan di sini walaupun taksonomi ini mencadangkan bahawa bentuk makna implisit terus dikekalkan dalam bentuk implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn*


Battutah', data tetap dianalisis dan dikodkan menggunakan parameter yang sama, iaitu kewujudan ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sasaran dengan teks sumber. Ini bermaksud terdapat sesuatu yang istimewa dan berbeza yang dapat diperhatikan dalam data yang dianalisis.

Dengan menggunakan perisian ATLAS.ti, pengkaji telah memerhatikan data dan menemui ciri persamaan yang terdapat pada data yang dikelompokkan di bawah di bawah taksonomi ini. Enam tema yang telah dikenal pasti mencakup yang berikut:

<i>Rihlah Ibn Battutah</i>	<i>Pengembaraan Ibn Battutah</i>
Makna implisit dalam bentuk perkataan dalam teks Arab	Teks Melayu menggunakan kata pinjaman untuk menyampaikan maklumat
Teks Arab menunjukkan makna yang tersirat	Teks Melayu juga menunjukkan makna yang tersirat
Teks Arab berbentuk metafora	Teks Melayu juga berbentuk metafora

Jadual 4.6: Tema-tema bagi taksonomi bentuk makna implisit dikekalkan implisit

Dengan menggunakan platform ATLAS.ti, hasil daripada taksonomi pertama ini dan tema-tema di bawahnya berjaya menandakan pemetaan konseptual yang berikut:



Rajah 4.2 Bentuk Makna Implisit Dikekalkan

4.2.4.1 Bentuk makna denotasi implisit dikekalkan implisit

Di bawah taksonomi ini, analisis menemui 13 dapatan yang menunjukkan makna denotasi yang agak sukar difahami rujukan atau maksudnya terus dikekalkan dalam bentuk makna yang implisit juga dalam bahasa Melayu.

Empat contoh berikut yang dihuraikan dalam paparan analisis berikut merupakan yang paling ketara. Konsep yang bersumberkan syariah Islam dan melibatkan hukum, yang agak sukar difahami oleh sesetengah pembaca yang bukan profesional terus dikekalkan implisit.

(13)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:37 (1770:1770) (Super)

Codes:[Makna Implisit dalam bentuk perkataan] Halaman : (PIB) 439 / (RIB) 394

No memos

"- قالت: " لا ألبس ثوبا وقع عليه بصر غير ذي محرم مني

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:38 [Isteri amir itu pun berkata, “..] (1774:1774) (Super)

Codes:[Menggunakan kata pinjaman untuk menyampaikan maksud] Halaman : (PIB) 439 / (RIB) 394

No memos

Isteri amir itu pun berkata, “Aku tidak akan memakai baju yang telah dipandang oleh orang yang bukan *muhram*.”

Konteks: Dialog ini berlaku antara isteri amir dengan pegawai khalifah yang datang ke Balkh untuk memulangkan baju bersulam permata yang diberikan oleh isteri amir kepada khalifah sebagai membayar denda yang dikenakan oleh khalifah terhadap penduduk Balkh. Khalifah berasa malu terhadap kemurahan hati isteri amir yang memberikan sesuatu yang nilainya mengatasi jumlah denda yang dikenakan. Baginda lalu mengambil keputusan untuk memulangkan baju bersulam mata tersebut kepada isteri amir. Walau bagaimanapun, isteri amir menolak pemulangan tersebut dengan menyatakan bahawa dia tidak akan memakai baju yang telah dipandang oleh orang yang bukan *muhram*.

Dalam contoh ini, item leksikal *muhram* merupakan *realia* (makna rujukan) yang bersifat spesifik budaya. Sesetengah budaya, terutamanya masyarakat Islam dapat memahaminya dengan lebih baik berbanding dengan budaya lain. Bagi pembaca bahasa Melayu, perkataan *muhram* bukanlah item leksikal yang terlalu sukar untuk difahami dan memerlukan penjelasan, meskipun segelintir pembaca sasaran mungkin masih lagi tidak dapat memahaminya. Dalam terjemahan bahasa Inggeris, penterjemahnya terpaksa

mengeksplisitkan perkataan *muhram* dengan penjelasan yang agak panjang, iaitu “*those within the forbideen degrees of relationship to me*”.

She said, ‘I shall not wear a robe upon which there has lighted the eye of any man other than those within the forbidden degrees of relationship to me.’ (Gibb, H.A.R. (trans. and ed. Vol. 3), 1971, p. 572)

Dalam contoh (13) ini penterjemah terus mengekalkan elemen budaya asing dalam teks terjemahan dengan menggunakan perkataan pinjaman “*muhram*” yang telah diterima dalam bahasa Melayu. Hakikatnya, menyuntik elemen asing daripada budaya asing ke dalam teks sasaran merupakan pendekatan yang disokong oleh banyak sarjana seperti Venuti (1995) yang giat memperkenalkan strategi pengasingan (*foreignising*) dalam penterjemahan. Pembaca menurut Venuti (1995), bukan sahaja perlu dihidangkan dengan suatu terjemahan, tetapi pengalaman pembacaan baharu yang memberikan tambahan maklumat menerusi pengenalan budaya asing dan item leksikal asing dalam teks terjemahan.

Pemerhatian yang dapat disimpulkan di sini ialah:

- i. Pengekalan bentuk makna implisit teks sumber dalam teks sasaran boleh dilakukan apabila tidak terdapat jurang budaya yang besar dan makna implisit yang dikekalkan itu dapat difahami pembaca sasaran serta tidak menjejaskan koheren dan kesinambungan teks.
- ii. Item leksikal bahasa sasaran yang telah dipinjam daripada bahasa teks sumber dan digunakan dalam bahasa sasaran boleh digunakan dalam teks sasaran sebagai suatu strategi pengekalan bentuk makna implisit.

4.2.4.2 Pengimplisitan didorong oleh faktor nilai kesantunan

Terjemahan sangat berkaitan dengan budaya, terutamanya budaya bahasa sasaran. Dalam isu yang sensitif melibatkan hubungan suami dan isteri, bahasa Melayu cenderung mengungkapkan hubungan seks dalam perkahwinan dengan cara yang santun dan berkias. Faktor nilai kesantunan ini juga mempunyai hubung kait yang kukuh dengan strategi pengimplisitan dalam penterjemahan yang dibincangkan di sini.

Dalam contoh yang berikut, terjemahan dalam teks sasaran terus mengekalkan bentuk makna implisit mengenai hubungan seks antara suami dengan isteri dengan menggunakan perkataan Melayu yang mempunyai nilai kesantunan dari segi item leksikal dan mesej yang hendak disampaikan.

(14)

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:53 (274:274) (Super)

Codes:[Teks Arab menunjukkan makna yang tersirat] Halaman : (RIB) 97/ (PIB) 91

No memos

- . فبعث إليه ان يحله فقال: " لا أهلك حتى يقع اجتماعك بزوجتك". فلما كان الليل واقعها

P 1: DATA BABMBI RIB.rtf - 1:56 [Apabila Adham meminta baginda menghalalkannya, baginda berkata, “Beta tidak akan menghalalkannya untukmu kecuali setelah kamu bersatu dengan isterimu.” Maka apabila malam tiba, Adham pun bersatu dengan isterinya..] **(277:277) (Super)**

Codes:[Teks Melayu menunjukkan makna yang tersirat] Halaman :_(PIB) 91 / (RIB) 97

No memos

Konteks: Dialog ini berkisar tentang kisah Adham yang zuhud. Adham telah mengutip dan memakan sebiji epal di sungai tempat dia mengambil wuduk di Bukhara. Beliau lalu ingin memohon pemilik epal itu menghalalkan epal yang dimakannya. Akhirnya beliau terpaksa menemui Sultan yang berada di Balkh untuk menunaikan hasratnya itu. Namun, baginda hanya mahu menghalalkan epal tersebut dengan syarat Adham mengahwini puterinya dan

memenuhi tuntutan perkahwinan tersebut. Hal ini berlaku demikian kerana setelah memenuhi permintaan baginda untuk berkahwin, Adham hanya terus menunaikan solat hingga menjelang pagi dan belum lagi memenuhi erti kata perkahwinan yang sebenar.

Dalam contoh (14) ini, terdapat dua perkataan yang menunjukkan makna berkaitan dengan hubungan jenis antara suami dengan isteri disampaikan secara implisit dalam teks sumber, iaitu *اجتماعك* dan *واقعتها*.

- فبعث إليه ان يحله فقال: " لا أحلك حتى يقع اجتماعك بزوجتك". فلما كان الليل واقعتها

اجتماعك diterjemahkan sebagai bersatu, namun *واقعتها* yang mempunyai maksud dan nada yang lebih kuat daripada perkataan *اجتماعك* meskipun ia masih dalam bentuk yang implisit, juga tetap diterjemahkan sebagai bersatu dalam bahasa Melayu. Hal ini memperlihatkan pilihan penterjemah untuk menyatakan secara implisit hal rumahtangga yang berkaitan dengan hubungan jenis atau bersetubuh. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005, p. 1397), bersatu membawa maksud yang mencakup “bh (bahasa halus) melakukan hubungan jenis, bersetubuh, bersama”.

Pemerhatian yang dapat disimpulkan di sini ialah bahawa bentuk makna implisit dalam teks sumber terus dikekalkan implisit dalam teks sasaran khususnya dalam isu yang berkaitan dengan hubungan seks antara pasangan suami isteri yang lazimnya disampaikan secara tertib dan santun menggunakan bahasa halus dalam bahasa Melayu. Ditambah pula oleh faktor buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang dilihat sebagai antara produk buku keagamaan yang diterbitkan oleh penerbit yang memikul mandat untuk menyebarkan kefahaman Islam di Malaysia, iaitu Institut Kefahaman Malaysia, keperluan menggunakan bahasa halus dalam terjemahan teks sasaran menjadi semakin penting dan amat perlu diberikan perhatian oleh penterjemah.

4.2.4.3 Bentuk makna metafora teks asal dikekalkan implisit dalam teks sasaran

Dalam penterjemahan, tidak kerap berlaku bentuk makna metafora dalam teks asal dikekalkan implisit dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, ketiadaan kekerapan bukan bermakna kewujudannya boleh diabaikan oleh penterjemah. Bentuk makna metafora teks asal yang dikekalkan implisit dalam teks sasaran ditunjukkan oleh contoh (15) dan (16) yang berikut:

(15)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:43 (2346:2346) (Super)

Codes:[Teks Arab berbentuk metafora] Halaman : (RIB) 489 / (PIB) 551

No memos

فلما كان اليوم الرابع عشر بعث إليه السلطان بطعام مع مخلص الملك، فأبى أن يأكل وقال: "قد رفع رزقي من الأرض، ارجع بطعامك إليه". فلما أخبر بذلك السلطان أمر عند ذلك أن يطعم الشيخ خمسة أستار من العذرة، وهي رطلان ونصف من أرطال المغرب

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:44 [Pada hari yang keempat balas, sultan mengirim makanan kepadanya melalui Mukhlis al-Mulk tetapi Syihabuddin enggan memakannya malahan berkata, "Rezekiku di dunia telah diangkat. Pulangkan makanan ini kepada baginda. Apabila diberitahu tentang hal tersebut, sultan dengan serta-merta menitahkan supaya Syeikh Syihabuddin diberi makan lima astar najis manusia iaitu dua setengah ratl mengikut sukatan negeri Maghribi...] **(2354:2354) (Super)**

Codes:[Teks Melayu juga berbentuk Metafora] Halaman : (PIB) 551 / (RIB) 489 / (TIB) 697-699

No memos

Konteks: Syeikh Syihabuddin terlibat dalam suatu penentangan terhadap Sultan Muhammad Tughluq Syah, iaitu Sultan India. Keengganannya untuk menarik balik kata-katanya terhadap baginda bahawa baginda ialah orang yang zalim mengakibatkan Syihabuddin menerima siksaan yang berterusan. Dalam konteks dialog ini, baginda mengirimkan makanan kepada Syihabuddin melalui Mukhlis al-Mulk tetapi Syihabuddin

enggan memakannya dan meminta agar makanan itu dipulangkan kembali kepada baginda sultan.

Fokus kita dalam perbincangan ini ialah teks Arab: *قد رفع رزقي من الأرض* dan padanannya dalam teks Melayu: “Rezekiku di dunia telah diangkat”.

Dalam contoh (15) ini, teks Arab merupakan ungkapan berbentuk metafora, iaitu *kināyah* yang indah. Ungkapan *kināyah* tersebut bermaksud bahawa Syihabuddin menyatakan bahawa kehidupannya dan rezekinya telah berakhir dan Allah SWT yang telah menetapkan rezeki dan ajal maut seseorang. Oleh itu, Syihabuddin tidak memerlukan makanan itu lagi dan meminta agar makanan dipulangkan kepada baginda. Penterjemah Melayu dilihat mempunyai peluang besar untuk mengeksplisitkan makna metafora dalam ayat ini tetapi sebaliknya mengambil keputusan untuk terus mengekalkan bentuk makna implisit metafora tersebut dalam teks sasaran. Daripada pilihan terjemahan seperti “rezekiku di dunia telah berakhir” penterjemah membuat pilihan untuk melakukan pengimplisitan yang dapat memberikan kesan dramatik yang lebih besar dalam teks sasaran. “Rezekiku di dunia telah diangkat” benar-benar menyampaikan mesej yang bertepatan dengan situasi Syihabuddin yang ingin menempelak baginda sultan dan orangnya yang menyiksa beliau.

Pilihan yang dibuat oleh penterjemah ini membuktikan kebenaran pandangan Thomas J. (1995) bahawa strategi pengimplisitan makna boleh dilakukan oleh seseorang penutur, penulis atau penterjemah untuk menunjukkan dan memperlihatkan bahasa yang menarik.

Pemerhatian yang dapat disimpulkan menerusi contoh ini ialah bahawa bentuk makna metafora dalam teks asal boleh dikekalkan implisit dalam teks sasaran untuk mengekalkan unsur-unsur bahasa, makna dan mesej teks sumber dengan cara yang menarik dan berkesan dalam teks sasaran.

(16)

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:13 (1306:1306) (Super)

Codes:[Teks Arab berbentuk metafora] Halaman : (RIB) 47 / (PIB) 33

No memos

- ولما أردت النوم قال لي : " إصعد إلى سطح الزاوية فتم هنالك "
- فقلت للأمير : " بسم الله "
- فقال لي : " وما منا إلا له مقام معلوم " . فصعدت السطح فوجدت به حصيرا ونطعا وأنية للوضوء وجرة ماء وقدحا للشرب. فتمت هنالك.

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:14 Apabila aku hendak tidur, Syeikh Abu `Abdillah berkata kepadaku, “Naiklah ke bumbung *zawiyah* ini dan tidurlah di sana.” Aku pun berkata kepada amir, “Dengan nama Allah.” Beliau menjawab pula, “Setiap seorang daripada kita mempunyai tempatnya yang tertentu.” Aku pun menaiki bumbung *zawiyah* dan di situ kudapati ada tilam, tikar kulit serta bekas air untuk mengambil wuduk, sejag air minuman di samping sebiji cawan lalu aku pun tidur di situ. **(1404:1404) (Super)**

Codes:[Teks Melayu juga berbentuk Metafora] Halaman : (PIB) 33 / (RIB) 47

No memos

Konteks: Ketika Ibn Battutah berada di *zawiyah* Syeikh Abu `Abdillah, Syeikh Abu `Abdillah telah meminta Ibn Battutah untuk naik ke bumbung *zawiyah* dan tidur di sana. Ibn Battutah akur dengan permintaan Syeikh Abu `Abdillah itu. Syeikh Abu `Abdillah lalu berkata, “Setiap seorang daripada kita mempunyai tempatnya yang tertentu.” Ibn Battutah menaiki bumbung *zawiyah* dan mendapati keperluan seperti tilam, tikar kulit serta bekas air untuk mengambil wuduk, sejag air minuman dan sebiji cawan semuanya telah tersedia di bumbung *zawiyah* itu.

Fokus analisis dalam contoh (16) ini ialah " وما منا إلا له مقام معلوم " yang diucapkan oleh Syeikh Abu `Abdillah dan diterjemahkan sebagai “setiap seorang daripada kita mempunyai tempatnya yang tertentu.”

" وما منا إلا له مقام معلوم " sebenarnya ialah firman Allah SWT, ayat 164, Surah *al-Shaffat* yang bermaksud “Tiada seorang pun antara kami (malaikat) melainkan mempunyai kedudukan yang tertentu.” (Al-Quran dan Terjemahannya, 1971, p. 729)

Dalam contoh (16) ini dapat diperhatikan bahawa penutur, iaitu Syeikh Abu `Abdillah sememangnya mengucapkan kata-kata yang dipinjam daripada al-Quran tersebut dalam nada yang implisit (intertekstualiti). Oleh yang demikian, terjemahan kata-kata tersebut juga dibiarkan implisit dalam bahasa Melayu dan penterjemah tidak perlu berusaha keras untuk mengeksplisitkannya supaya bahasa kiasan dan juga intertekstualiti dengan ayat al-Quran yang terdapat dalam dialog itu terus terpelihara dan tidak terjejas.

4.2.4.4 Rumusan dan perbincangan

Taksonomi kedua kajian ini, iaitu bentuk makna implisit dikekalkan implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' telah menjana beberapa dapatan yang penting. Bagi tema makna implisit Arab dalam bentuk perkataan dan teks Melayu menggunakan perkataan pinjaman untuk menyampaikan maksud, dapatan yang berikut dapat dirumuskan:

- i. Pengekalan bentuk makna implisit teks sumber dalam teks sasaran boleh dilakukan apabila tidak terdapat jurang budaya yang besar dan makna implisit yang dikekalkan itu dapat difahami pembaca sasaran selain tidak menjejaskan kekoheranan dan kesinambungan teks.
- ii. Item leksikal bahasa sasaran yang telah dipinjam daripada bahasa Arab dan digunakan dalam bahasa sasaran boleh digunakan dalam teks sasaran sebagai suatu strategi pengekalan bentuk makna implisit.

Bagi tema teks Arab menunjukkan makna yang tersirat dan teks Melayu juga menunjukkan makna yang tersirat, dapat dirumuskan bahawa bentuk makna denotasi yang implisit dalam teks sumber terus dikekalkan implisit khususnya dalam isu yang berkaitan dengan seks dan

perkahwinan untuk menepati elemen kesantunan dan kehalusan bahasa Melayu. Memandangkan buku terjemahan ini diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), elemen kesantunan dan kehalusan bahasa sememangnya wajar diprihatinkan.

Bagi tema teks Arab berbentuk metafora dan teks Melayu juga berbentuk metafora, dapatan menunjukkan bahawa bentuk makna metafora dalam teks Arab seperti *kināyah* dikekalkan dalam teks sasaran untuk mengekalkan unsur kehalusan bahasa, mesej dan unsur dramatik yang menimbulkan kesan yang menarik terhadap khalayak pembaca teks sasaran.

Secara ringkasnya, meskipun bentuk dan pola makna implisit teks asal yang dikekalkan dalam teks sasaran tidaklah begitu pelbagai berbanding dengan dapatan yang ditemui di bawah taksonomi pengeksplicitan makna implisit teks sumber dalam teks sasaran, kesukaran penterjemahan kategori ini tetap tidak boleh dipandang ringan dan diperkecil oleh penterjemah khususnya penterjemah Arab-Melayu.

Antara faktor utama yang mendorong strategi pengimplisitan termasuklah kewujudan perkataan pinjaman dalam bahasa sasaran yang membawa maksud item leksikal yang mengandungi makna implisit dalam teks sumber. Selain itu, pengimplisitan juga didorong oleh faktor nilai kesantunan bahasa Melayu itu sendiri terutamanya dalam isu sensitif yang berkaitan dengan seks dan perkahwinan. Satu lagi faktor yang mendorong pengimplisitan ialah usaha penterjemah untuk mengekalkan makna metafora Arab dalam bentuk yang implisit dalam bahasa Melayu untuk menimbulkan kesan dramatik, mengekalkan kehalusan bahasa dan nilai metafora Arab dalam bahasa sasaran serta mengekalkan bahasa kiasan dan intertekstualiti yang wujud dalam teks sumber bahasa Arab.

4.3 Soalan kedua: Bagaimanakah bentuk makna eksplisit diterjemahkan daripada buku *Rihlah Ibn Battutah* ke bahasa Melayu?

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab 1, makna eksplisit ialah maklumat yang dinyatakan sehingga menyebabkan pembaca berupaya untuk membuat inferens atau kesimpulan sekiranya maklumat tersebut tidak dinyatakan. Analisis kekal diteruskan dengan menggunakan parameter ketidaksepadanan (*incongruity*) antara teks sumber dengan teks terjemahan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Dalam proses pengumpulan dan pengekodan data, pengkaji telah memperoleh data yang memperlihatkan kewujudan bentuk makna eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' yang menampilkan cabaran dan kesukaran yang tersendiri kepada penterjemah hingga mendorong berlakunya proses pengimplisitan dalam penterjemahan. Pengkaji telahpun menyatakan sebelum ini bahawa fenomena pengeksplicitan adalah lebih lumrah kerana tindakan menambah dan membanyakkan perkataan adalah lebih mudah berbanding dengan tindakan mengurangkan perkataan. Analisis ini menghasilkan taksonomi kajian yang ketiga iaitu: bentuk makna eksplisit diubah menjadi bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

4.3.1 Bentuk makna eksplisit diubah menjadi bentuk implisit dalam penterjemahan buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’


Dengan menggunakan perisian ATLAS.ti, pengkaji membuat pemerhatian terhadap data dan mendapatkan ciri persamaan yang terdapat pada data yang dikelompokkan di bawah di bawah taksonomi ini. Empat tema yang telah dikenal pasti di bawah taksonomi ini mencakup yang berikut:

<i>Rihlah Ibn Battutah</i>	Pengembaraan Ibn Battutah
Teks Arab lebih terus (<i>direct</i>) dan informatif	Teks Melayu tidak terus (<i>indirect</i>) dan kurang setara
Teks Arab lebih lengkap dan informatif	Terdapat pengurangan perkataan dan maklumat yang berkurang dalam teks Melayu

Jadual 4.7: Taksonomi bentuk makna eksplisit diubah menjadi implisit dalam Penterjemahan *Rihlah Ibn Battutah*

Di bawah taksonomi ini, data daripada teks ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ telah dikodkan mengikut tema-tema yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

Dengan menggunakan platform ATLAS.ti, hasil daripada taksonomi pertama ini dan tema-tema di bawahnya telah menjanakan pemetaan konseptual yang berikut:



Rajah 4.5 : Bentuk Makna Eksplisit Diubah Menjadi Implisit

4.3.2 Teks Arab yang lebih lengkap dan informatif diubah menjadi teks Melayu yang mengandungi perkataan dan maklumat yang berkurangan

Penting dinyatakan di sini terlebih dahulu bahawa data berkaitan dengan bentuk makna eksplisit yang diubah menjadi bentuk makna implisit tidak banyak ditemui dan hanya 11 dapatan diperolehi daripada data set dialog dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Walau bagaimanapun, hakikat ini tidak menafikan kewujudan bentuk makna eksplisit dalam teks

asal yang berubah menjadi bentuk makna implisit dalam teks sasaran. Justeru, isu ini tidak boleh diabaikan. Empat contoh data dikupas dalam paparan analisis yang berikut.

4.3.2.1 Pengurangan perkataan dan maklumat tidak menjejaskan teks asal

Contoh (17) yang berikut menunjukkan kewujudan teks Arab yang lebih lengkap dan informatif diubah menjadi teks Melayu yang mengandungi pengurangan perkataan dan maklumat yang berkurangan.

17

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:31 (1136:1136) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih lengkap dan infomartif] Halaman: (PIB) 303 / (RIB) 279

No memos

" قال : إن لم يظهر فاصنع برأسي كما صنعت براسه

Syeikh pun berkata kepada mereka, "Jika demikian, berdirilah kamu."

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:32 [Ia menjawab, "Seandainya apa yang..."] (1139:1139) (Super)

Codes:[Terdapat pengurangan perkataan (Maklumat berkurangan)] Halaman: (PIB) 303 /

(RIB) 279

No memos

Ia menjawab, "Seandainya apa yang hamba katakan itu tidak berlaku, maka potonglah kepala hamba."

Konteks: Dialog ini dipetik daripada kisah mengenai mitos pokok kelapa di Maldives yang diceritakan oleh Ibn Battutah. Penduduk kota Maldives menceritakan kepada Ibn Battutah bahawa pada zaman silam, seorang cendekiawan India telah berkhidmat dengan seorang raja dan beliau amat dimuliakan oleh raja berkenaan. Raja tersebut mempunyai seorang wazir yang bermusuhan dengan cendekiawan ini. Cendekiawan ini berkata kepada raja,

“Sekiranya kepala wazir ini dipotong dan ditanam, seponon tamar yang akan mengeluarkan buah yang besar akan tumbuh dan dapat dinikmati oleh orang India serta semua orang di dunia.” Raja pun bertanya kepada cendekiawan tersebut, “Seandainya apa yang kamu katakan itu tidak keluar dari kepala wazir?” Cendekiawan tersebut lalu memberikan jawaban bahawa sekiranya itu tidak berlaku, Raja bolehlah memotong kepalanya sepertimana Raja memotong kepala wazir. Raja lalu menitahkah supaya kepala wazir dipenggal dan cendekiawan itu mengambilnya lalu menanam biji tamar di dalam kepala tersebut. Ia menjaganya sehinggalah biji yang ditanam itu tumbuh menjadi sebatang pokok dan membuahkan buah kelapa itu. Cerita ini menurut Ibn Battutah merupakan sebahagian daripada cerita dongeng.

Dalam contoh (17) ini:

”- قال : إن لم يظهر فاصنع برأسه كما صنعت برأسه

Klausa yang digariskan dalam contoh (17) ini sepatutnya diterjemahkan sebagai, “maka potonglah kepala hamba sebagaimana tuanku memotong kepalanya”.

Walau bagaimanapun, penterjemah memendekkannya menjadi “maka potonglah kepala hamba” sahaja. Pengimplisitan makna berlaku di sini mungkin disebabkan oleh kefahaman penterjemah terhadap jalan cerita teks. Berdasarkan urutan perbualan, kita dapat memahami bahawa cendekiawan itu baru sekadar mencadangkan kepada Raja agar memotong kepala wazir tetapi hakikatnya Raja belum pun lagi melaksanakan tindakan tersebut. Memasukkan klausa “sebagaimana tuanku memotong kepalanya” seolah-olah menunjukkan bahawa baginda telah pun melaksanakan tindakan tersebut. Bertolak daripada asas ini, penterjemah

berkemungkinan besar menggugurkan sebahagian maklumat yang terkandung dalam teks asal dan menjadikan teks sasaran lebih ringkas dan padat.

Pemerhatian yang dapat disimpulkan di sini ialah pengeksplitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' didapati berlaku apabila perkataan dan maklumat yang berkurangan atau tidak dinyatakan secara jelas tidak sampai menjejaskan teks dan jalan cerita teks asal.

4.3.2.2 Pengimplisitan dilakukan untuk menjadikan teks terjemahan lebih ringkas dan mudah difahami

Terdapat satu lagi contoh yang menarik daripada teks '*Rihlah Ibn Battutah*' di bawah taksonomi ini yang menunjukkan pengurangan atau peniadaan beberapa maklumat berbentuk frasa dalam teks sumber tidak sampai menyebabkan teks sasaran menjadi terjejas, malah lebih mudah difahami oleh pembaca sasaran. Contoh yang berikut ini membuktikan kenyataan tersebut.

18

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:48 (1027:1027) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih lengkap dan infomartif] Halaman : (PIB) 288 / (RIB) 265
No memos

" وقال لهم الشيخ " فإن كان الأمر على ما تقولون فقوموا عن مكانكم هذا

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:49 [Syeikh pun berkata kepada mereka, "Jika demikian, berdirilah kamu."..] (1030:1030) (Super)

Codes:[Terdapat pengurangan perkataan (Maklumat berkurangan)] Halaman : (PIB) 288 / (RIB) 265
No memos

Konteks: Pada suatu hari, dua orang `ulama' terkenal daripada kumpulan Syi`ah al-Zaidiyyah telah menziarahi Syeikh Ahmad ibn al-`Ujail. Syeikh Ahmad duduk tanpa berganjak dari tempatnya menanti mereka di luar *zawiyah* dan sahabat-sahabatnya pergi menyambut kumpulan tersebut. Syeikh Ahmad kemudiannya mengalu-alukan kedatangan mereka dan perbincangan pun berlangsung antara mereka berhubung dengan masalah *qadar*. Kumpulan Syi`ah al-Zaidiyyah tersebut menyatakan bahawa tiada *qadar* dan sebenarnya setiap tingkah laku mukallaf itu ialah hasil daripada perbuatannya sendiri. Kemudian, dialog yang berikut berlangsung antara mereka.

وقال لهم الشيخ " فإن كان الأمر على ما تقولون فقوموا عن مكانكم هذا". فأرادوا القيام فلم يستطيعوا, وتركهم الشيخ على حالهم ودخل الزاوية

(*Rihlah Ibn Battutah*, 2002, p. 265)

Syeikh pun berkata kepada mereka, “Jika demikian, berdirilah kamu.” Mereka cuba berdiri tetapi tidak berdaya dan Syeikh Ahmad pun meninggalkan mereka dalam keadaan sedemikian lalu masuk ke dalam *zawiyah*.

(Pengembaraan Ibn Battutah, 2004, p. 288)

فقوموا عن مكانكم هذا

Dalam contoh (18) ini, ayat perintah teks Arab ini sepatutnya diberikan maksud “beredarlah kamu dari tempat kamu ini”. Walau bagaimanapun, daripada keseluruhan kisah yang dinyatakan di atas, kita dapat membuat tanggapan bahawa dua orang `ulama' daripada kumpulan Syi`ah al-Zaidiyyah dan Syeikh Ahmad telahpun berada dalam satu majlis di luar *zawiyah*, dan dibayangkan dalam teks itu bahawa Syeikh Ahmad duduk tanpa berganjak dari tempatnya. Apabila dua orang `ulama' ini menyatakan bahawa setiap tingkah laku

mukallaf itu ialah hasil daripada perbuatannya, Syeikh Ahmad lantas menyuruh mereka berdiri. Maksud 'berdiri' ini dapat difahami menerusi *qarinah* atau teks iringan (*cotext*) yang dapat kita temui dalam ayat yang seterusnya, iaitu *فأرادوا القيام* yang bermaksud "mereka cuba berdiri". *القيام* secara jelasnya membawa maksud berdiri lebih daripada membawa maksud beredar.

Sehubungan dengan itu, maksud idiomatik "beredarlah kamu dari tempat kamu ini" tidak digunakan oleh penterjemah dalam teks sasaran. Sebaliknya penterjemah mengimplisitkan makna frasa sendi bahasa Arab itu *عن مكانكم هذا* dengan tidak menyatakannya dalam teks sasaran. Penterjemah didapati meringkaskan maklumat eksplisit teks asal itu menjadi "Jika demikian, berdirilah kamu."

Contoh petikan yang dianalisis ini merupakan satu contoh yang sukar dan tidak mudah untuk diselesaikan dari sudut penterjemahan. Sekiranya tidak ada konteks cerita yang lengkap serta *qarinah* atau teks iringan (*cotext*) yang dapat diperoleh daripada teks '*Rihlah Ibn Battutah*' itu sendiri, sukar bagi penterjemah untuk membuat keputusan melakukan pengimplisitan dalam menterjemahkan teks sumber ini.

Pemerhatian yang dapat disimpulkan di sini ialah:

- i. Pengimplisitan berlaku dalam penterjemahan teks '*Rihlah Ibn Battutah*' apabila maklumat yang dinyatakan secara eksplisit dalam teks sumber dapat difahami dengan lebih mudah dalam teks sasaran sekiranya ia dinyatakan secara kurang eksplisit atau tidak dinyatakan sama sekali.
- ii. Pengimplisitan yang dilakukan hendaklah tidak menjejaskan koheren dan kesinambungan teks dalam teks sasaran.

4.3.3 Teks Arab yang lebih terus (*direct*) dan informatif diubah menjadi teks Melayu yang tidak terus (*indirect*) dan kurang setara

Satu lagi kategori yang dapat diperhatikan di bawah perbincangan bentuk makna eksplisit dalam buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ yang diubah menjadi implisit dalam teks sasaran ialah teks Arab yang lebih terus (*direct*) dan informatif diubah menjadi teks Melayu yang tidak terus (*indirect*) dan kurang setara berbanding dengan teks asalnya.

Dalam dua contoh yang dikemukakan di sini, iaitu (19) dan (20), kita dapat memerhatikan penggunaan ayat aktif dalam teks asal digantikan dengan ayat pasif dalam teks sasaran. Teks asal bersifat terus dan informatif tetapi teks sasaran bersifat tidak terus dan kurang kesetaraan.

19

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:57 (1080:1080) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih terus dan informatif] Halaman : (RIB) 271-272 / (PIB) 294

No memos

" فقال : "مولانا يسلم عليكم ويقول لكم قدمتم خير مقدم

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:58 [Wazir tersebut berkata, “Tuan kami mengucapkan salam kepada kamu dan baginda meminta disampaikan pesanan bahawa kamu disambut dengan sebaik-baiknya.”..] **(1083:1083) (Super)**

Codes:[Teks Melayu tidak terus dan kurang setara] Halaman : (PIB) 294 / (RIB) 271-272

No memos

Wazir tersebut berkata, “Tuan kami mengucapkan salam kepada kamu dan baginda meminta disampaikan pesanan bahawa kamu disambut dengan sebaik-baiknya.”

Konteks: Apabila Ibn Battutah tiba di Mogadishu, beliau diberi sambutan dan tempat tinggal oleh sultan. Ketika makanan dihantar kepada Ibn Battutah di tempat tinggalnya, wazir baginda sultan yang bertanggungjawab atas urusan tetamu turut datang ke situ dan menyampaikan salam baginda kepada Ibn Battutah.

" فقال : " مولانا يسلم عليكم ويقول لكم قدمتم خير مقدم

Dapat diperhatikan bahawa kata kerja يقول adalah dalam bentuk aktif dan terus serta boleh diterjemahkan sebagai “baginda bertitah kepada kamu”. Akan tetapi, penterjemah telah mengubah struktur ayat ini hingga mengandungi bentuk pasif yang tidak terus dalam teks sasaran, menjadikannya kelihatan tidak setara berbanding dengan teks asal. Walau bagaimanapun, penterjemah dilihat memberikan pilihan terjemahan yang bersesuaian dengan bahasa dan budaya Melayu, iaitu “baginda meminta disampaikan pesanan”.

Dalam contoh (19) ini, penyaringan budaya (*cultural filtering*) mendorong penterjemah untuk menyusun semula makna ini dengan bahasa yang lebih sesuai dalam bahasa sasaran. Mengambil kira bahawa baginda sultan tidak datang dan sebaliknya yang datang hanyalah wazirnya, pilihan “baginda meminta disampaikan pesanan” sememangnya lebih bertepatan dengan bahasa dan budaya Melayu. Bandingkan jika contoh (19) ini diterjemahkan sebagai “baginda bertitah kepada kamu bahawa kamu disambut dengan sebaik-baiknya”, terjemahan yang dihasilkan sebegini tidak dapat menyampaikan maksud yang dihasratkan oleh teks sumber.

Contoh (20) ini juga memperlihatkan bentuk yang sama, yaitu ayat aktif dalam teks asal menjadi ayat pasif dalam teks sasaran, dengan demikian mengurangi nilai eksplisit teks sumber dalam teks sasaran.

20

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:23] (232:232) (Super)

Codes:[Teks Arab lebih terus dan informatif] Halaman : (RIB) 84 / (PIB) 73

No memos

"فقال: "إنما استأجرتني على الحراسة لا على الأكل"

P 1: DATA BABM RIB.rtf - 1:24 [Jawab Abu Ya'qub, "Tuan, hamba hanya diambil bekerja untuk menjaga sahaja dan bukan untuk memakan hasilnya."..] (236:236) (Super)

Codes:[Teks Melayu tidak terus dan kurang setara] Halaman : (PIB) 73 / (RIB) 84

No memos

Konteks: Dialog ini diambil daripada kisah Abu Ya`qub Yusuf yang diceritakan oleh Ibn Battutah dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Abu Ya`qub bekerja sebagai penjaga kebun milik Sultan Nuruddin di Damsyik. Suatu hari pegawai kebun menyuruh Abu Ya`qub memetik buah delima untuk dimakan oleh Sultan Nuruddin yang datang ke kebun. Abu Ya`qub telah membawa buah delima yang pahit. Di sini diberikan teks lebih lengkap daripada Pengembaraan Ibn Battutah.

Pengurus kebun pun bertanya, "Adakah setelah menjadi penjaga kebun ini selama enam bulan, kamu masih tidak dapat membezakan yang manis dan yang pahit?" Jawab Abu Ya'qub, "Tuan, hamba hanya diambil bekerja untuk menjaga sahaja dan bukan untuk memakan hasilnya." (Pengembaraan Ibn Battutah, 2004, p. 73)

Dalam contoh (20) إنما استأجرتني merupakan kata kerja yang dapat diterjemahkan sebagai,

"Tuan hanya mengambil saya bekerja", iaitu dalam bentuk ayat aktif yang terus dan lebih

informatif. Walau bagaimanapun, terjemahan teks sasaran telah menjadikannya implisit dengan mengubahnya kepada bentuk ayat pasif dan menyembunyikan maklumat tentang orang yang telah melantik Abu Ya`qub atau penutur itu sendiri bekerja. Hal ini menjadikan terjemahan dalam teks sasaran menampilkan suatu kelainan, iaitu makna disampaikan secara tidak terus (*indirect*) dan kehilangan sebahagian maklumat yang terdapat dalam bahasa asal. Pilihan ini dibuat atas faktor kesantunan Melayu, iaitu membiarkan penutur (Abu Ya`qub) mengakui kesilapannya sendiri dan tidak meletakkan kesilapan terhadap interlokutor (pengurus kebun) yang telah mengambil Abu Ya`qub atau penutur bekerja.

Menerusi contoh 19 dan 20, pemerhatian yang berikut dapat disimpulkan:

- i. Penyaringan budaya dilakukan oleh penterjemah untuk menentukan nada dan ragam ayat yang sesuai dalam bahasa Melayu. Ini bermakna bahawa ayat aktif mungkin diubah menjadi ayat pasif apabila pilihan tersebut lebih sesuai dengan teks sasaran dan memberikan kesan penyampaian yang lebih jitu.
- ii. Antara faktor yang boleh menyebabkan berlakunya pengeksplicitan menggunakan strategi penukaran nada dan ragam ayat ini termasuklah keinginan penterjemah untuk menjadikan bahasa teks sasaran lebih menarik, menyembunyikan sebahagian maklumat, menjaga air muka dan memelihara nilai kesantunan.

4.4 Perbincangan dan rumusan

Beberapa dapatan yang penting telah diperolehi daripada perbincangan di bawah taksonomi ini, iaitu bentuk makna eksplisit diubah menjadi bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Bagi tema teks Arab lebih lengkap dan

informatif manakala dalam teks Melayu terdapat pengurangan perkataan, pengimplisitan berlaku dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' apabila perkataan dan maklumat yang berkurangan atau tidak dinyatakan secara jelas dalam teks sasaran tidak memberikan kesan sehingga menjejaskan teks dan jalan cerita teks asal.

Di bawah tema teks Arab lebih terus dan informatif dan teks Melayu tidak terus dan kurang setara kajian mendapati bahawa

- i. Penyaringan budaya dilakukan oleh penterjemah untuk menentukan nada dan ragam ayat yang sesuai dalam bahasa Melayu. Hal ini bermakna bahawa ayat aktif mungkin menjadi ayat pasif apabila pilihan tersebut lebih sesuai dengan teks sasaran dan memberikan kesan penyampaian yang lebih jitu. Strategi penukaran nada dan ragam ayat boleh menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya pengimplisitan makna eksplisit dalam penterjemahan.
- ii. Keinginan penterjemah untuk menjadikan bahasa teks sasaran lebih menarik, menyembunyikan sebahagian maklumat, menjaga air muka dan memelihara nilai kesantunan juga menjadi faktor yang mendorong pengimplisitan makna eksplisit.

Sebagai kesimpulan, perbincangan mengenai kategori bentuk makna eksplisit teks sumber diubah menjadi bentuk makna implisit dalam teks sasaran merupakan perbincangan yang amat bermakna kerana kita telah mengetahui menerusi sorotan kajian dan tinjauan persuratan yang telah dilaksanakan dalam Bab 2 sebelum ini bahawa pengimplisitan seringkali diatasi oleh pengeksplisitan dalam kebanyakan kes dan situasi, dan dalam kebanyakan teks dan genre. Penemuan beberapa data yang berkaitan dengan kategori ini dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' merupakan sesuatu yang penting dan signifikan bagi kajian ini. Kajian ini berusaha untuk tidak menghadkan tinjauan terhadap

pengeksplicitan bentuk makna implisit dalam penterjemahan sahaja. Sebaliknya, kajian ini berusaha untuk mencakup aspek pengimplisitan bentuk makna eksplisit, iaitu sesuatu yang diakui oleh sarjana merupakan sesuatu yang tidak kerap berlaku, lebih rumit dan mencabar untuk dilaksanakan dalam penterjemahan ((Klaudy Kinga & Krisztina Karoly, 2005).

BAB LIMA

RUMUSAN

5.1 Perbincangan

Dalam Bab 4 yang lalu, pengkaji telah membentangkan dapatan dan analisis tekstual secara kualitatif terhadap bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Sehubungan dengan itu, bab ini akan mengemukakan rumusan dan kesimpulan secara holistik terhadap hasil analisis kajian berkaitan dengan makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu. Pengkaji juga akan mengesyorkan beberapa cadangan yang sesuai untuk memperkukuh kajian berkaitan dengan konsep pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan sebagai prakarsa yang penting untuk mempertingkatkan lagi disiplin dan kajian terjemahan di Malaysia. Dalam bab ini, pengkaji melaporkan tiga bahagian rumusan yang penting, iaitu rumusan kedua-dua objektif kajian, cadangan kajian dan kesimpulan.

5.2 Rumusan

Dalam Bab 4, pengkaji telah mengemukakan analisis tekstual terhadap contoh data yang membuktikan bahawa bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit wujud dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan kewujudannya mampu mencetuskan cabaran dan kesukaran yang tidak boleh dipandang rendah dan diperlekehkan oleh penterjemah mahupun pengkaji disiplin terjemahan, khususnya dalam domain terjemahan Arab-Melayu di Malaysia. Data berkaitan dengan makna implisit dan eksplisit dalam himpunan dialog atau perbualan yang

terdapat dalam '*Rihlah Ibn Battutah*' hakikatnya ibarat khazanah yang jauh tersembunyi di dasar lautan, menunggu untuk dikumpul dan digali oleh pengkaji bidang penterjemahan untuk mendapatkan analisis yang mendalam dan penelitian tuntas yang dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman (*insights*) yang amat berguna bukan sahaja kepada pengkaji, malah kepada warga penterjemah yang menaruh harapan untuk menyaksikan bidang terjemahan berkembang pesat dan mencapai fasa kemajuan baharu pada abad ke-21 ini.

Meskipun sudah hampir 700 tahun sejak buku '*Rihlah Ibn Battutah*' (1357) dihasilkan di Maghribi, namun kita dapat melihat perbincangan dan analisis terhadap karya ini terus hidup dan segar serta membuahkan banyak penemuan yang dapat dikutip berkaitan dengan pendekatan, teknik dan strategi penterjemahan. Semua ini dapat diambil dan dijadikan platform untuk memerkasakan, mempertingkatkan dan memperkukuh disiplin terjemahan Arab-Melayu di Malaysia.

Kajian tentang makna implisit dan eksplisit dalam konteks penterjemahan di Malaysia masih lagi baharu, apatah lagi peninjauannya dari sudut pengeksplicitan dan pengimplisitan. Pengeksplicitan bermaksud penterjemah mengeksplicitkan makna implisit teks sumber yang ditemuinya manakala pengimplisitan pula bermakna penterjemah mengimplisitkan makna eksplisit teks sumber yang ditemuinya dalam terjemahannya. Makna merupakan domain dan inti pati terjemahan yang paling utama, justeru meminda makna dan menukarkan bentuknya merupakan sesuatu yang menggusarkan minda penterjemah kerana apa yang dilakukannya, jika tidak didasari alasan dan faktor yang munasabah, boleh memberikan kesan dan menjejaskan teks terjemahan yang dihasilkan, atau memberikan tafsiran dan interpretasi yang salah terhadap makna yang terkandung dalam teks asal.

Justeru, membuat keputusan untuk melakukan sesuatu pengeksplisitan atau pengimplisitan bukanlah suatu perkara yang mudah bagi seseorang penterjemah dan inilah inti pati bagi isu dan permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini, sebagaimana yang telah dinyatakan dengan jelas dalam Bab 1. Hal ini jualah yang dapat diperhatikan dengan ketara dan jelas dalam perbincangan dapatan dan analisis dalam Bab 4 yang lalu. Dimensi analisis kuantitatif kajian ini membuktikan bahawa strategi pengeksplisitan mengatasi strategi pengimplisitan dalam penterjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'* ke bahasa Melayu. Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian-kajian sebelum oleh sarjana penterjemahan lain termasuk Klaudy dan Károly (2005), Becher (2011) dan Kruger (2015). Hakikat ini memperlihatkan bahawa strategi pengeksplisitan merupakan ciri penterjemahan yang bersifat sejagat dan universal. Meskipun strategi pengimplisitan tidak ketara, namun memahami dan menggunakan strategi pengimplisitan dalam sesetengah situasi penterjemahan merupakan sesuatu yang penting dan meninggalkan impak yang besar terhadap kualiti terjemahan yang dihasilkan.

Setiap data yang dibincangkan dan dikupas secara kualitatif mendedahkan berbagai-bagai alasan, sebab dan faktor yang telah mendorong penterjemah mengeksplisitkan makna yang implisit, mengimplisitkan makna yang eksplisit dan malah mengekalkan makna implisit dalam teks asal dalam bentuk yang implisit dalam teks sasaran. Berdasarkan data yang diperoleh, inilah hakikat dan penemuan penting yang diraih dalam kajian ini, yang akhirnya menghasilkan tiga taksonomi utama yang menjadi tunjang perbincangan dan perbahasan kajian ini dalam Bab 4.

Lantaran itu, kajian ini tidak mempunyai taksonomi yang keempat, iaitu mengeksplisitkan makna yang eksplisit kerana menjadikan sesuatu yang jelas itu bertambah jelas adalah lumrah dan bukanlah suatu fenomena yang mengundang minat dan perbincangan sarjana terjemahan, kerana yang mahu dilihat dan dikaji dalam disiplin terjemahan ialah isu-isu yang mencabar proses penterjemahan dan mencabar penterjemah untuk melaksanakan tugas mereka, iaitu mendapatkan makna yang tepat, jelas dan tuntas dalam teks sasaran bagi sesebuah teks sumber yang diterjemahkan.

Pengkaji membentangkan terlebih dahulu di sini rumusan kajian yang diperincikan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal kajian ini. Rumusan tambahan pula akan dinyatakan pada bahagian data sisipan. Rumusan yang diperoleh mencakup dapatan dan penemuan yang berikut:

5.2.1 Objektif pertama: Membincangkan penterjemahan bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ke bahasa Melayu

Dalam objektif pertama ini, kajian menetapkan sasaran untuk mengenal pasti bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Ini merupakan objektif terpenting kajian kerana mengenal pasti bentuk makna yang implisit dan tersirat dalam teks '*Rihlah Ibn Battutah*' sememangnya sukar dan inilah yang kerap kali menampilkan cabaran kepada penterjemah. Dapatan di bawah objektif ini merangkumi hasil dan penemuan kajian yang diperoleh di bawah dua taksonomi kajian, iaitu i) Bentuk makna implisit diubah menjadi bentuk eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' dan ii) Bentuk makna implisit dikekalkan dalam bentuk implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

Hal ini berlaku demikian kerana dalam proses mengenal pasti bentuk makna implisit, baik semasa proses pengekodan dan pengkategorian data, mahupun semasa pembacaan dan penganalisan data, pengkaji senantiasa memberikan perhatian kepada hakikat bahawa bentuk makna implisit mempunyai dua wajah yang utama, iaitu bentuk makna implisit yang diubah menjadi eksplisit dalam penterjemahan, dan yang kedua, bentuk makna implisit yang dikekalkan implisit. Adapun bentuk makna implisit yang terhasil daripada proses penterjemah mengimplisitkan makna yang eksplisit, bentuk tersebut akan dirumuskan di bawah objektif kedua, iaitu mengenal pasti bentuk makna eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

Dapatan dan penemuan yang menyeluruh di bawah objektif pertama ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Bentuk makna implisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' yang ditemui mencakup kata nama, kata kerja, frasa, klausa dan ayat. Ini bermakna pada tahap ayat, bentuk makna implisit ditemui hampir pada semua tahap. Pengeksplisitan pada tahap kata nama, kata kerja, frasa dan klausa lazimnya menyebabkan penambahan perkataan dan maklumat dalam teks sasaran. Ini menjadikan teks sasaran lebih mudah, lebih jelas dan lebih difahami oleh pembaca. Pengeksplisitan pada tahap ayat pula menyebabkan satu ayat dalam bahasa Arab berubah menjadi dua ayat atau lebih dalam bahasa Melayu. Strategi pengeksplisitan dengan penambahan perkataan dan maklumat ini didapati menyerlah dalam beberapa data yang telah diperiksa secara teliti dalam kajian ini.

- ii. Pengeksplisitan yang diperhatikan pada tahap kata nama, kata kerja, frasa, klausa dan ayat ini bukanlah sesuatu yang dibuat oleh penterjemah dengan niat yang sengaja tanpa didorong oleh faktor, alasan dan asas kukuh yang menuntut penterjemah berbuat demikian demi manfaat dan keuntungan yang dapat diraih oleh teks sasaran atau teks terjemahan. Pelbagai faktor dan asas yang menjadi pendorong kepada pengeksplisitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Antaranya termasuklah faktor prinsip kerjasama dalam perbualan untuk menghasilkan komunikasi yang lancar antara teks terjemahan dengan khalayak pembacanya, juga usaha penterjemah dan penyunting untuk mencipta teks terjemahan yang dapat berinteraksi dengan pembaca sarasannya secara lebih eksplisit.
- iii. Penghindaran risiko hari ini sangat berkait dengan konsep pengeksplisitan setelah ia digagaskan oleh Pym pada tahun 2005. Data yang diteliti oleh kajian ini ternyata memberikan dimensi baharu terhadap teori penghindaran risiko gagasan Pym yang memfokuskan budaya, norma dan situasi sebagai parameter yang perlu difokuskan oleh penterjemah dalam tugasnya sebagai agen penghindar risiko dalam penterjemahan. Namun, data yang diperlihatkan oleh buku '*Rihlah Ibn Battutah*' menyerlahkan hakikat bahawa terdapat satu lagi parameter yang perlu difokuskan oleh penterjemah, iaitu parameter agama. Parameter agama mempamerkan pengaruh yang sangat kuat dalam penterjemahan teks agama termasuk penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ini. Bukan sahaja penterjemah perlu menghindarkan risiko pada isu-isu lazim yang berkait dengan budaya, situasi dan norma malah juga agama yang mempunyai hubungan yang erat dengan kepercayaan dan pemikiran manusia. Sekiranya penterjemah melakukan sesuatu yang memberikan risiko terhadap aspek itu, tindakan itu bukan sahaja memudaratkan

malah mungkin menyebabkan terjemahan yang dihasilkan ditolak oleh khalayak pembaca terjemahan dan masyarakatnya.

- iv. Pengeksplisitan dalam penterjemahan tidak dilaksanakan oleh penterjemah '*Rihlah Ibn Battutah*' secara sewenang-wenang tanpa tujuan yang munasabah. Data yang dikaji membuktikan penambahan frasa dan klausa yang berlaku ialah hasil pengamatan dan penelitian yang rapi oleh penterjemah dan penyunting terhadap latar dan persekitaran teks sumber. Meskipun penambahan yang dilakukan hanya dua patah perkataan, tetapi dua patah perkataan tersebut memberikan sejuta pengertian kepada teks terjemahan yang dihasilkan. Justeru, pengeksplisitan yang dibincangkan di sini tidak berakhir hanya sebagai suatu strategi penterjemahan yang dihuraikan, tetapi sebagai proses yang hakikatnya memperlihatkan betapa pengeksplisitan itu amat berkait rapat dengan penulisan yang baik kerana dengan pengeksplisitanlah elemen kejelasan (*clarity*) dan kehalusan (*elegance*) dapat dipertingkatkan dalam teks terjemahan. Tidak sukar bagi kita untuk memahami kini mengapa dua elemen ini ditekankan oleh sarjana terjemahan seperti Newmark (2005) yang mengaitkan dua elemen ini, iaitu kejelasan dan kehalusan dalam rangka kerja unsur kebenaran estetika yang merupakan komponen penting bagi teori terjemahan yang komprehensif.
- v. Pengeksplisitan tidak dilakukan sewenang-wenangnya oleh penterjemah melainkan dengan faktor dan alasan yang kukuh. Namun, dalam sesetengah keadaan, penterjemah pula yang terpaksa berbuat demikian untuk memenuhi tuntutan lexis-tatabahasa bahasa sasaran dan juga pilihan komunikasi pembaca sasaran itu sendiri. Ini merupakan pengeksplisitan wajib dan inilah pemahaman yang didedahkan oleh sebahagian data yang dianalisis dalam Bab 4. Dapatan ini senada dan seiring dengan

hasil penemuan pengkaji yang telah disorot sebelum ini termasuk Elam M. (2001), Waleed Othman (2006) dan Becher (2011).

- vi. Pengeksplisitan berkait rapat dengan mesej dan juga mempertingkatkan daya (*force*) mesej. Al-Masri H. (2008), dalam kajiannya menyuarakan kebimbangan terhadap penterjemah yang tidak berupaya menyampaikan maksud dan makna denotasi ungkapan *طلاق بالثلاثة* dalam teks sumber yang dianalisisnya. Walau bagaimanapun, analisis terhadap data terjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' memperlihatkan makna denotasi yang terdapat pada perkataan *الكلام* dieksplisitkan dalam penterjemahan. *الكلام* bukan sekadar membawa maksud perbuatan 'bercakap' tetapi perbuatan 'memburuk-burukkan' Aibak yang merupakan panglima tentera Sultan Syihabuddin. Demikian juga dalam kes perkataan *النحس* yang diterjemahkan sebagai keparat dalam bahasa Melayu berkesan dalam mempertingkatkan daya mesej yang ingin disampaikan oleh penterjemah dalam teks sasaran.
- vii. Strategi pengeksplisitan oleh Klaudy dan Károly (2005) yang menyatakan bahasa satu ayat dalam bahasa sumber boleh dibahagikan kepada dua ayat dalam teks sasaran ternyata disokong oleh data yang diperoleh dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Klaudy dan Károly (2005) turut menjelaskan 'elemen baharu' yang hadir dalam teks sasaran sebagai strategi pengeksplisitan. Data daripada kajian ini membuktikan penambahan kata bantu 'boleh' dan partikel 'lah' dalam teks bahasa sasaran dalam contoh, "Selepas itu bolehlah kamu meneruskan perjalanan kamu" sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab 4 berkesan dalam menambah 'elemen baharu' yang amat bermakna bagi teks sasaran.
- viii. Set dialog yang dikaji dalam kajian ini merupakan dialog dalam bahasa Arab. Data yang ada menunjukkan bahawa tidak semua dialog ini merupakan ujaran prosa biasa, malah sebahagiannya mempunyai unsur retorik Arab (*Balāghah*) yang

membawa maksud yang implisit, sekali gus mencetuskan cabaran kepada penterjemah. Terdapat perkataan yang amat mudah difahami makna rujukannya dalam bahasa Arab seperti perkataan مصر (Mesir) tetapi kehadiran perkataan ini dalam bentuk *majāz mursal* melalui sebuah kasidah puji-pujian seorang penyair telah mengubah makna rujukan perkataan ini daripada Mesir kepada Sungai Nil. Begitu juga dalam contoh يا أبا محمد طغى الشيطان في رأسي ini, *kināyah* yang terdapat dalam ayat ini jika diterjemahkan secara literal dan tidak dieksplisitkan hanya akan menjejaskan dan memberikan kesan yang buruk terhadap kualiti terjemahan yang dihasilkan.

- ix. Penemuan aspek retorik Arab ini yang mempengaruhi strategi pengeksplicitan merupakan sesuatu yang eksklusif dan barangkali yang pertama seumpamanya bagi hasil kajian yang melibatkan penterjemahan Arab-Melayu. Hal ini memandangkan belum ada pengkaji yang disorot dalam tinjauan persuratan yang dilaksanakan dalam Bab 2 yang menyatakan *Balāghah* Arab ini sebagai faktor yang mendorong pengeksplicitan dalam penterjemahan, khasnya penterjemahan Arab- Melayu.

Rumusan di atas merupakan hasil dapatan dan pemahaman penting yang telah dijana daripada taksonomi bentuk makna implisit diubah menjadi bentuk makna eksplisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Kini, pengkaji beralih pula kepada perumusan hasil dapatan dan pemahaman yang penting daripada taksonomi yang kedua, iaitu bentuk makna implisit dikekalkan implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

- i. Yang lazim dalam penterjemahan ialah penterjemah mengeksplisitkan bentuk makna yang implisit. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa pengekalannya makna yang implisit dalam teks sasaran seperti dalam teks sumber bukanlah

merupakan sesuatu yang lumrah tetapi hal yang demikian tidaklah pula menafikan kewujudannya. Dalam konteks penterjemahan buku *'Rihlah Ibn Battutah'*, data yang ada menunjukkan bahawa fenomena ini turut berlaku. Yang pasti, penterjemah juga tidak melakukannya tanpa sebarang alasan dan faktor yang memungkinkan mereka berbuat demikian.

- ii. Pengekalan bentuk makna implisit teks sumber dalam teks sasaran boleh dilakukan apabila tidak terdapat jurang budaya yang besar dan makna yang diimplisitkan itu dapat difahami pembaca sasaran serta tidak menjejaskan kekoheranan dan kesinambungan teks terjemahan. Makna denotasi perkataan محرم *'muhrām'* (ejaan terkini Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 ialah mahram) dikekalkan dengan menggunakan perkataan pinjaman Melayu *'muhrām'* disebabkan jurang budaya telah dirapatkan oleh faktor agama Islam yang merupakan agama yang dianuti oleh majoriti pembaca buku terjemahan ini dan agama yang telah tersebar secara meluas di Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Perkataan *'muhrām'* ini mungkin sahaja mencetuskan masalah makna dan kekaburan jika dikekalkan dalam penterjemahan bahasa Inggeris umpamanya, yang masyarakatnya tidak mengenal dan menghayati hukum dan syariah Islam.
- iii. Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa item leksikal bahasa sasaran yang telah dipinjam daripada bahasa sumber dan sudahpun mantap penggunaannya dalam bahasa sasaran boleh digunakan dalam teks sasaran sebagai suatu strategi pengekalan bentuk makna implisit.
- iv. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengimplisitan yang hampir mencecah status wajib dalam bahasa sasaran, khususnya dalam item leksikal yang membabitkan isu-isu sensitif mencakup persoalan perkahwinan dan hubungan seks yang perlu diungkapkan dalam bentuk bahasa yang selaras dengan nilai kesantunan dan

kehalusan bahasa Melayu. Data yang dianalisis membuktikan fenomena ini amat menyerlah khususnya dalam item leksikal Arab yang mengungkapkan hubungan intim antara suami dengan isteri hanya diterjemahkan sebagai 'bersatu' dalam bahasa Melayu. Malah, bukan hanya nilai kesantunan budaya Melayu, faktor penerbit, iaitu Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga memainkan peranan. Penerbit seperti IKIM tidak berhasrat mengaitkan organisasinya dengan penerbitan buku yang mengandungi item leksikal yang tidak mencerminkan kesantunan penulisan dan penyampaian dalam penterjemahan bersesuaian dengan imejnya sebagai organisasi yang memartabatkan Islam.

Data yang dianalisis juga memberikan pemahaman (*insight*) bahawa unsur retorik Arab (*Balāghah*) yang kerap menampilkan makna-makna indah yang tersirat dalam gaya bahasanya yang terkenal itu tidak semestinya dieksplisitkan sepanjang masa dalam penterjemahan ke bahasa Melayu. Data yang dipetik daripada contoh teks Arab: قد رفع رزقي من الأرض membuktikan bahawa terjemahan dalam bahasa Melayu yang berbunyi "Rezekiku telah diangkat di dunia" tidak kurang indah dan kehalusannya dalam mencerminkan mesej daripada *uslūb kināyah* yang tertulis dalam bahasa Arab itu.

5.2.2 Objektif kedua: Membincangkan penterjemahan bentuk makna eksplisit dalam buku 'Rihlah Ibn Battutah' ke Bahasa Melayu

Pengkaji telahpun menyatakan sebelum ini bahawa dalam kebanyakan kajian terjemahan, penemuan membuktikan bahawa pengeksplisitan didapati berlaku lebih banyak dalam penterjemahan berbanding dengan pengimplisitan. Dalam konteks ini, objektif kedua kajian ini dilihat dari arah yang bertentangan berbanding dengan taksonomi yang pertama yang

dibincangkan sebentar tadi. Untuk mencapai objektif ini, pengkaji merumuskan dapatan dan penemuan daripada taksonomi kajian yang ketiga, iaitu bentuk makna yang eksplisit diubah menjadi bentuk makna implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'.

Rumusan yang dicapai adalah seperti yang berikut:

- i. Pengimplisitan diperhatikan berlaku dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' apabila item leksikal dan maklumat yang berkurangan, yang jika tidak dinyatakan secara jelas dalam teks sasaran, tidak sampai menjejaskan teks sasaran atau membawa makna yang salah jika dibandingkan dengan teks bahasa sumber. Dalam konteks penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*', penterjemah didapati mempunyai sebab untuk berbuat demikian, antaranya mungkin tidak mahu mengelirukan pembaca dan juga untuk menyampaikan cerita yang ringkas serta memadai untuk difahami oleh pembaca. Hal ini bermaksud ketiadaan maklumat itu tidak sampai memberikan kesan yang negatif kepada teks sasaran.
- ii. Satu lagi bentuk dan pola pengimplisitan yang ditemui dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ialah bentuk ayat aktif dalam bahasa sumber diubah menjadi bentuk ayat pasif dalam bahasa sasaran. Pemerhatian pengkaji mendapati strategi ini meninggalkan kesan yang positif terhadap teks sasaran yang diterjemahkan. Strategi ini memperlihatkan kepelbagaian gaya bahasa dan keanjalan bahasa dalam menyampaikan mesej yang sama tetapi dalam cara yang berbeza-beza. Sudah tentulah ada maklumat yang bertambah dan ada maklumat yang berkurangan atau hilang dalam proses ini. Dapatan ini sejajar dengan kajian Thomas J. (1995) bahawa penutur dan termasuklah juga penulis melakukan pengimplisitan menurut cara ini, iaitu ayat aktif dipasifkan, kenyataan yang terus dijadikan tidak terus disebabkan oleh keinginan penutur untuk menjadikan bahasa lebih menarik selain untuk

menyembunyikan sebahagian maklumat, menjaga air muka dan memelihara nilai kesantunan.

Hakikatnya, sebahagian besar sarjana disiplin terjemahan yang melihat budaya itu sendiri sebagai unit terjemahan, dan bukannya perkataan atau item leksikal. Basnett Mc-Guire dan Lefevre telah pun memperkenalkan '*cultural turn*' dalam penterjemahan sejak era 1990-an lagi, dan kajian ijazah sarjana pengkaji sendiri yang dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya pada tahun 2001 juga memfokuskan budaya sebagai unit asas yang mempengaruhi seluruh aktiviti yang bergerak dalam domain terjemahan.

Hasil daripada objektif pertama dan kedua ini membawa kita kepada penemuan tentang betapa signifikannya pengaruh budaya dalam penterjemahan Arab-Melayu dan hubung kait antara faktor budaya ini dengan bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam konteks penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Faktor budaya sudah terang lagi bersuluh terbukti dalam dapatan dan penemuan objektif pertama dan kedua justeru penting bagi kita mengemukakan satu rumusan dan kesimpulan yang konkrit untuk kajian ini.

Mengisytiharkan budaya sebagai faktor yang mempengaruhi penterjemahan Arab-Melayu mungkin sesuai dinyatakan secara umum (*generalisation*), akan tetapi data yang telah digali daripada khazanah karya klasik yang ditinggalkan oleh tamadun Islam ini, iaitu '*Rihlah Ibn Battutah*', membuktikan bahawa parameter budaya tersebut perlu dilihat dengan lebih rinci atau mikro. Secara makro, tidak dinafikan bahawa budayalah yang memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi strategi dan keputusan pengeksplicitan dan pengimplisitan penterjemah.

Walau bagaimanapun, secara mikro, penterjemah tidak dapat lari daripada memfokuskan parameter-parameter lain termasuk agama, pragmatik, situasi penterjemah dan khalayak, lexis-tatabahasa, bentuk wacana perbualan, nilai kesantunan dan gaya bahasa terutamanya gaya bahasa retorik Arab yang sangat bersifat budaya yang mempengaruhi keputusan pengeksplisitan dan pengimplisitan yang dilaksanakan dalam penterjemahan. Dengan menggabungkan jalin faktor budaya dengan faktor-faktor lain yang saling berkait ini, barulah kita dapat melihat secara holistik betapa strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan ini sangat dipengaruhi oleh semua faktor yang dinyatakan di sini.

5.2.3 Dapatan sisipan

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memperoleh satu dapatan sisipan yang tidak dijangka, iaitu faktor bentuk komunikasi perbualan yang boleh mempengaruhi strategi pengeksplisitan dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Dapatan tersebut sudah dihuraikan oleh pengkaji secara panjang lebar dalam Bab 4.

Data yang dianalisis membuktikan sebahagian daripada dialog yang ditemui dalam bahasa Arab mempunyai pola dan bentuk komunikasi yang cirinya kelihatan agak mendadak. Hasil daripada kajian pragmatik seperti Yule (1996) menunjukkan bahawa perbualan antara penutur dengan interlokutor mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua. Bahagian pertama merangkumi antara lain cadangan, tawaran dan undangan manakala bahagian kedua mengandungi struktur jawapan *preferred* (pilihan) dan *dispreferred* (bukan pilihan). Data yang diperolehi membuktikan penterjemah buku '*Rihlah Ibn Battutah*' menggunakan strategi komunikasi bahagian kedua yang menepati cadangan

kategori pilihan (*preferred*) yang disyorkan oleh Yule. Hasilnya, makna implisit dalam buku ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ telah dieksplisitkan secara jelas dan memberikan kesan yang sangat positif terhadap gaya bahasa dan penyampaian teks sasaran. Melangkah ke hadapan, pengkaji merumuskan bahawa fokus yang lebih intensif dan giat terhadap aspek pragmatik seperti ini yang kemudiannya dikaitkan dengan disiplin penterjemahan dapat memberikan impak yang besar kepada kemajuan dan kedinamikan bidang terjemahan dan para penterjemah di Malaysia.

5.3 Implikasi

Berdasarkan rumusan, dapatan dan penemuan yang telah diraih sejauh ini menerusi kajian ini, pengkaji mengemukakan dua implikasi yang penting seperti yang berikut:

5.3.1 Implikasi terhadap pengajaran penterjemahan

Berlatarkan perkembangan pesat bidang terjemahan di Malaysia dan kewujudan bengkel dan latihan penterjemahan di Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan juga di Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), kajian ini dijangka memberikan impak terhadap modul dan aspek pengajaran terjemahan dalam kalangan peserta yang mengikuti kursus dan bengkel terjemahan.

Pengeksplisitan dan pengimplisitan merupakan strategi yang meluas sifatnya dan tidak terhad pada tahap perkataan sahaja, malah pada tahap teks dan wacana secara lebih meluas. Strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan ini perlu didedahkan kepada pelajar institut

pengajian tinggi awam yang mengikuti kursus penterjemahan Arab-Melayu. Rancangan pengajaran pensyarah terjemahan Arab-Melayu perlu lebih dinamik dengan menggabungkan konsep pengeksplisitan ini dalam penterjemahan teks yang mempunyai unsur retorik Arab (*Balāghah*) yang pelbagai. Pelajar perlu diasuh dan diasah untuk menggunakan pemerhatian dan penelitian yang analitis terhadap teks berunsur *Balāghah* Arab dalam latihan dan tugas penterjemahan yang dikendalikan.

Demikian juga dalam teks perbualan Arab, perlu diterapkan strategi komunikasi perbualan yang disyorkan oleh ilmu pragmatik dan dikaitkan dengan latihan serta tugas terjemahan yang dikendalikan. Sudah tiba masanya latihan dan amali terjemahan di institut pengajian tinggi awam diberi sentuhan dan rangsangan baharu yang berupaya mengubah landskap bidang ini ke arah yang lebih mantap dan lebih dinamik.

5.3.2 Implikasi terhadap kajian terjemahan

Hasil kajian ini juga dapat memberikan implikasinya yang tersendiri terhadap kajian terjemahan. Beberapa aspek berikut perlu diperhatikan:

- i. Penggunaan perisian analisis data kualitatif ATLAS.ti yang diterapkan dalam kajian ini telah banyak membantu dalam memudahkan pengkaji membuat pengkodan, pengkategorian dan penganalisan data, penyusunan data, penjanaan data dan pemerolehan semula data. Ini seharusnya merintis jalan ke arah penggunaan perisian yang canggih dan inovatif oleh pengkaji terjemahan Arab-Melayu dalam penganalisan data tekstual masing-masing pada masa hadapan.

- ii. Pembinaan taksonomi kajian berpacuan data (*data-driven taxonomy*) yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan perkaedahan yang tuntas seperti yang disyorkan oleh pakar-pakar kajian kualitatif perlu disebar luas dalam arena kajian terjemahan untuk membolehkan pengkaji meraih pemahaman (*insights*) yang lebih kaya dan mantap daripada data yang dikaji oleh mereka.
- iii. Penggunaan kaedah *inter-rater reliability* (kebolehpercayaan antara pemeriksa) sebagai alat pengukuhan dan kebolehpercayaan kajian penterjemahan analisis tekstual perlu diperluas dan dipertingkatkan pada masa hadapan memandangkan input-input yang diberikan oleh pakar, seperti yang diperlihatkan dalam kajian ini, mencetuskan impak yang tinggi terhadap kajian penterjemahan secara kualitatif.

5.4 Cadangan

Pelbagai cadangan dapat dirumuskan hasil daripada kajian ini. Walau bagaimanapun, pengkaji ingin mengesyorkan dua cadangan utama seperti yang berikut:

5.4.1 Cadangan berkaitan dengan aspek metodologi

Metodologi kajian ini berbentuk kajian kes dan analisis tekstual buku '*Rihlah Ibn Battutah*'. Justeru, kajian akan datang boleh diperluas dalam bentuk kualitatif menggunakan instrumen temu bual yang dijalankan terhadap penterjemah dan penyunting, baik profesional mahupun amatur. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini hanya memfokuskan data tekstual dan tidak mencakup data berkaitan dengan penterjemah dan

penyunting. Dengan memfokuskan faktor penterjemah dan penyunting itu sendiri, kajian pada masa hadapan boleh menyingkap sama ada terdapat korelasi yang akrab antara teks dengan penterjemah dan penyunting dalam penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit. Malah, kajian juga boleh menghuraikan sama ada tahap profesionalisme penterjemah, iaitu profesional dan amatur, memberikan kesan terhadap strategi pengimplisitan dan pengeksplisitan dalam terjemahan.

5.4.2 Cadangan berkaitan dengan genre teks

Data kajian ini memfokuskan bentuk makna implisit dan eksplisit dalam karya Arab klasik dalam bentuk '*Rihlah Ibn Battutah*' dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Justeru, pengkaji menyarankan agar kajian bentuk makna implisit dan eksplisit ini diperluas kepada teks dan genre lain seperti teks teknikal, laporan tahunan, teks komunikasi dan kewartawanan, teks ekonomi dan kewangan ataupun teks yang lebih rumit seperti teks undang-undang. Kajian ini juga boleh dikembangkan untuk mencakup bahasa lain seperti penterjemahan antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, bahasa Perancis dengan bahasa Melayu atau bahasa Jepun dengan bahasa Melayu dan seumpamanya. Malah dalam konteks buku '*Rihlah Ibn Battutah*' ini, dicadangkan kajian pengeksplisitan dan pengimplisitan dilaksanakan pula terhadap teks asal dalam bahasa Arab dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris, '*The Travels of Ibn Baṭṭūṭa*'. Dengan terhasilnya lebih banyak kajian melibatkan bahasa-bahasa lain, kita bakal memperoleh generalisasi yang lebih jitu dan mantap berkaitan dengan fenomena implisit dan eksplisit dalam penterjemahan.

5.4.3 Cadangan untuk kajian lanjutan

Berdasarkan hasil analisis, beberapa cadangan dilihat wajar dilanjutkan untuk para penyelidik akan datang untuk mengisi kekosongan dalam kajian ini seperti yang berikut:

1. Metodologi dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan item data tekstual sebagai data premier. Oleh itu, kajian akan datang boleh diperluas dalam bentuk item penterjemah, sebagaimana yang dilaksanakan oleh Saldanha (2008) yang mengkaji penterjemah itu sendiri sebagai datanya untuk mengenal pasti penggunaan strategi pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan.
2. Kajian ini meneliti bentuk makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan bahasa Arab-Melayu. Oleh itu, kajian lanjutan boleh meluaskan kajian kepada penterjemahan bahasa Melayu-Arab. Analisis menggunakan arah yang berbeza diharap dapat memerkasakan nilai data dan memberikan maklumat baharu.
3. Teks kajian ini ialah teks kesusasteraan dalam genre sastera kembara yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri, yang mungkin lebih menyerlahkan pengeksplisitan berbanding dengan pengimplisitan dalam penterjemahan. Oleh yang demikian, kajian yang sama boleh diluaskan kepada teks genre lain seperti teks sains dan teknologi, teks komersial, teks ekonomi dan pengurusan, malah juga teks pemasaran dalam domain Arab-Melayu mahupun juga dalam domain bahasa-bahasa lain.

4. Kajian ini menyasarkan penggunaan model Klaudy dan Károly (2005) dan Pym (2005) sebagai panduan. Justeru, kajian yang selanjutnya boleh diperluas dengan menggunakan rangka kerja pengeksplicitan dan pengimplisitan yang berbeza.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhan, analisis makna implisit dan implisit dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*' membuahkan keberhasilan dapatan dan penemuan kajian yang membuktikan fenomena makna implisit diterjemahkan menjadi makna eksplisit dan keterbalikannya wujud dalam penterjemahan Arab-Melayu, khususnya dalam teks genre sastera kembara yang dikaji ini.

Pemahaman (*insights*) yang diperoleh hasil daripada penerokaan ini telah menjana keputusan yang bukan sahaja menggariskan secara jelas bentuk-bentuk makna implisit dan eksplisit dalam buku '*Rihlah Ibn Battutah*' malah juga menyenaraikan faktor-faktor berkaitan lain yang mengiringi faktor budaya sebagai faktor tunjang yang mempengaruhi strategi dan proses pengeksplicitan dan pengimplisitan yang dilaksanakan dalam penterjemahan karya ini.

Hakikatnya, pelaksanaan strategi pengeksplicitan dan pengimplisitan yang berlandaskan alasan, faktor dan sebab yang munasabah bukan sahaja mampu mengelakkan kesilapan dan kelemahan dalam terjemahan yang dihasilkan, malah berupaya untuk mempertingkatkan kualiti dan standard terjemahan ke tahap yang lebih membanggakan pada masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran dan terjemahannya*. (1971). Medinah Munawwarah: Khadim al Haramain asy Syarifain.
- Abdel-Hafiz, A.-S. (2003). Pragmatic and linguistic problems in the translation of Naguib Mahfouz's. *The thief and the dogs: A case study*, Babel 49:3.229-252.
- Abdul-Raof Hussein. (2001). *Qur'an translation: discourse, texture and exegesis*. Curzon: Surrey.
- Abdul-Raof Hussein. (2006). *Arabic rhetoric: a pragmatic analysis*. London & New York: Routledge.
- Abercombie, T. (6 December 1991). *Ibn Battuta prince of travelers*. *National Geographic*, Vol 180 No. Washington, D.C.: National Geographic Society.
- Ahmad Amin, M. (1992). *Al-Hayat fi al-Qarni, al-Thani, al-Hijri Kama tusawwiruha Rihlah Ibn Battutah*. Cairo: Matba'ah al-Sa'adah.
